

Bil. 27

**Rabu
14 Mei 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997	(Ruangan 1)
Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997	(Ruangan 37)
Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 1997	(Ruangan 49)
Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1997	(Ruangan 55)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 24)
--	--------------

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Taph)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

Yang Berhormat	Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
“	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
“	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
“	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
“	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
“	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
“	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
“	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
“	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
“	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
“	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
“	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
“	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
“	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
“	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

Yang Berhormat	Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
	Puan Chua Soon Bui (Tawau)
"	Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
"	Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
"	Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
"	Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
"	Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
	Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
"	Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
"	Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
"	Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
"	Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
"	Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
"	Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
"	Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
"	Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
"	Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
	Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
“	Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
“	Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
“	Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
“	Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
“	Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
“	Tuan Radin Malleh (Tenom)
“	Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
“	Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
“	Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
“	Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
“	Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
“	Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
“	Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
“	Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
“	Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
“	Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K.. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Salamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Rabu, 14 Mei 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN
TABUNG PENDIDIKAN TINGGI
NASIONAL 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *[13 Mei 1997]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong, panjang lagi Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak!

2.35 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan pendekkan kerana saya hendak memberi peluang kepada rakan-rakan di sebelah situ.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan tidak, banyak maklumat yang hendak disampaikan, kita sentiasa bertimbang rasa.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sebutkan pihak kerajaan sudah memilih pengkorporatan untuk menyelesaikan beberapa masalah universiti-universiti khasnya tenaga pengajar yang kurang di universiti dan perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan.

Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Pendidikan, pengkorporatan boleh mengelakkan penghijrahan cendekiawan dari universiti-universiti, membolehkan mereka mengadakan sistem pengurusan yang lebih fleksible serta mengendalikan program-program mereka dengan autonomi yang besar sedangkan mereka adalah bertanggungjawab

kepada kerajaan. Bertanggungjawab kepada kerajaan itu adalah sangat penting kerana masalah pengkorporatan ini memang pendekatan komersial.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita membincangkan bagaimana pelajar-pelajar daripada keluarga yang mundur dapat dipelihara melalui perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa kerajaan akan menentukan tidak akan ada seorang pelajar pun yang terpaksa meninggalkan kampus kerana ketiadaan wang setelah universiti-universiti dikorporatkan. Kita berharap jaminan ini dapat ditunaikan untuk selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pendekatan komersial, memang timbul masalah, misalnya, bagi kursus-kursus yang tidak mempunyai unsur kewangan ataupun ekonomi untuk pasaran mungkin tidak dapat dimajukan kerana kekurangan wang dan pengkorporatan memang satu isu yang peka, yang sensitif kerana kita berharap kurikulum untuk kursus-kursus di dalam universiti dapat dimonitor oleh pihak kerajaan supaya bukan sahaja kursus-kursus yang diminati oleh pasaran dibenarkan bahkan juga kursus-kursus sosial, kursus-kursus agama, program-program yang tidak mempunyai unsur kewangan dan ekonomi digalakkan juga kerana kita hendak satu perimbangan di antara sastera dan sains dan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun semalam Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan dengan perbadanan ini pihak pelajar dalam jurusan sains akan diberi tempoh 15 tahun, walhal pelajar yang mengambil kursus sastera akan diberi 10 tahun, ini satu priority, satu galakan untuk para pelajar sains.

Saya tidak menafikan, kita mesti menekankan para pelajar untuk mengambil kursus sains, matematik, ekonomi dan sebagainya tetapi kita tidak boleh mengabaikan kursus sastera - tidak boleh! Kerana apa yang dibuat oleh Yang Berhormat sekarang akan dirasai pada masa 20 tahun yang akan datang, masa itu mungkin kita ada kebanjiran graduan-graduan sains tetapi kekurangan graduan-graduan sastera - mungkin! Kerana suasana sekarang menggalakkan para pelajar untuk mengambil jurusan sains.

Saya berharap kita akan berjaya, tetapi jangan kita melupakan kursus sastera juga kerana mesti mendapat satu perimbangan, sebab dalam masa 20 tahun yang akan mungkin Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak akan jadi Menteri Pendidikan lagi,

mungkin semasa itu memegang jawatan yang lain, mungkin Perdana Menteri. *[Ketawa]* Mungkin! Kita tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, cuma saya sebutkan di sini sebab saya menyaksikan satu trend yang berat kepada sains buat masa ini dan walaupun saya tidak membantah, saya memberi peringatan bahawa jangan sekali-kali kita abaikan kursus-kursus sastera.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin sebab itulah pihak kementerian tidak dapat mengumumkan formula atau rumusan yang dicapai untuk mengkorporatkan Universiti Malaya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai serampang tiga mata dan kita berharaplah semua pelajar jika mampu:

- (i) untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pendidikan tinggi;
- (ii) untuk mendapat sumber wang daripada sekolah; dan
- (iii) untuk menggalakkan budaya menabung.

Serampang tiga mata! Kita pun berharaplah agar dapat dijayakan. Satu syarat yang penting iaitu semua kakitangan terutamanya pemimpin-pemimpin di dalam perbadanan dan juga di dalam lembaga itu mestilah bersih, cekap dan beramanah. Itu satu syarat yang terpenting sekali, bukan sahaja untuk satu, dua tahun, untuk selama-lamanya selagi wujudnya perbadanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya, mengenai pinjaman yang akan diberi kepada para pelajar seperti yang disebutkan oleh William Shakespeare di dalam Hamletnya 'never a borrower nor a lender be' - jangan memberi pinjaman ataupun menerima pinjaman - memang! Kerana bila kita memberi pinjaman mesti ada orang yang tidak mahu membayar balik.

Saya percaya semua Ahli Yang Berhormat bila dia pinjam, dia akan bayar balik sama ada dari bank ataupun dari JPA ataupun dari punca-punca yang lain, semua bayar balik, itu kepercayaan kepada semua Ahli Parlimen yang mulia.

Seorang Ahli: *[Menyampuk][Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, di Australia, sebab kalau kita meneliti isi kandungan rang undang-undang ini ada puncanya daripada Australia juga kerana di Australia ia ada sistem 'ausstudies' di mana para pelajar diberi pinjaman kepada mereka hanya untuk fees tuition dan juga untuk buku-buku tetapi tidak memberi saraan hidup, Cost of Living Allowance (COLA) tidak ada, itu sistem ausstudies.

Dan juga satu ciri ausstudy ialah untuk memberi hanya sebahagian, misalnya 70% ataupun 80% untuk fees ataupun untuk perbelanjaan yang lain - 70% sahaja bukan 100%!

Saya boleh percaya kalau kita berbuat demikian, tidak memberi 100% pinjaman, mungkin ini akan mewujudkan satu iltizam, satu komitmen bagi para pelajar untuk menjayakan diri, mungkin. Sebab saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji sama ada ini cara yang betul, sebab kalau kita melihat kepada apa yang dibuat itu para pelajar akan diberi pinjaman 100%, itu sistem sekarang dan walaupun tidak disebutkan di dalam rang undang-undang ini mengenai pendidikan tinggi di seberang laut, saya percaya ini 100% untuk para pelajar dalam negara sendiri.

Itu penting kerana kita mesti menggalakkan semua mereka melanjutkan pendidikan tinggi di negara kita sendiri kerana kita berhasrat untuk menjadikan negara ini pusat cemerlang untuk pendidikan dan kita mesti menekankan kepentingan kita sendiri untuk perbadanan seumpama ini menjaga 100% bagi para pelajar di negara kita sahaja, bukan untuk seberang laut. Kerana di seberang laut memang mahal, mungkin tiga, empat pinjaman diberi kepada seseorang pergi ke seberang laut, hanya satu sudah cukup untuk seorang pelajar di negara ini.

Walau bagaimanapun, saya menekankan bahawa mungkin Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan sama ada kita boleh kaji, mungkin buat pilot study, golongan ini 100%, golongan ini 80%. Kita tengok macam mana mereka dapat menjayakan diri sama ada komitmen itu cukup ataupun tidak?

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi ialah mengenai Lembaga. Semalam Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengatakan sebagai pendahuluan RM100 juta akan diperuntukkan untuk maksud ini. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana penyelenggaraan Lembaga ini dan perbadanan ini dapat dilaksanakan dan kos-kos untuk overhead dan sebagainya? Kita mesti mengendalikan atau mengontrolkan semua, kalau tidak, kos untuk mengendali tabung dan perbadanan seumpama ini memang tinggi. Kalau tidak silap saya, satu angka diberi bukan sahaja RM100 juta bahkan dalam beberapa tahun lagi akan meningkat kepada RM500 juta, satu angka yang diberi. Saya pun tidak tahulah apakah jadual yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan akan terus memberi subsidi kepada perbelanjaan mengurus ataupun memberi geran tahunan kepada Perbadanan atau Lembaga ini sambil kita berharap semua pinjaman dapat dibayar balik dengan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cara untuk pinjaman ini iaitu faedah (interest rate), mungkin kalau pinjaman dari bank sekarang kadarnya 8% ataupun 9%. Jadi, apakah kadar yang ditetapkan sama ada 3% atau 4% setahun untuk pinjaman ini?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai skim simpanan pendidikan yang dirumuskan di bawah kempen simpanan nasional bagi memastikan para pelajar mempunyai wang untuk melanjutkan pendidikan di peringkat universiti. Saya setuju setakat ini tidak banyak bank yang mempunyai skim seumpama ini. Dengan skim ini para pelajar boleh menyimpan wang setiap bulan, sedikit demi sedikit akan menjadi bukit. Kalau kita boleh menggalakkan tabiat menabung, itu satu langkah yang betul. Setakat ini kita diberitahu bahawa para pelajar boleh menyimpan di dalam akaun simpanan pendidikan dan akaun simpanan dewasa untuk pendidikan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya setuju kita mesti menggalakkan tabiat ini, kita mesti berjaga-jaga sebab kalau kita kira hampir 4 juta pelajar pada tahun 2000 - hampir 2.9 juta murid sekolah dan 1.3 juta murid untuk pelajar menengah, jadi jumlahnya 4 juta murid. Kalau satu orang menyimpan RM1 sahaja, setiap bulan kita dapat RM4 juta dan kali 12 bulan, hampir RM5 juta atau RM6 juta, setiap tahun RM50 juta. Ini satu angka yang besar. Kalau dalam 5 tahun, lebih RM100 juta. Ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan memang dia senyum kerana ini satu punca yang tidak habis-habis, setiap tahun kita dapat lebih kurang RM50 juta atau lebih. Walaupun idea itu baik, kita mesti jaga kepentingan para pelajar kerana kalau ikut hasrat dan matlamat kita, kita hanya berharap 40% daripada mereka ini dapat melanjutkan kepada pendidikan tinggi. Ini bermakna setiap 100 pelajar yang menyimpan, mungkin ada 40 pelajar yang mempunyai peluang pergi ke universiti. Ini memang kita mesti jaga dengan baik kerana 60% tidak dapat masuk ke universiti.

Memang tidak rugi kerana mereka boleh dapat wang balik daripada bank-bank, daripada skim ini, saya setuju, tetapi di dalam pengurusan semua simpanan ini memang pihak kementerian mesti bertanggungjawab untuk memastikan semua pengurusan wang ini adalah dijalankan dengan betul sama ada Yang Berhormat dari Parit yang Sulong

ada memberi peringatan bahawa jangan menggunakan wang ini untuk pelaburan yang mempunyai risiko yang tinggi, tetapi dari pengalaman negara ini sama ada KWSP, Tabung Haji, Tabung Angkatan Tentera ataupun tabung-tabung yang lain memang dari masa ke semasa ada timbul masalah. Saya berharap dengan adanya perbadanan ini tidak akan timbulnya masalah seumpama ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya memang menunaikan janji, mengenai Lembaga Hasil Dalam Negara yang akan ada satu pindaan untuk membolehkan mereka mengutip memaksa majikan pada masa hadapan membayar dengan memotongkan daripada gaji pelajar yang mendapat pinjaman daripada perbadanan ini. Ini satu cara yang baru. Saya pun tidak tahu macam mana ini boleh dijayakan, sebab kalau kita memperlihatkan yang dibuat sekarang oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), jabatannya sedang berusaha bersama-sama dengan Lembaga Hasil Dalam Negara untuk mengesan para peminjam yang cuai membayar balik kerana JPA setiap tahun mengeluarkan hampir RM1.2 bilion untuk pinjaman biasiswa ini.

Saya berharap dengan JPA dan sekarang dengan Kementerian Pendidikan sama-samalah menggunakan perkhidmatan Hasil Dalam Negara, mungkin Lembaga Hasil Dalam Negara dapat mewujudkan satu jabatan khas sama-sama menguruskan hal ini kerana kakitangan dalam Lembaga sekarang tidak cukup untuk berbuat demikian, memang tidak cukup. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana Lembaga Hasil Dalam Negara dapat bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan untuk menguruskan semua ini supaya seratus peratus peminjam dapat membayar balik wang yang dipinjamnya.

Sekian sahajalah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Senai.

2.53 ptg.

Tuan Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nampaknya ramai lagi yang hendak berucap, saya terpaksa hadkan masa. Yang Berhormat diminta berucap selama 20 minit ya?

Tuan Lim Si Cheng: Saya akan menjimatkan masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Si Cheng: Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk saya bersama-

sama dengan rakan-rakan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997. Saya menyokong rang undang-undang ini kerana ia adalah bertujuan menubuhkan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional bagi maksud menyediakan bantuan kewangan melalui pinjaman pendidikan atau selainnya kepada pelajar yang menuntut di institusi pendidikan tinggi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, education is our future, dengan izin, pendidikan adalah masa depan kita. Pendidikan adalah kunci kepada pembangunan negara kita. Pendek kata, kejayaan negara kita adalah bergantung kepada kejayaan rakyat kita dalam bidang pendidikan. Maka kita perlu menganggap pendidikan generasi muda kita sebagai satu pelaburan yang boleh menjamin masa depan kita. Dalam masyarakat Tionghua kita ada satu peribahasa yang ertinya seperti berikut, 'betapa susahnyanya keadaan kita, kehidupan anak mesti dijaga; betapa miskinnyanya kehidupan kita, pendidikan anak pasti dipelihara' iaitu dalam bahasa Tionghua 'chai khoo pulen khoo hai cher, tai cheung pulen chong chiau ee'. Ini adalah satu sikap yang begitu positif yang perlu kita semua berpegang kuat. Kita anggapkan semua generasi muda kita sebagai anak kita. Apabila mereka menghadapi masalah dalam pendidikan, perlu kita memberi bantuan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengalu-alukan tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mewujudkan satu skim pinjaman untuk membantu pelajar ijazah pertama di institusi pendidikan tinggi awam di negara kita tanpa mengira bangsa dan keturunan. Skim pinjaman ini juga akan memberi peluang kepada pelajar bumiputera untuk melanjutkan pelajaran mereka di institusi pendidikan tinggi swasta tempatan (IPTS). Saya menyokong penuh atas cadangan ini, akan tetapi, ingin saya memohon supaya cadangan ini dipanjangkan kepada pihak bukan bumiputera. Kini terdapat juga ramai pelajar terdiri daripada bukan bumiputera. Mereka datang daripada keluarga yang miskin, mereka mempunyai keputusan akademik yang begitu baik dan cemerlang, malangnya mereka gagal mendapatkan tempat di universiti-universiti awam. Mereka terpaksa melanjutkan pendidikan mereka di IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, eloklah mereka ini dapat dibantu. Bantuan ini adalah dari segi pinjaman, pinjaman perlu dibayar balik. Bagi mereka yang mendapatkan pertolongan, sudah tentu akan sentiasa menghargai usaha kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ingin saya bangkitkan ialah ramai Ahli Yang Berhormat telah sentiasa membangkitkan masalah kekurangan guru dan masalah yang dihadapi oleh pihak guru dalam negara kita. Sebenarnya guru memang penting kepada kita. Mereka adalah penting kepada masyarakat dan negara kita. Tidak ada guru, tiada Perdana Menteri. Tidak ada guru, tiada Timbalan Perdana Menteri. Tiada guru, kita tidak akan dapat seorang Menteri Pendidikan yang begitu pintar, begitu bijak, begitu berpandangan jauh. [Tepuk] Tanpa guru, tiada saya dan tidak ada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain.

Seorang Ahli: Setuju, setuju.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan cadangan kerajaan bahawa skim pinjaman ini juga diberi peluang kepada anak-anak kakitangan kerajaan. Maka ingin saya cadangkan supaya satu skim khas dapat diwujudkan semata-mata untuk membantu pihak guru dalam negara kita dengan memberi peluang kepada anak-anak guru untuk mendapatkan pinjaman pendidikan. Ini akan membuktikan bahawa kerajaan menghargai sumbangan dan jasa guru kepada negara kita, di samping menggalakkan lebih ramai pemuda-pemudi memohon menyertai profesion perguruan.

Dengan kata-kata ini, saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena.

3.00 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Pendidikan kita yang telah mewujudkan Rang Undang-undang Tabung Pendidikan Nasional 1997. Saya cuma ingin hendak ingatkan tujuan kita mewujudkan tabung ini adalah disebabkan selepas Menteri Pendidikan meluluskan penwujudan universiti swasta, sebab apabila kita hendak wujud universiti swasta, maka timbullah perasaan takut terutama sekali bumiputera - takut kepada perkataan private - private university. Orang Melayu memang takut private, mata-mata private pun dia takut sebab mata-mata private tahan tidak ada lampu basikalkah dia kenalah RM14, RM15 - private means money. Hospital private - dua, tiga malam sudah saya bawa emak mertua saya pergi hospital private, sebelum dia bawa masuk sahaja, dia hendak RM4,000 - belum tentu lagi sakit apa. Sebab itu orang Melayu takut. Doktor private, di Kedah seorang sahaja doktor

private yang orang tidak takut. Mico Klinik, Tuan Yang di-Pertua tahulah sebab dia charge bawa daripada tambang pergi ke hospital. Kalau pergi ke hospital tambang RM5 pergi kat dia RM4 sahaja. Itu pun kalau ada, kalau tidak ada tak payah - hutang! Bayar RM2 dulu hutang, hutang pula tidak kena bayar. Sekarang dia jadi Perdana Menteri - doktor private itu - Ini sahaja, tetapi doktor private macam Kepong ini [Ketawa] kalau tidak ada duit jangan dok cuba. Masuk pintu dia, service charge RM25 belum tentu sakit panaukah, apakah belum tentu lagi. RM25 sebab dia specialist. Itu doktor private, masuk sahaja belum kira ubat lagi. Ha, ini doktor private sebab itu orang Melayu takut kepada 'private' ini - doktor private, hospital private, mata-mata private - Ha, ini bila hendak wujud universiti private maka orang Melayu gementar, terutama sekali saya wakil rakyat luar bandar.

Saya mencadangkan supaya wujud satu tabung. Tabung Pendidikan Nasional ini mesti besar - RM100 juta untuk permulaan sahaja, dia kena berbilion sebab kita hendak menolong bumiputera dan jangan dok fikir kisah untung rugi, jangan fikir tentang kita hendak kutip duit. Kita memikirkan kejayaan tabung ini, pelajar itu lulus dalam peperiksaan di universiti. Itu untungnya, kalau gagal kita rugi. Ini dok kira hendak kutip macam mana hendak bayar balik, jangan dok fikir kisah kutip. Fikir macam mana kita hendak menjayakan bumiputera kita, bagaimana kita hendak menjayakan masyarakat yang tidak berkemampuan untuk masuk ke universiti swasta. Universiti biasa ini tidaklah, kalau kita hendak buat tabung ini lama dah kita buat, kalau untuk universiti biasa, universiti awam. Ini universiti swasta sebab universiti swasta ini akan menarik pensyarah-pensyarah yang baik.

Macam hospital juga, doktor-doktor pakar habis pergi ke private hospital. Kita kalau tengah malam pergi ke hospital kerajaan jumpa dengan 'inten'nyalah, kalau tidak 'inten' doktor itu housemanship. Lepas itu bila hendak jumpa housemanship ini dia tengok-tengok kita - jantung! Mai, mai periksa physician dia kata alah, demam pneumonia sahaja. Ini biasa berlaku sebab itu orang dok lari pergi private, dia tahu private ada specialist dan universiti private ini akan pull - akan menarik pensyarah-pensyarah yang baik. Ini saya minta Menteri Pendidikan supaya mengawasi perkara ini supaya pensyarah-pensyarah yang baik jangan ditarik pergi ke universiti-universiti swasta sebab bila satu ketika nanti, bila universiti swasta mempunyai pensyarah-pensyarah yang baik, maka orang tidak percaya lagi kepada universiti awam

ini. Oleh sebab bila sampai ketika itu, maka anak-anak kita di kampung pun hendak masuk universiti swasta, itu yang timbul masalah hendak mewujudkan Tabung Pendidikan Nasional ini - hendak menolong bumiputera, hendak menolong masyarakat yang susah untuk masuk ke universiti swasta sebab kita jangka di universiti swasta akan menjadi satu universiti yang lebih baik, mempunyai pensyarah-pensyarah yang baik, pentadbiran yang baik. Jadi, di mana anak-anak kita yang miskin, anak-anak bumiputera luar bandar macam Pokok Sena ini? Tidak ada chance melainkan dengan tabung ini.

Oleh itu saya mencadangkan tabung ini jangan fikir kisah hutang. Macam mana hendak bayar balik? Buat dua borang sahaja. Ini cadangan saya. Dua borang - satu borang memberi pengakuan potong gaji. Macam wakil rakyat kena potong gaji, bila jadi wakil rakyat dia kena potong gaji, dia sign satu borang potong gaji, satu lagi borang kalau dia tidak jadi pegawai kerajaan, macam saudara kita daripada Tanjong Karang, kalau dia tidak jadi pegawai kerajaan macam mana? Borang itu sanggup membayar balik. Itu sahaja dua borang dan ditandatangani oleh pelajar ini, jangan sangkut dengan ibu bapa dia. Bila sangkut ibu bapa dia, dia mula cari wakil rakyat, cari wakil rakyat, wakil rakyat kena cari menteri - susah balik! Jangan sangkutkan dengan pelajar itu, pelajar itu hendak masuk dia sudah besar - sudah 19 tahun, dia tandatangan; saya bersetuju potong gaji saya bila saya bekerja dengan kerajaan; saya bersetuju potong gaji saya dengan majikan yang saya kerja; saya bersetuju kalau saya tidak ada kerja saya kerja private, saya akan bayar balik. Janganlah dok potong benda-benda lain. [Ketawa] Saya bersetuju akan bayar balik, kalau dia tidak ada kerja hendak potong apa? Janganlah potong itu kita anggap sebagai gagal, sebagai rugi.

Saya harap Menteri Pendidikan ini anggapkan tabung ini dua sahaja. Satu, bila pelajar itu berjaya di univerisiti, maka itu adalah kejayaan kementerian ini, kalau dia gagal dia tidak pass itu nasib kita rugi, jangan dok kira dari segi duit ringgit. Kalau dia berjaya kita untung, kalau dia gagal kita rugi, itu sahaja.

Jadi, cadangan yang kedua, Tuan Pengerusi, jawatankuasa yang hendak dilantik ini. Jangan hanya fikir macam mana hendak bayar balik, pilih jawatankuasa yang tahu prinsip kita mewujudkan tabung ini. Dia hendak menolong lepas itu biar duit ini kalau kerajaan beri RM100 juta setahun, syukur sampai berbilion-bilion supaya jawatankuasa ini tidak

gaduh dok memikir anak pinak dia atau adik beradik dia yang datang interview. Jangan interview, dia dapat sahaja peluang untuk masuk universiti, maka dengan sendirinya jawatankuasa ini akan memberi satu surat kepada universiti bahawa pelajar ini kami telah meluluskan permohonan pinjamannya ataupun peruntukan untuk dia belajar di universiti tuan. Itu sahaja. Jangan dok interview, masuk dua puluh orang interview dia dok pilihlah - dalam dua puluh orang itu adik-beradik jawatankuasa adalah empat belas orang. Lepas itu tinggalah enam orang lagi orang lain. Ini kita tidak mahu perkara ini wujud. Sekarang ini ada juga wujud, bila pergi interview sudah kena adik-beradik orang itu, adik-beradik orang ini sampai ke office boy punya adik-beradik, habis ikut itu sahaja. Jadi, kita tidak sampai cita-cita kita.

Yang ketiga ada siapa bangkit tadi? Kepong! Dia kira duit ringgit sahaja - private! Interest berapa? Apa dok peduli kisah interest? Kita hendak kisah kejayaan anak-anak kita, ini dok kira berapa interest rate? Apa punya Kepong! Sentiasa memikirkan tentang duit ringgit sahaja. Jadi, saya berharap Kementerian Pendidikan yang telah mewujudkan tabung ini banyak memikirkan tentang kejayaan anak-anak kita, jangan dok fikir, jangan dok dengar macam Yang Berhormat dari Kepong ini, dia kira duit ringgit sahaja sebab dia private. Dia kira private interest berapa, modal, bila hendak mai, bila hendak pergi, ini kita tidak mahu!.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Nasib baik awak tidak pergi ke Mina kalau tidak awak hangus habis dah. *[Ketawa]* Kelmarin dia kata saya lari daripada kebakaran di Mina, baguslah itu saya dapat lari tetapi kalau dia, harus pergi dah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak beri jalankah tidak?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bagi, bagi kat dia.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat dari Pokok Sena ini memang tidak tahu apa yang dibincang sekarang, tidak ada jawatankuasa pun dia kata ada jawatankuasa, mana ada jawatankuasa Yang Berhormat? Tidak ada pun dia kata ada dan cuma yang lain itu adakah dia sedar bahawa bila dia dapat konsultasi yang percuma dia kata, sekarang hendak bidas saya pula. Inilah caranya dan kalau tidak ada faedah ataupun interest rate macam mana kita boleh

mengendalikan tabung ini, macam mana? Duit itu dia tumbuh seperti daun-daun? Dari mana kita dapat wang itu?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Habis?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Fasal apa minta penjelasan dekat saya, saya bukan menteri, minta penjelasan dekat menteri. Mencelah saya sahaja. *[Ketawa]* Jadi, tengoklah, dia dok kira interest itu lagi. Dok kira interest duit ringgit juga. Dia kata tidak ada jawatankuasa, ahli lembaga itu jawatankuasalah, saya hendak kata pekak pun tidak patut. *[Ketawa]* Ahli jawatankuasa lembaga itu, lembaga pengarah pentadbiran macam jawatankuasa juga, awak tidak tahu bahasa Malaysiakah? Jawatankuasalah bila ada satu jawatan satu lembaga untuk mentadbir, itu jawatan yang berkuasa, itu jawatankuasa. *[Ketawa]* Awak jangan salah fikir, bila ada sesuatu badan yang berkuasa, maka dia dipanggil jawatankuasa, ahli lembaga pengarah ini jawatankuasa, saya cikgu tahu awak doktor kulit! Macam mana masuk askar tidak tahu! Badan kecil pakai cermin mata jalan pun tidak betul! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mencadangkan perkara-perkara ini supaya kita tidak mahu perkara ini wujud, tabung ini wujud maka cita-cita kita, tujuan asas kita mewujudkan tabung ini terlari daripada landasan. Macam Yang Berhormat Kepong kata tadi, barangkali satu ketika nanti Menteri Pendidikan kita menjadi Perdana Menteri, dia sudah tidak jadi Menteri Pendidikan, siapa? Jadi, kita wujudkan satu rang undang-undang ini untuk menentukan arus tujuan kita pergi. Barangkali masa Yang Berhormat Menteri kita jadi Perdana Menteri, dia jadi Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Kepong barangkali menjadi Ketua Pembangkang, sekarang pun dia dok pulun nak jadi Penolong Setiausaha dah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, jadi itulah sedikit sebanyak, saya cuma harap sedikit sebanyak yang saya bangkitkan ini memang berkenaan dengan rang undang-undang ini. Jangan Yang Berhormat dari Kepong mengatakan saya lari dari landasan. Saya bangkitkan perkara ini untuk hendak mengingatkan menteri supaya kita betul-betul menggunakan Tabung Pendidikan Nasional ini untuk kepentingan bumiputera, untuk kepentingan rakyat yang termiskin terutama sekali anak-anak wakil rakyat ini, mintalah setengah wakil rakyat macam saya wakil rakyat PPRT, wakil rakyat termiskin, bukan ada apa. Yang Berhormat bolehlah, Yang Berhormat

doktor private! [Yang Berhormat dari Kepong] Jadi, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menerima cadangan-cadangan saya supaya perkara ini dapat berjalan dengan lancar dan kita mendapat faedah untuk kepentingan kita bersama. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong.

3.13. ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong] Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional untuk memperuntukkan satu tabung bagi membenarkan anak-anak kita berpeluang melanjutkan pendidikan tinggi dan menyediakan bantuan kewangan melalui pinjaman pendidikan atau selainnya kepada pelajar yang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi. Sungguhpun saya tidak begitu senang apabila mendengar Yang Berhormat dari Pokok Sena - dia sudah keluar ya? - Tidak apalah, nanti saya sebut perkara itu.

Dalam masa negara kita menuju kepada satu masyarakat berilmu, mewujudkan satu masyarakat berilmu (knowledge society) institusi pengajian tentulah memainkan satu peranan yang penting dan kita perlu memupuk satu budaya cemerlang (culture of excellence) di semua bidang khususnya di universiti tetapi bukan sahaja di universiti di semua peringkat termasuk di dalam Dewan yang mulia ini supaya kita ada kebudayaan cemerlang supaya kita boleh memberi satu contoh kepada masyarakat bahawa itulah satu kualiti yang kita beri keutamaan dalam era ini.

Ini sangat mustahak dan kerap kali ada berlaku peristiwa-peristiwa di mana kita tidak memberi contoh yang baik itu. Sebagai satu instance dalam perbahasan dalam Rang Undang-undang Copyright, Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara ada berdiri mengeluarkan satu isu yang saya kemukakan mengenai 'reverse engineering' di bidang komputer. Kita tanya mana ada reverse engineering dalam bidang komputer, ianya baru dalam industri-industri. Reverse engineering computer dia kata tidak ada. Apabila di luar Dewan dia pun mahu lagi argue dengan saya. Saya kata kita boleh argue dalam Dewan yang mulia ini, sangat senang. Tentulah dia seorang Internetter. Kalau main Internet, check sahaja, satu bibliography mengenai reverse engineering computer, satu item sahaja, satu rencana sahaja, lima ratus reference, saya akan beri ini kepada Yang Berhormat daripada Petaling Jaya Utara supaya ia boleh belajar. Kita boleh ada satu budaya kecemerlangan,....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:
[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: 'Culture of excellence' sebagai contoh....

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Ya, hendak bangun fasal apa?

Tuan Lim Kit Siang:pun perlu 'reverse engineering.'

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Izinkan saya menarik perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 36(1), sekarang ini kita bincang di bawah tabung, apa kena-mengena dengan Internet, telah sudah. Saya minta Tuan Yang di-Pertua minta Yang Berhormat pergi kepada tajuk semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong, sila. Teruskan berkenaan dengan rang undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu ini antara langkah untuk 'knowledge society', memupuk satu kebudayaan cemerlang, itu pun tidak faham, lebih baik di 'reverse-engineer' kanlah. Saya harap kita semua beri contoh apabila cakap apa-apa kita tahu baru cakap, kalau tidak tahu jangan buka mulut.

Kedua, masuk satu era baru dalam bidang pendidikan, khasnya dalam zaman maklumat. Saya percaya kalau kita mahu menekankan kepentingan betapa pentingnya peranan pendidikan, kita perlu menangani perubahan yang perlu kita buat dalam bidang pendidikan. Kita perlu mengadakan satu sistem 'life long learning', di mana proses learning ini tidak terhadkan kepada institusi-institusi yang kita berada, tetapi satu proses 'continuing life long'. Ini bererti tabung yang kita mahu tubuhkan patut diberi kemudahan bukan sahaja kepada anak-anak kita yang baru memasuki universiti-universiti, tetapi untuk semua rakyat Malaysia yang mahu melanjutkan pendidikan mereka di apa-apa peringkat, termasuk ahli Parlimen. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara mahu pergi belajar mengenai 'reverse engineering computer', beri dia satu pinjaman atau guru-guru, atau sesiapa dalam apa-apa bidang supaya kita boleh memupuk 'life long learning culture'.

Yang kedua, saya harap bahawa peruntukan untuk pinjaman ini tidak terhad kepada institusi-institusi tempatan, sama ada institusi pendidikan tinggi swasta atau awam, tetapi terbuka kepada semua rakyat yang mahu melanjutkan pendidikan

tinggi mereka dalam negara melalui saluran-saluran lain juga, selain daripada melalui IPTS atau IPTA, tetapi mungkin correspondence atau apa-apa untuk menggalakkan 'life long learning' proses. Saya bukan sebut atau bererti mengenai untuk institusi pengajian tinggi luar negeri, tidak. Sistem-sistem yang lain mungkin bukan formal supaya kita boleh memperluaskan pool knowledge yang tinggi di negara kita untuk menangani cabaran-cabaran masa depan khasnya abad ke-21.

Satu isu yang saya rasa sangat mustahak, dan itulah apa yang saya kata saya rasa tidak senang hati apabila dengar ucapan Yang Berhormat dari Pokok Sena bahawa inilah tujuan tabung ini ialah untuk menjayakan bumiputera. Adakah tujuan tabung ini untuk bumiputera sahaja? Kalau begitu tabung ini akan menjadi satu punca baru pecah belah, 'national division' dan tentulah tidak sihat. Kita tidak mahu diskriminasi terus menjadi satu 'batch nation building policy' negara kita. Masa sudah sampai untuk kita menerima meritokrasi dan tidak ada lagi diskriminasi. UMNO Youth ada kata sekarang masa sudah sampai untuk meritokrasi. Sistem pendidikan sudah dekat 30 tahun, bukankah masa sudah sampai di mana kita dismantle segala sistem-sistem yang berasaskan kepada diskriminasi dan adakan satu landasan yang baru untuk berasaskan meritokrasi.

Saya percaya bahawa kalau kita ikut satu sistem meritokrasi bahawa anak-anak bumiputera akan ditinggal belakang, berasaskan apa kriteria yang kita menggunakan. Saya setuju dengan Yang Berhormat dari Pokok Sena bahawa kalau sesiapa yang dapat kelayakan untuk boleh memasuki universiti, kita beri bantuan atau kita beri pinjaman. Atas asas itu, kenapa perlu lagi membezakan bumiputera, bukan bumiputera. Bukankah ini boleh menggunakan kriteria meritokrasi. Atas itu, janganlah lagi kata ini untuk menjayakan bumiputera. Kita katakan ini untuk menjayakan Malaysia, anak semua rakyat Malaysia, bumiputera, non-bumiputera, kalau kita mahu masuk era yang baru, kalau kita mahu sistem pendidikan kita boleh dapat 'world class standard'. Kalau kita mahu 'world class standard', kita perlu world class pensyarah-pensyarah, world class pelajar-pelajar, dan tidak boleh lagi diskriminasi atau membezakan bumiputera, bukan bumiputera tetapi semua rakyat Malaysia.

Di sini, kalau kita mahu satu budaya cemerlang, kita pun perlu kaji iklim-iklim, suasana yang sebenarnya memudaratkan untuk membina iklim-iklim atau kebudayaan cemerlang menuju kepada satu masyarakat berilmu, 'a knowledge society'.

Di sini saya menyeru Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan seriusnya mengadakan satu kajian untuk membina, mewujudkan suasana akademik di mana pelajar-pelajar, mahasiswa-mahasiswi, pensyarah-pensyarah boleh digalakkan untuk, dengan izin 'cultivate originality' mereka, kreativiti mereka, oleh kerana masyarakat maklumat kedua-dua unsur ini ialah akan menentukan masa depan negara kita, 'destiny' rakyat ini.

Antara perkara-perkara yang perlu diberi keutamaan ialah mengenai peranan University and University Colleges Act. Saya cadang bahawa Yang Berhormat Menteri beranilah, kalau bukan untuk memansuhkan University and University Colleges Act, sekurang-kurangnya suspend pelaksanaan penguatkuasaan University and University Colleges Act untuk lima tahun, tengoklah sama ada boleh membahayakan keselamatan negara, sama ada UUCA mesti bahagian undang-undang kita atau sebenarnya UUCA tidak perlu. Sebenarnya ada UUCA menyekat promotion originality, kreativiti di kalangan mahasiswa-mahasiswi dan academician kita. Berani kita cuba lima tahun, kalau tidak UUCA dengan peruntukan kalau diperlukan pun boleh diketepikan bila-bila masa. Kalau begitu, takut kalau kita tidak ada UUCA huru-hara di kampus-kampus tempatan boleh berlaku, baik. Suspend untuk lima tahun dengan satu lagi syarat bila-bila kalau keadaan yang perlu di mana keputusan untuk suspend lima tahun boleh diketepikan.

Oleh kerana mustahak, kita kata kita mahu menjadi software power. Kita mahu MSC boleh lawan dengan Singapura dengan Cilicon Valley, dengan Subic Bay atau apa-apa. Tidak lama lagi banyak IT city akan wujud dan muncul, dengan banglow, mahu lawan. Kita tengok bagaimana kita boleh memupuk creativity originality di kalangan pemuda-pemudi kita. Inilah perlu untuk suspend lima tahun pelaksanaan University and University Colleges Act supaya ada satu suasana yang lebih bebas.

Yang Berhormat Menteri sendiri dalam suasana yang lebih bebas apabila dia melanjutkan pendidikan. Dia faham bagaimana kreatif itu, dan keadaan yang kita ada sangat unnatural. Unnatural adalah singkatan semacam University and University Colleges Act. Apa ada keadaan yang begitu unnatural, produk kita unnatural. Produk universiti, sistem education kita pun unnatural, bahawa unsur originality and creativity yang patut ada, tetapi tidak ada. Di sini, saya pun...

Tuan Yang di-Pertua: Minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Okay. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberi penjelasan kedudukan mengenai corporatisation University of Malaya, oleh kerana ini ada bersangkutan-paut direct dengan perlunya skim ini. Tentulah RM100 juta tidak cukup untuk memberi peluang kepada anak-anak kita atau satu open system, satu stimulus system, life long learning siapa pun boleh minta, mungkin perlu RM500 juta. Satu investment yang tentulah akan memberi pelaburan yang baik. Kita cadang RM100 juta tambah ke RM500 juta. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupa.

3.28 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupa]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mewakili rakyat daripada luar bandar. Kebanyakan rakyat di luar bandar adalah rakyat yang miskin. Apabila undang-undang pendidikan pada awal tahun ini, dibawa ke Parlimen ini, salah satu masalah yang kita hadapi pada masa itu, atau kita pandang mungkin berlaku pada masa itu ialah peluang anak-anak daripada luar bandar memasuki pendidikan persekolahan tinggi. Jadi, rata-rata wakil rakyat yang mewakili luar bandar mempunyai komentar-komentar yang sama dan saranan-saranan yang sama, iaitu satu tabung kena ditubuh dan tabung itu mesti dikhusus ataupun mempunyai satu penekanan supaya anak-anak yang kurang berkemampuan, anak-anak yang tidak mendapat sumber-sumber lain diberi satu peruntukan atau pinjaman ataupun biasiswa untuk menyambung sekolah-sekolah mereka ke peringkat universiti.

Alhamdulillah, pada hari ini dengan undang-undang ini, kita ada satu tabung yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan. Jadi, saya bukanlah hendak menjadi reflection apa Yang Berhormat dari Pokok Sena sebut, untuk menyebut-nyebutkan soal bumiputera dan sebagainya. Tetapi pada masa sekarang saya ingin bertanya adakah kita berkemampuan mengatakan apa yang dikatakan 'meritokrasi' - ala Singapura. Kalau bumiputera pada masa sekarang sudah mempunyai saingan yang mencukupi dan memberi peluang yang mencukupi sama ada dalam bidang pendidikan ataupun sebagainya. Daripada peringkat bawah lagi - sekolah rendah - kita sudah menampakkan yang prestasi kita masih kurang, oleh kerana peluang kita kurang di luar bandar. Jadi, bukanlah saya mengatakan yang lain tidak boleh diberi, perkara ini dikhususkan untuk bumiputera, tetapi penekanan mestilah diberi kepada bumiputera sehingga mana

bumiputera belum mendapat keseimbangan daripada segi pendidikan, ekonomi dan sebagainya.

Pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, daripada kajian ekonomi, berapa tahun sudah kita hendak buat new economic policy. Kita boleh mendapat 50%-50%. Kita masih di bawah 30% ekuiti kita. Jadi, apa pula yang kita hendak sebut soal meritokrasi. Saya percaya Ketua Pembangkang sudah tahu perkara ini, tetapi bunyinya dia hendak berpindah ke Singapura.

Dahulu kita ada masalah dengan Singapura pada tahun 1965 mengenai soal meritokrasi ini. Pada tahun ini kita ada masalah juga, tetapi dia sebut-sebut lagi masalah itu. Bukanlah saya sensitif, saya bukan sensitif, saya mewakili masyarakat luar bandar, masyarakat yang miskin, masyarakat yang saya nampak belum lagi boleh berdiri atas kaki mereka sendiri kalau tidak ada bantuan dari kerajaan, daripada segi persekolahan dan pendidikan mereka.

Di pejabat saya pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua ada 3 permohonan, budak-budak yang telah diterima masuk universiti minta dengan saya di mana boleh dapat RM1,000 untuk pendaftaran - RM1,000 ia termasuk tiket kapal terbang (belon) untuk pergi ke Kuala Lumpur dan hendak minta juga untuk wang pendaftaran masuk ke universiti sebanyak RM1,000. Saya manalah ada duit, kalau tiga orang saya beri sudah RM3,000, kalau 10 orang? Mana duit wakil rakyat hendak beri. Jadi, alhamdulillah saya tahu yang MARA ada buat pemberian yang sedemikian dengan syarat wakil rakyat boleh beri, ketua kampung boleh beri, katakan orang ini menerima pendapatan kurang dari RM300 dan pemberian itu boleh dibuat dengan secara cepat, tidak banyak sangat red-tape dan birokratik requirementnya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah keadaan masyarakat luar bandar yang kebanyakannya bumiputera, bukan kita hendak menekan bukan bumiputera, apa yang kita katakan bumiputera ini belum mampu keluarkan RM1,000 untuk pendaftaran masuk universiti pun, sampai peringkat ekonomi kita boleh menyandangkan tanggungjawab ini baru kita boleh soal 'meritokrasi' ini diimplementkan.

Tuan Yang di-Pertua, isteri saya orang bukan bumiputera, keluarga sebelah isteri saya semua bukan bumiputera, maknanya saya 50% bukan bumiputera dan di sebelah saya 50% bumiputera. Jadi, saya tahu soalan ini, mengenai apa yang saya kata.

Tuan Yang di-Pertua, soalan murid-murid di luar bandar, peluang mereka mesti diberi. Jadi, pada

masa sekarang anak-anak yang daripada luar bandar hendak pergi ke bandar hendak belajar, dia tidak ada duit, dia kata macam mana, di mana hendak duduk kalau asrama tidak cukup dia terpaksa tinggal di rumah persendirian - tidak cukup. Jadi, institusi-institusi yang memberi pinjaman kepada budak-budak sebegini. Oleh itu, saya berharap tabung ini bukan peringkat tertinggi sahaja, boleh juga menolong anak-anak yang tidak mendapat jaminan sedemikian. Kasihanlah melihat anak-anak yang mempunyai kelulusan yang baik di peringkat SPM tetapi tidak boleh menyambung sekolah di bandar, oleh kerana kekurangan sumber pendapatan ibu bapa mereka, balikkah mereka ke kampung menjadi pekerja di sawah, pekerja balak dan petani. Jadi, ibu bapa memandang negatif terhadap pelajar, dia kata anak saya 12 tahun sekolah, sekarang balik menjadi petani. Dahulu saya 'alif pun langgar kepala pun tidak tahu' pun menjadi petani macam dia juga, kalau begitu tidak payahlah pergi sekolah. Jadi, selama-lamalah anak kita di luar bandar tidak hendak belajar lagi, oleh kerana pendapat yang negatif sedemikian. Kenapa? Oleh kerana tidak ada pertolongan yang khusus, yang automatik dan secara tidak payah dimohon. Jadi, dengan sendirinya di bawah tabung ini tidak payahlah membuat permohonan, janganlah banyak red-tape, jangan banyak birokrasi requirementnya. Kalau kita nampak senarai budak yang lulus, yang sudah layak menerima secara automatik tawaran mesti dihantar kepada mereka. Kadang-kadang orang luar bandar dia tidak tahu macam mana hendak mohon pun, tidak tahu mana kemudahan kerajaan. Jadi, dengan sendirinya, hendak tambang pergi daripada kampung pergi ke daerah, dari daerah pergi ke bandar sudah RM30-RM50. Pada wakil rakyat, orang yang kaya RM30 itu tidak bermakna, tetapi orang kampung RM30 itu tiga hari tidak makan Tuan Yang di-Pertua. Please don't talk about meritocracy. Saya sensitif mengenai meritokrasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tabung ini bukan sahaja untuk pendidikan di dalam negeri, tetapi juga untuk luar negeri. Kalau untuk luar negeri janganlah anak-anak kita jadi peminta sedekah dan orang miskin papa kedana bila sampai ke negeri orang. Aseslah penilaian kehendak keperluan mereka di sana dan berilah pinjaman yang sepatutnya. Sebab ada institusi di negara kita, kalau dia memberi pinjaman buat di Englandkah, di Australia atau di Amerika diberi RM45,000, selepas itu kalau bapanya boleh tambah -tambahlah, universiti beri 3 tahun belajar, tetapi kalau RM45,000 untuk 4 tahun, 1 tahun pun tidak cukup. Jadi, di

mana bapanya hendak mencari wang. Penekanannya ialah cagaran, kalau tidak ada cagaran, tidak ada jaminan, hendak cari ibu apa yang makan gaji RM5,000. Kalau bapanya bergaji RM5,000 ibunya bergaji RM5,000 - bolehlah, mungkin banyak harta benda di sana-sini untuk cagaran. Kalau tidak ada, balikkah dia ke kampung menjadi pesawah, petani dan pekerja balak, kebanyakannya mungkin menjadi factory worker. Tetapi masih terbayang di mata ibu bapa dan di hati anak itu mengatakan aku sepatutnya masuk universiti, oleh kerana kemiskinan di sinilah terlantarlah jiwa aku dan jasad aku.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena pandang semua lapisan, bukan untuk pengajian tinggi sahaja. Soal universiti juga, kalau kita nampak di universiti ada masalah. Saya terpancang di dalam TV sekejap sahaja, pihak universiti kompelin atau profesor-profesor universiti kata 'kementerian lantik feasibility study ataupun study dalam universiti' dan apa masalah universiti. Sepatutnya macam mana cadangan profesor itu dan kita panggil orang daripada universiti itu dahulu, tanya dengan mereka apa masalah dan kalau ada masalah macam mana mengatasinya. Jangan ambil orang daripada Amerika, Australia dan England ini expert daripada luar negeri, suruh selidik apa masalah universiti ini. Apa prestasinya, persekolahan mereka, research mereka, kenapa prestasi tidak baik. Jadi, kalau dibuat macam itu moral pengajar-pengajar universiti dan mereka yang berada di universiti itu menjadi turun, oleh kerana kita tidak percaya dengan mereka, kita ambil orang daripada luar negara untuk menyelidik kenapa mereka tidak betul atau pandangan orang serong terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berulang balik kepada pinjaman. Saya percaya pinjaman di bawah tabung ini tidak ada faedah. Sepatutnya jangan diberi faedah. Inilah tanggungjawab jawatankuasa ini mencari sumber kewangan, jangan dikenakan faedah. Saya tidak percaya dengan Yang Berhormat dari Kepong. Kalau dikenakan faedah 7%-8%, 4% bukan sahaja tidak logik, tetapi juga ini membebankan anak itu dengan tidak sepatutnya. Jadi, soal faedah ini memang tidak boleh kena. Jangan kena sekali, biar dia pinjam RM10,000 bayar RM10,000 balik, mungkin kalau hendak kos pentadbiran dan sebagainya mungkin tekena juga. Tetapi soal faedah itu jangan dibangkit dan soal cagaran serta jaminan sepatutnya tidak berbangkit. Sepatutnya beri terus jangan tanya dengan bapanya ada atau tidak harta, ada tidak rumah ada atau tidak gedung yang hendak dicagar kepada jawatankuasa

ataupun board ini, jangan tanya, kalau ditanya itu berlakulah ketidakseimbangan kelulusan itu nanti. Siapa yang boleh beri cagaran, boleh beri jaminan dialah yang dapat, bermakna diberi kepada golongan yang elit lagi, yang miskin diketepikan semula. Jadi, saya tidak percaya soal ini, kerana saya tahu masa saya pergi ke universiti dahulu, orang tanya mana cagaran? Saya anak orang miskin, mana ada cagaran? Jadi, bila saya selidiki dan saya tanya berapa banyakkah orang yang mendapat pinjaman daripada institusi ini? Terus-terang pegawai yang mentadbir institusi mengatakan kepada saya 'kebanyakan orang dapat pinjaman ialah budak-budak yang bukan bumiputera, oleh kerana ada cagaran seperti rumah, kedai', yang bumiputera tidak dapat, oleh kerana tidak ada rumah, tidak ada tanah, tidak ada benda yang hendak dicagar dan jaminan anak-anak pekerja yang bergaji RM300-RM400 sebulan. Jadi, soalan jaminan (guarantee) atau cagaran ini semua patut kita lupakan. Pelaburan kita dalam tabung ini ialah untuk mendidik anak bangsa kita untuk menjadi manusia intelektual, manusia yang berguna pada masa hadapan untuk memperibadikan dasar pendidikan kita supaya anak-anak bangsa kita dapat saingan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, soal lembaga yang disebutkan di sini. Kawan-kawan saya bertanya dengan saya mengenai soal lembaga. Lembaga ini adalah untuk menguruskan harta, untuk melaburkan harta, untuk mencari sumber kewangan bagi badan ini. Tetapi apa yang saya pandang ialah pegawai-pegawai kerajaan, bukanlah saya kata pegawai-pegawai kerajaan tak pandai mencari wang, tetapi orang yang betul-betul pandai mencari wang ialah orang yang business. Tetapi tidak ada seorang pun dalam ini yang menunjukkan mereka ini ada kemampuan membuat dan mencari pelaburan dan sebagainya. Saya percaya perkara ini boleh dipertimbangkan terutama sekali di bawah perenggan yang akhir ada mengatakan dua lagi boleh dilantik, 'tidak lebih daripada 2 orang anggota yang lain boleh dilantik oleh menteri menganggotai lembaga ini', yang mungkin kemampuan memberi nasihat kepada lembaga ini sebagai business adviser supaya pelaburan mereka dengan latarbelakang yang betul dan bimbingan yang betul. Mungkin cara mencari wang kerana tidak selamanya kerajaan akan memberi wang dengan lembaga ini, dia kena cari wang juga. Jadi kalau salah labur nanti duit habis, anak-anak kita tidak mendapat duit.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga orang kata kenapa orang Sabah dan Sarawak tidak masuk dalam

lembaga ini. Ini tidak payahlah saya sebut, kalau dapat saya minta jugalah - tidak payah saya sebut, tetapi terlanjur saya sebut, oleh kerana kawan suruh saya sebut, saya sebut juga. Jadi, banyak lagi yang saya hendak ceritakan. Oleh kerana masa saya hanya 20 minit, soal meritokrasi tadi dibangkit, jadi saya jawab sedikit meritokrasi itu belum masanya lagi.

Saya percaya dalam Dasar Ekonomi Baru kita, kalau matlamatnya belum dicapai, kita tidak bolehlah cakapkan dahulu soal meritokrasi. Saya percaya kalau kita baca apa yang tersemat dalam Wawasan 2020, kita memang nampak pada tahun 2020 nanti, meritokrasi akan dipraktis di negara kita. Masanya akan sampai Tuan Yang di-Pertua, tetapi bukan sekarang. Di kawasan saya ramai anak-anak yang miskin, sekolah-sekolah di luar bandar masih papa kedana, tempat guru, tempat sumber, tempat surau tidak payah sebut, guru tinggal di tempat yang berukuran 12'x14' punya bilik dengan anak seramai 5 orang. Suami-isteri guru besar ini masih ada duduk dengan kitchen, sampai perkara ini sudah dibuat, anak-anak luar bandar sudah dapat latihan tadika dan persaingan dengan anak-anak di bandar sudah mendapat pencapaian tidak payah 100%, hanya mendapat pencapaian 80% - luar bandar dan dalam bandar 100% barulah kita boleh capai sedikit soal meritokrasi. Mungkin pada tahun 2020 nanti kita sudah boleh, bukan diskriminasi, Tuan Yang di-Pertua, Amerika independent pada tahun 1770, sampai tahun 50-an diskriminasi masih berlaku - hampir 300 tahun. Tetapi kenapa kita 30 tahun yang capai soalan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat gulung ya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, saya akan gulung. Saya berharap pihak kementerian melihat iaitu permohonan tidak payah dibuat red tape dan birokratik banyak sangat, secara automatik diberi kepada mana-mana yang layak.

Yang ketiga, budak-budak yang pergi universiti itu mestilah diberi pendahuluan untuk mereka kerana mereka datang daripada kampung-kampung dari luar bandar yang jauh daripada tempat pendidikan mereka, dengan secara automatik duit itu datang supaya mereka tidak tertinggal di kampung, tidak dapat pembayaran itu, oleh kerana RM1,000 lebih tidak boleh sampai ke universiti supaya anak bangsa kita mendapat kecemerlangan pendidikan pada masa akan datang dan kita mendapat kepuasan dengan mengadakan tabung yang sebegini dengan semangat yang sedemikian, insya-Allah, kita akan berjaya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Balik Pulau.

3.46 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

Rang undang-undang ini diperkenalkan dan tabung ini ditubuhkan saya kira sebagai satu lagi usaha dalam pada kita menstruktur semula sistem pendidikan terutamanya sistem pendidikan tinggi dalam negara kita hari ini. Berkenaan dengan tabung ini, secara khusus, saya berharap supaya apabila ianya diwujudkan kelak, supaya tabung ini akan mampu untuk menjadi yang viable, satu yang berterusan dan satu yang boleh membesar dari masa ke semasa sehinggalah ianya boleh menampung keperluan sesiapa juga yang mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi.

Jadi, oleh kerana kita hendak menjadikan tabung ini satu yang 'viable on going', kita kenalah menjadikan apa juga yang hendak dikeluarkan ini dalam bentuk pinjaman, tidak ada pengecualian dari segi hendak diskaunkan bayaran balik walaupun ada rakan-rakan yang mencadangkan kita diskaunkan bayaran balik itu. Pada jangka masa panjang perlu kita memastikan bahawa tabung ini boleh beroperasi hingga bila-bila dan ianya boleh berkembang.

Kita juga tahu bahawa untuk mengurus tabung ini, ianya memerlukan kos paling kurang pun kos pentadbiran tabung ini dan oleh yang demikian semestinyalah amaun yang dibayar balik itu berlebihan sedikit daripada amaun yang dikeluarkan. Hendak panggil kadar faedah atau apa dia juga kos pentadbiran atau apa jua gelarannya, tetapi semestinyalah amaun yang dibayar balik itu melebihi amaun yang dipinjamkan kerana sekurang-kurangnya kita jagalah supaya 'time value' duit yang dikeluarkan itu pada masa dibayar balik sama dengan nilai wang dari segi 'discounting effect' kita kena ambil kira pada masa kita hendak membayar balik.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak cakap lebih sedikit ialah tabung ini saya kira adalah satu pendekatan yang lebih baik daripada kita beri biasiswa, daripada kita beri dermasiswa, daripada kita beri pelbagai jenis bantuan untuk melanjutkan pelajaran, saya ingat tabung ini adalah yang baik. Secara kebetulan saya kira idea untuk mewujudkan tabung ini tercetus oleh sebab kita mula meluaskan

sistem pendidikan tinggi dengan memperkenalkan Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta dan juga kita sedang dalam proses mengkorporatkan universiti dalam negara kita ini. Maka kedua-dua perkara ini sekali gus membawa implikasi bahawa kos pendidikan tinggi dimasa depan tidak akan disubsidikan dengan begitu banyak seperti yang sedia ada sekarang.

Oleh yang demikian, maka keperluan pembiayaan pendidikan tinggi ini semakin lama akan menjadi semakin tinggi. Saya rasa itu

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Sekejap sahaja ya!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada hujah Ahli Yang Berhormat yang memahami keadaan sebenarnya dan adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa matlamat untuk mengurangkan kos yang ditanggung oleh kerajaan dikurangkan daripada lebih 90% kepada 40%.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas dengan soalan Ahli Yang Berhormat tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: [Menyampuk]

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tetapi, saya ingat apabila saya habis ucapan saya nanti, Yang Berhormat akan mendapat pengertian tentang maksud ucapan ini dan ianya akan menjawab persoalan Yang Berhormat bangkitkan itu.

Saya bersetuju bahawa kita perlu menstrukturkan semula sistem ini, memperkenalkan tabung ini dan sebagainya. Yang membimbangkan saya ialah bukan proses pembiayaan ini sangat ataupun juga bagaimana hendak kita wujudkan mekanisme yang akan membantu rakyat untuk melanjutkan pelajaran. Yang saya bimbang sedikit ialah tentang kualiti ataupun proses pembentukan kualiti pendidikan tinggi dalam negara kita ini supaya ianya mencapai satu tahap yang boleh kita banggakan.

Dalam banyak rang undang-undang tentang reformasi pendidikan tinggi ini daripada pindaan dari AUKU dahulu, Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara, Akta IPT Swasta, pindaan kepada Akta ITM, saya telah melahirkan perkara-perkara yang sama, saya agak bimbang kerana pendidikan sekarang ini dikira sebagai satu komoditi seolah-

olah takrif itu dilihat dari sudut ekonominya adalah satu komoditi dan sektor pendidikan telah digunakan sebagai satu sektor perniagaan, satu industri. Dalam dua, tiga minggu yang lepas ini kita juga dengar daripada kementerian lain yang mengatakan bahawa satu daripada sektor yang boleh membantu untuk kita menyelesaikan masalah imbalan pembayaran ialah sektor pendidikan di masa depan.

Jadi, penggunaan takrif pendidikan sebagai satu komoditi ekonomi, penggunaan sektor pendidikan sebagai satu industri membimbangkan saya. Saya berpendapat bahawa pendidikan ini bukanlah satu komoditi, ianya lebih kepada satu 'public good', satu barangan awam yang mana pembekalannya akan mempunyai kesan 'externality' yang luas dan oleh sebab yang demikianlah kita hendak memperbanyakkan pengajian tinggi ini.

Saya khuatir juga dengan suasana kampus sekarang ini, graduan yang kita lahirkan yang melalui proses dalam kampus yang ada sekarang ini, dia agak kurang sedikit kreativitinya, agak kurang sedikit kemampuan komunikasinya, agak tidak dibekalkan dengan asas-asas yang membolehkan graduan pada peringkat Ijazah Pertama untuk pergi kepada tahap yang lebih tinggi. Saya juga susah hati dengan kemampuan mereka untuk survive. Saya ada pengalaman sedikit dalam menemui pelajar-pelajar, graduan-graduan yang baru keluar dari universiti IPT awam ini dan sesiapa yang pernah melalui proses tersebut akan agak merasa bimbang dengan kualiti yang kita lahirkan, kita juga bimbang tentang kualiti penyelidikan yang dilakukan secara umum tetapi juga secara untuk mendapatkan Ijazah Sarjana dan juga Ijazah Kedoktoran misalnya, kita lihat kualiti pendidikan itu membimbangkan dalam bidang sama ada sains atau sastera

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, cuma minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, adakah kemerosotan kualiti ini menyeluruh kepada seluruh pelajar ataupun hanya terjadi kepada setengah sektor warga kampus khususnya di kalangan bumiputera dan sebagainya. Terima kasih.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Saya merasakan bahawa fenomena yang membimbangkan saya ini yang saya sebutkan awal tadi adalah agak menyeluruh, tetapi walaupun tidak mempunyai bukti-bukti emperical yang jelas saya boleh mengatakan bahawa di kalangan golongan

bumiputera ianya adalah lebih ketara dari segi penjelmaan masalah yang saya katakan ini. Jadi, inilah perkara yang membimbangkan saya.

Apa juga usaha untuk kita mereformasikan pendidikan tinggi kalau akhirnya ia berjaya untuk menyelesaikan masalah ini maka kita rasa sedap sedikit, tetapi kalau kita melakukan perubahan institutional arrangement ini tetapi akhirnya ia tidak menjurus kepada menyelesaikan masalah untuk melahirkan individu yang kreatif, yang punya kemahiran yang spesifik tetapi juga mempunyai perwatakan, keyakinan dan juga kemampuan untuk belajar dengan lebih lanjut ini, saya bimbang sebab kita tengok misalnya, kita memerlukan sekarang ini dalam pada berdepan, bersiap untuk era maklumat ini dalam konteks Multimedia Super Corridor ini kita memerlukan mereka yang kreatif. Memang dari dahulu pun kita memerlukan graduan yang mereka yang kreatif. Tetapi dalam suasana kampus ini, kita seolah-olah mengeluarkan graduan yang agak homogeneous dan suasana kampus itu sendiri tidak mempunyai toleransi yang tinggi kepada mereka yang di luar daripada aliran utama.

Jadi, kita memupuk satu sikap yang agak membentuk 'conformity', dalam nilai-nilai dalam kampus. Ini tidak mencetuskan kreativiti, ini tidak membenarkan mereka yang mempunyai sikap, pandangan yang songsang sedikit daripada aliran utama itu untuk menjelma. Kita faham bahawa proses kreativiti ini ialah proses di mana seseorang itu mempersoalkan status-quo. Kita

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan sama ada masalah ini berpunca oleh kerana murid-murid ini tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli bahan-bahan ataupun material yang digunakan mereka untuk membuat kajian apabila mereka belajar di institut pengajian tinggi ini.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Saya tidak bersetuju bahawa kekangan kewangan merupakan faktor utama yang menyebabkan kreativiti tidak berlaku di dalam kampus. Saya berasa bahawa suasana kampus itu, proses melalui kampus selama tiga, empat tahun ini semestinyalah membuka satu era baru, satu dunia baru untuk satu-satu individu itu mengenali dirinya sendiri. Dia sepatutnya dihujani dengan persoalan yang boleh menyoalkan diri dia balik tentang apa yang dia pegang, apa yang dia percaya selama ini.

Jadi, kalau kita membenarkan orang mempersoalkan norm yang biasa, status-quo yang biasa, bukan kita hendak promote kelam kabut dalam kampus tetapi kita harus faham bahawa proses kreativiti itu sendiri adalah proses untuk mempersoalkan benda yang sedia ada. Kalau kita tidak mewujudkan sifat itu, sifat untuk memberi ruang untuk mempersoalkan status-quo maka kita tidak akan memupuk sifat untuk kreativiti. Kalau kita tidak membenarkan individu yang sedemikian mempunyai tempat di dalam kampus maka kita tidak akan mewujudkan satu suasana yang memungkinkan mereka yang berfikir secara kreativiti ini boleh dilahirkan.

Inilah perkara yang menyusahkan hati saya. Kalau ada tabung ini, ia secara langsung tidak menjawab kepada soal-soal yang saya katakan tadi. Usaha pengkorporatan universiti dan juga pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti pun secara khusus tidak menjurus kepada penyelesaian masalah ini.

Pada masa yang sama apabila kita melihat kepada pendidikan sebagai satu industri, pendidikan sebagai satu komoditi, maka saya lagi takut bahawa pentakrifan yang seperti ini menyumbang lagi kepada perkara yang saya katakan tadi.

Saya mohonlah supaya ada satu pentakrifan yang jelas di antara apakah dia pendidikan dan apakah dia yang latihan. Kalau yang latihan kita tidak perlu berpura-pura, kita latih, kita beri dia kemahiran untuk dia bekerja, untuk dia hidup tetapi kalau untuk pendidikan, kita bekalkan dia dengan ilmu yang khusus, kemahiran yang khusus tetapi kita bekalkan dia dengan pengalaman dan juga ilmu-ilmu yang lebih luas daripada ilmu yang khusus seperti matlamat dalam latihan.

Jadi, haruslah ada pengekal idealisma dan juga falsafah pendidikan itu khususnya di peringkat universiti. Kalau universiti-universiti tidak memelihara idealisme falsafah pendidikan itu, maka tidak ada institusi lain di dalam negara kita ini yang akan memeliharanya. Maka saya takut kalau kita tengok universiti dalam dunia ini pun banyak yang sudah melalui proses evolusi dengan memperkenalkan kaedah itu, kaedah ini dan sebagainya tetapi universiti yang terulung di dunia ini masih menggunakan kaedah yang lama. Oxford dan Cambridge, misalnya kuliah sembilan bulan, selepas itu hujung sembilan bulan ambil satu peperiksaan. Pelajar dikira lulus atau tidak lulus berdasarkan sistem itu.

Orang lain telah melakukan macam-macam inovasi dari segi cara hendak gred, cara hendak

mengajar, cara hendak menilai dan sebagainya tetapi institusi yang ulung, yang berpegang kepada kecemerlangan akademik yang sebenarnya melihat bahawa perkara-perkara yang orang buat inovasi ini tidak penting. Yang lebih penting ialah untuk mereka memelihara falsafah pendidikan itu sendiri. Jadi, mereka masih mengekalkan proses penilaian yang mereka guna sejak 400-500 tahun dahulu. Jadi, kita perlu dalam pada kita mahu melahirkan graduan yang berkualiti dan juga satu sistem pendidikan yang berkualiti dalam negara kita ini memberi tumpuan kepada soal-soal ini.

Saya juga berharap apabila kita mengkorporatkan universiti ini, satu langkah yang perlu dilakukan yang memang saya sendiri mempertahankan keputusan kerajaan untuk mengkorporatkan universiti ini, tetapi apabila kita mengkorporatkan universiti ini hendaklah di akhir proses pengkorporatan itu ianya mampu untuk menyelesaikan masalah mewujudkan suasana akademik dalam kampus yang menjurus kepada kecemerlangan seperti yang saya katakan tadi. Saya bimbang kalau usaha pengkorporatan ini menuntut kepada fakulti untuk berikhtiar macam mana hendak cari duit melalui fakulti masing-masing, maka ini akan menimbulkan masalah.

[Tuan Ong Tee Keat *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya ada rakan-rakan dalam universiti dan kita tengok sekarang universiti-universiti selain daripada Universiti Malaya pun, ahli-ahli fakulti sendiri tiap-tiap fakulti diminta untuk memikirkan bagaimana dalam konteks fakulti masing-masing melakukan sesuatu untuk membawa wang kepada fakulti dan seterusnya kepada universiti. Jadi, saya rasa pendekatan ini adalah tidak berapa kena sebab kita kena jelaskan pengkorporatan akan membawa implikasi bahawa subsidi atau bantuan daripada kerajaan akan berkurangan tetapi autonomi universiti itu akan meningkat daripada kekurangannya penggantungan kepada kerajaan dan itu sebenarnya adalah hasrat pengkorporatan kerana ianya membebaskan universiti daripada bergantung kepada birokrasi pentadbiran awam dan sekali gus ianya boleh address masalah keciciran pensyarah yang tinggi dan sebagainya, membebaskan universiti buat keputusan untuk kebajikannya, tetapi jangan pula kita menuntut di atas fakulti untuk membawa wang kepada universiti, itu tidak betul.

Kalau kita tengok sejarah manusia ini, universiti yang pertama dibina adalah universiti swasta. Universiti-universiti yang mula dibina dalam sejarah manusia semuanya universiti swasta kerajaan hanya

membina universiti pada kurun yang ke-19 baru ada universiti-universiti awam. Terdahulu daripada itu memang ada universiti, semuanya universiti swasta. Itu satu kes yang extreme. Universiti Al-Azhar ialah universiti wakaf, universiti swasta. Jadi, universiti ini takrifnya masih tetap tidak berubah sama ada dia swastakah, dia awamkah, dia tetap, tinggal lagi.....

Tuan Chia Kwang Chye: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bukit Bendera bangun.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat dari Balik Pulau. Sebagai seorang graduate daripada Universiti Amerika, bagaimana universiti-universiti swasta dalam Ivy League yang merupakan satu universiti cemerlang mendapat duit atau mendapat tabung untuk menjalankan universiti yang begitu cemerlang itu?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi kepada soal duit, tinggal lagi saya hendak menjelaskan sama ada universiti itu swasta ataupun tidak swasta, fungsi fakulti adalah jelas. Fungsi fakulti adalah untuk mendidik sebagai guru kepada para pelajar dan menjadi pengembang ilmu pada bidang yang mereka anuti. Fungsi fakulti itu tidak berubah sama ada fakulti universiti itu universiti swasta ataupun universiti awam. Fungsi fakulti dalam perundangan dan sebagainya, itu tidak berubah. Jadi, sama ada universiti itu swasta atau awam adalah bergantung kepada fungsi sumber-sumber kewangannya.

Universiti swasta di Amerika ini pun menerima geran daripada kerajaan-kerajaan negeri juga, tetapi sumber utama mereka adalah daripada yuran, daripada pendapatan pelaburan daripada anugerah yang mereka perolehi daripada syarikat-syarikat swasta ataupun alumni mereka. Universiti itu menguruskan wang ini dengan melaburkannya dan mendapat pulangan dan menggunakan wang itu untuk kebaikan dan perjalanan universiti. Sumber-sumber luaran ini menyumbang kepada pengurangan yuran yang perlu dibayar oleh pelajar, tetapi pada keseluruhannya yuran adalah lebih tinggi daripada universiti awam tetapi mereka juga mendapat sumber-sumber daripada kerajaan, setengahnya melalui kerajaan-kerajaan negeri.

Jadi, elok kita perjelaskan siapa patut membantu dari segi kewangan, dari segi pengurusan universiti itu untuk mendapat endowment, menguruskan tabung dana mereka, melaburkan dengan baik dan

menggunakan pulangan daripada pelaburan itu untuk menampung sebahagian daripada perbelanjaan dalam universiti dan pendapatan ini akan menyumbang kepada pengurangan yuran yang perlu dikenakan. Dan kerajaan mana pun dia kena juga beri sedikit kepada universiti yang sudah dikorporatkan ini dan Yang Berhormat dari Kepong kata tadi 40%. Mungkin dia kena beri 40% dan universiti itu kena cari lagi 60% dan 60% itu dari orang kayakah?

Kita di negara ini kadang-kadang kita ada sifat *holier than thou*. Bila kita tengok kepada Barat, kita kata Barat itu, Barat ini, tetapi di Amerika Syarikat misalnya, sifat orang-orang kaya dia hendak derma lagi murah hati daripada kita. Ada famili yang derma sampai RM200 juta, RM300 juta untuk tujuan pendidikan. Dia beri kepada satu universiti, dia kata, nah, duit 20 juta, hendak buat apa pun buatlah. Universiti itu menerima duit itu, melabur dengan baik dan menggunakan pulangan itu buat perpustakaan atau apa bendakah. Jadi, inilah sifat-sifat yang kita perlu wujudkan di dalam negara kita ini untuk membolehkan kita melalui proses pengkorporatan universiti ini dengan berjaya supaya semua warga Malaysia, sama ada yang dikorporatkah atau di manakah merasakan bahawa keseluruhan institusi pendidikan tinggi ini adalah tanggungjawab kita secara kolektif, baru kita boleh berjaya dalam proses ini. Tetapi jangan saya nampak.....

Tuan Chia Kwang Chye: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bukit Bendera bangun.

Tuan Chia Kwang Chye: Adakah ini bermakna Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau hendak mencadangkan bahawa Malaysia mengikut contoh yang ditunjuk oleh universiti swasta tetapi yang cemerlang di Amerika sebagai satu model yang mungkin dalam pengkorporatan universiti di Malaysia?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Itu mungkin satu daripada model yang saya rasa semestinyalah Kementerian Pendidikan sudah pun melihat. Saya yakin kementerian dalam pada ia membentuk model hendak pengkorporatan ini telah melihat kepada model-model dalam sejarah manusia ini apakah cara untuk membiayai universiti.

Akhirnya, saya cuma hendak kata begini, falsafah dan idealism pendidikan hendaklah dipelihara dalam apa ketika sekalipun. Dalam pada kita hendak mengubah daripada seratus peratus

pembiayaan pendidikan tinggi kepada model yang lain, model yang tidak seratus peratus pembiayaan awam, satu langkah yang saya setuju dan patut dilakukan dalam pada kita melakukan transformasi tersebut, kita hendaklah kekalkan idealism dan falsafah pendidikan tinggi itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, minta gulung. Masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Ya, saya gulung. Yang itu kita tidak boleh berkompromi kerana yang itulah akhirnya akan menentukan tahap kecemerlangan dan kualiti sistem pendidikan tinggi kita dan juga graduan-graduan daripada sistem pendidikan tinggi kita. Soal untuk cara hendak membiayainya, itu soal yang lain tetapi kita ada banyak model dalam dunia ini yang menunjukkan bagaimana IPT boleh dibiayai bukan seratus peratus daripada sumber-sumber awam tetapi jagalah "the concept and notion of academic excellence", jagalah "the philosophy of education." Saya rasa preamble dalam akta pendidikan yang mengatakan tentang falsafah pendidikan negara itu, yang itu tuntutan untuk memegang yang itu memastikan falsafah pendidikan negara itu sentiasa diikuti akan terletak kepada keseluruhan sistem pendidikan tetapi lebih terletak kepada institusi-institusi yang berada di peringkat pengajian tinggi.

Jadi, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada kerajaan, kepada kementerian khususnya kerana memperkenalkan rang undang-undang ini yang saya rasa akan menyumbang bagi ramai orang tidak susah hati tentang usaha pengkorporatan kita dan juga menubuhkan IPT swasta. Dengan yang demikian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tumpat.

4.07 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997, tetapi saya tidak menyokonglah menangkap pelajar-pelajar yang demonstrasi kerana menentang pasukan kriket Yahudi baru-baru ini dan PAS juga menentang akta universiti. Saya ingat orang yang paling kuat menentang akta universiti itu ialah Timbalan Perdana Menteri sekarang ini, tetapi sekarang dia berubah. Saya rasa bagi menerima pandangan Yang Berhormat dari Balik Pulau itu tadi

memang akta universiti adalah merupakan salah satu akta yang menyekat kreativiti daripada student di universiti-universiti sekarang ini.

Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan sekarang ini, saya bimbang takut reshuffle Kabinet nanti beliau tidak ada sebagai Menteri Pendidikan, naik Menteri Kewangankah, tidak boleh kira ini, nanti terbentur cita-cita beliau untuk meneruskan idea-idea mereka ataupun wawasan mereka dalam bidang pendidikan ini. Kita lihat masa-masa mutakhir ini banyak berlaku perubahan dalam sistem pendidikan negara kita ini. Misalnya kita dengar isu-isu untuk menghapuskan tiga sistem, hendak mengadakan dua sistem peperiksaan, iaitu sistem yang ada sekarang ini STPM, SPM, SRP mahu dihapuskan dan mahu dibentuk, dua sistem pendidikan. Apa sistem 'A' levelkah, 'O' levelkah, kita tidak tahu.

Saya kira dalam kesempatan ini saya rasa tidak salah Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan sedikit tentang hasratnya itu. Dan juga kita telah dengar berita untuk menghapuskan pendidikan prauniversiti yang diadakan sekarang. Nampak tahun ini belum lagi dikuatkuasakan, mungkin tahun depan tidak ada lagi. Saya difahamkan banyak di kalangan academician telah menentang hasrat kementerian ini. Apakah motif sebenarnya pihak kementerian untuk berbuat demikian? Apakah bermotif kewangan ataupun motif-motif yang lain yang kita tidak tahu.

Sebagaimana kita tahu beberapa tahun yang lepas kerajaan telah memperkenalkan sistem semester dalam negara kita ini ala Amerika, saya rasa, yang telah dilakukan ini. Kemudian kita dengar juga Menteri Pendidikan berucap untuk mendapat Sarjana Muda cukup dalam tempoh tiga tahun. Ini juga ala Amerika dan ala Indonesia, saya rasa. Tiga tahun dia tidak ambil kira tentang kualiti, tetapi dia ambil kira tentang masa, ini kerana money punya fasal.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian kita dengar juga masalah sekolah bestari. Alhamdulillah kalau dapat diwujudkan sekolah bestari ini tetapi bagaimana kisahny sekolah-sekolah yang tidak bestari yang masih berjalan, masih banyak yang berada di desa-desa dan juga di kampung-kampung dan saya rasa itu juga mesti diutamakan, diberi perhatian sebelum daripada cita-cita mewujudkan sekolah bestari ini dapat berjalan atau dilaksanakan.

Kelmarin saya terlihat di dalam akhbar iaitu gaji separuh kepada pegawai dan guru yang ingin melanjutkan pelajaran. Ini satu perkara yang bagus yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam ini ilmu adalah merupakan satu perkara yang penting, yang mustahak. Ia tidak boleh memilih bulu ilmu ini. Sebagaimana Nabi kita telah memperingatkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya minta penjelasan. Oleh kerana Yang Berhormat sentuh mengenai Islam, semalam kita bincang mengenai akta yang bertujuan menyelaraskan pentadbiran agama Islam di seluruh negara. Kenapa Ahli Parlimen PAS seorang pun tidak ada, walhal ini adalah satu perkara yang cukup penting bagi memantapkan pentadbiran Islam dan juga meningkatkan imej Islam keseluruhannya [Tepuk]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. Kami tidak ambil bahagian sebab kami sokong akta tersebut [Sorak] akta itu bagus.

Seorang Ahli: Begitu! [Ketawa]

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta penjelasan sedikit. Saya keliru Tuan Yang di-Pertua sekarang, dia kata PAS tidak ambil bahagian kelmari kerana PAS sokong. Hari ini pulak ambil bahagian pun sokong juga. Jadi, yang mana satu betul ini, Tuan Yang di-Pertua? Sokong juga tadi saya dengar ambil bahagian. [Ketawa] Sebenarnya saya rasa, hasrat sebenar saya rasa, dia berdiam diri kelmari kerana dia berbelah bagi, dia tidak tahu apa yang dia hendak buat. Itu yang sebenarnya. [Ketawa]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita sokong ini tidak semestinya kita bercakap.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Pulak dah!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apa yang kita setuju itu kita tidak bercakap. Kadang-kadang apa yang kita bersetuju itu kita bercakap. Itu, saya rasa Yang Berhormat sendiri pun demikian. Tidak semestinya apa yang kita setuju itu kita bercakap, kalau tidak setuju tidak cakap.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun lagi, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, kalau benarlah dia kata demikian, bermakna 'silent' - diam diri itu bermakna bersetuju. Banyak bil yang dibentangkan sepanjang persidangan ini PAS tidak ambil bahagian. Adakah ini bermakna PAS bersetuju?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak semestinya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ah, pulak dah! [Ketawa]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini benda yang relatif, kalau untuk debatkan soal relative theory ini saya kira cukup panjang, masa dua puluh minit tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua. Barangkali Yang Berhormat dari Machang ini dia tidak faham apakah teori relatif? [Ketawa] Saya minta beliau untuk.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ini pun ada kena mengena dengan teori relatif, betulkah?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini saya jelaskan ada betul, betul tetapi sokong. Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ini ada dua orang peminat ini. Ini Bukit Mertajam.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bukit Mertajam.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Penjelasan diminta daripada Yang Berhormat dari Tumpat. Dia sebut teori relativiti tetapi saya ingat kalau I'm trying to hit it dia pengsan! [Ketawa] Saya hendak tanya kalau diam itu maksudnya sokong, kalau hari ini dia cakap maksudnya dia bantahlah. Bantah penubuhan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Betulkah?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, tidak, saya memberitahu tidak semestinya tidak bercakap itu ertinya tidak sokong. Itu yang saya bercakap. Bukan bererti begitu. Banyak yang orang sokong itu dia tidak bercakap misalnya di dalam pilihan raya, kadang-kadang orang yang tidak pernah bercakap pun dia pergi mengundi dia pangkah yang dia setuju. Dia tidak bersuara, tidak pernah bercakap, tidak pernah

kempen. Lain dengan Semangat 46 masuk Barisan Nasional. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diingatkan sudah sepuluh minit, Yang Berhormat belum masuk tajuk lagi. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Menteri tidak ada tak sedaplah. *[Ketawa]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Machang bangun lagi. Yang Berhormat, sebenarnya dia belum masuk tajuk lagi. Apa hendak soal itu? *[Ketawa]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Satu *[Ketawa]* Saya hendak tahu sebab nampaknya sekarang PAS menyokong rang undang-undang ini, bermakna menyokong untuk memberi tabung kepada pelajar-pelajarliah. Saya hendak tahu apa persiapan yang dibuat oleh PAS terutamanya dari segi penubuhan tabung untuk membela pelajar-pelajar yang telah dihasut dalam perarakan baru-baru ini? Aaa, kalau dia sokong ini, saya hendak tanya apa pendirian PAS sebab kita tahu ramai pelajar yang terlibat dalam demonstrasi baru-baru ini akan diambil tindakan oleh pihak polis. Apakah PAS sekarang sudah bersiap sedia dengan tabung untuk membela mereka ini? Kalau PAS tidak bersiap sedia, lain kali jangan guna pelajar-pelajar universiti untuk menentang pihak berkuasa.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Itu tidak perlu tanya. *[Ketawa]* Itu urusan PAS. Itu sudah jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, Islam sangat-sangat menitikberatkan soal ilmu ini misalnya Nabi Muhammad s.a.w. ada berkata *[Membaca sepotong syair]* - "ilmu itu cahaya" dan kemudian baginda juga ada berkata *[membaca sepotong hadis]* ertinya menuntut ilmu itu adalah merupakan kewajipan, merupakan fardu bagi orang-orang Islam lelaki dan perempuan. Ini Islam punya stand atau philosophy atau falsafah Islam itu sendiri dan Nabi juga bersabda *[membaca sepotong hadis]* - "menuntut ilmu itu daripada buaian sehinggalah kepada liang lahad" Betulkah? Betul! Nabi kita juga ada berkata *[membaca sepotong hadis]* - "menuntutlah ilmu walaupun sampai ke negeri China" ertinya ke negeri China pada masa itu bukanlah untuk belajar ilmu agama tetapi untuk belajar ilmu-ilmu teknologi yang lain. Ini adalah

merupa galakan daripada Nabi kita Muhammad s.a.w. dan saya rasa akta rang undang-undang yang dibentangkan hari ini adalah amat-amat cocok dan sesuai dengan anjuran daripada Rasulullah s.a.w.

Berbalik kepada akta yang ada di hadapan kita, saya lihat dalam muka surat 18 Fasal 21(1) - pinjaman pendidikan. Saya mengharapkan bahawa pinjaman pendidikan ini hendaklah diberikan kepada mereka yang betul-betul berhak. Jangan ada diskriminasi dalam persoalan ini, mestilah kita melihat dan kita tidak mahu, misalnya dalam isu pemberian subsidi, kadang-kadang orang yang tidak berhak pun mendapat subsidi, cikgu mendapat subsidi rumah dan kita mahu pastikan pengawalan daripada pemberian bantuan ini supaya yang dapat akan datang ialah mereka yang betul-betul tergolong daripada golongan orang-orang miskin dan orang-orang yang "fuqara" dan juga kita memintakan bahawa dalam pemberian pinjaman ini, janganlah memilih jurusan. Kadang-kadang, saya minta maafah pegawai-pegawai yang ada di hadapan ini, selalu dalam jurusan sains dapatlah tetapi kalau dalam jurusan art misalnya sejarah, sastera nampaknya lambat sedikit ataupun dinomborduakan atau dinombortigakan. Dan juga saya mahu pastikan bahawa pelajar-pelajar yang pintar itu kalau boleh secara automatik dapat biasiswa, tidak perlu tanya, tidak perlu isi borang. Secara automatically, dia mendapat biasiswa dan diminta supaya pihak Kementerian Pendidikan, ada timbalan dia ini, segak, orangnya cantik, tubuhnya masih sihat, petang-petang dan pagi-pagi exercise, jogging supaya betul-betul mereka ini dipilih dapat. Jangan secara automatically dan kita letakkan di mana mereka ini kita mahu jurusan apa sesuai dengan keperluan yang ada pada pelajar-pelajar tersebut.

Saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat tadi yang bercakap sebelum daripada saya yang meminta supaya pinjaman ini janganlah dikenakan interest kepada pelajar-pelajar tersebut dan kita beri secara ikhlas sebab wang ini bukan wang kerajaan, sebenarnya wang rakyat tetapi datang daripada kerajaan kita kembalikan kepada rakyat. Saya rasa tidak ada manusia di Malaysia ini yang marah kepada kerajaan sekiranya kerajaan yang berbuat demikian, bagaimana di Kelantan? Walaupun Kelantan ini miskin kita ada juga pinjaman biasiswa tetapi tidak ada interest, tidak ada bunga, kalau dia pinjam RM10,000, RM10,000lah dia kena bayar. Kelantan miskin, Federal ini sebuah kerajaan yang kaya, kenapa yang miskin boleh buat yang kaya tidak boleh buat? Ini malulah sedikit, kena jagalah reputasi Kerajaan Pusat ini.

Dan saya bersetuju dengan pandangan tadi juga yang menyatakan bahawa peruntukan untuk tabung ini RM100 juta itu memang sedikit. Kalau boleh, diperbanyakkan peruntukan RM100 juta ini.

Persoalan ketiga yang ingin saya sampaikan kepada pihak kementerian pada hari ini ialah sebagaimana yang kita tahu sekarang ini banyak ibu bapa yang berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama tetapi persoalannya sekolah agama jenis kebangsaan itu - sekolah agama ini ada dua, yang pertama sekolah jenis kebangsaan oleh Kerajaan Pusat dan kedua sekolah agama di bawah kerajaan negeri. Sekolah agama di bawah kerajaan negeri ini saya lihat, kalau di Kelantan ini ada dua jenis - sekolah agama bantuan penuh dan sekolah agama separuh bantuan. Saya melihat bahawa penglibatan kerajaan dalam memberi subsidi kepada sekolah-sekolah agama di bawah tajaan kerajaan negeri ini adalah sangat-sangat kecil dan sangat-sangat tidak mencukupi. Misalnya kita lihat yang pertama, sekolah agama di bawah kementerian, memang kita lihat dari segi prestasinya memang dapat dibanggakan - mendapat kelulusan yang baik - apakah salah kalau sistem di sekolah agama jenis kebangsaan ini diterapkan kepada sekolah-sekolah kebangsaan yang lain. Apa salahnya kalau diterapkan. Sebab ini telah membuktikan.

Yang pertama dibuktikan bahawasanya dari pencapaian memang tidak boleh dinafikan. Macam dekat rumah saya di Kelantan itu seratus peratus lulus, sudah ke tahun yang ke-enam sekarang ini, seratus peratus kelulusan. Tidak pernah miss. Macam goreng pisang sekarang ini, orang hendak kepada sekolah agama ini kerana kelulusan dan prestasinya baik.

Yang kedua telah dibuktikan juga dan kenyataan ini telah dinyatakan juga oleh Timbalan Menteri Pendidikan sendiri dan Menteri Pendidikan sendiri telah menyebut bahawa dalam soal penglibatan dalam perkara-perkara yang tidak baik ini, yang terlibat dalam kes-kes jenayah dan sebagainya atau gejala yang tidak sihat adalah dari segi peratusnya pelajar-pelajar yang belajar di sekolah agama jenis kebangsaan ini amat kecil dan amat sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sudah habis, dan terakhir, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada banyak lagi, tidak sempat. Saya siap untuk satu jam bercakap, tetapi 20 minit sahaja, tidak mengapalah.

Yang terakhir, saya minta supaya apa yang saya sebut tadi bahawasanya macam di Kelantan kita ada sekolah agama di bawah kerajaan negeri lebih kurang 90 buah sekarang ini, melibatkan lebih kurang 90,000 pelajar yang belajar di sekolah itu. Tetapi kalau kita lihat dari segi kemudahan asas, ada sekolah-sekolah agama ini memang sangat mendukacitakan. Kita ada bantuan dari pihak kerajaan melalui KAFA yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Mohamed Zahir sendiri, tetapi bantuan itu adalah tidak mencukupi. Bantuan yang Pusat telah salurkan kepada Sekolah Agama Rakyat khususnya di Kelantan juga saya merasakan di negeri-negeri lain untuk membuat prasarana, misalnya bangunan, itu pun tidak mencukupi. Untuk membuat asrama, saya rasa jauh daripada mencukupi, dan saya rasa pihak kementerian perlulah memberi perhatian dan menambahkan peruntukan ini. Kajilah keadaan yang ada sekarang dan menambahlah peruntukan ini.

Sebenarnya bebanan memberi pendidikan kepada rakyat ini adalah bukan tugas kerajaan negeri, tetapi yang sebenarnya adalah merupakan tugas kerajaan, sama ada yang dilaksanakan oleh kerajaan atau yang dilaksanakan oleh swasta. Peranan itu adalah dipikul oleh pihak swasta dan oleh pihak kerajaan. Kerajaan mestilah berterima kasih dan mestilah memandang secara positif dan menampung segala kekurangan yang ada di sekolah-sekolah sama ada yang dibangunkan di bawah swasta ataupun di bawah kerajaan-kerajaan negeri, bukan sahaja di Kelantan, bahkan sekolah-sekolah agama yang di luar daripada Kelantan. Saya lihat sekolah-sekolah agama selain daripada Kelantan ini amat menyedihkan, dan amat mendukacitakan, seolah-olah kerajaan negeri lain tidak begitu mengambil berat tentang pendidikan agama. Kalau tidak salah, kalau saya hendak sebutkan demikian pada hari ini, tetapi saya tidak mahu sebutlah, saya hanya kata sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ledang.

4.32 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin menyentuh beberapa perkara dalam perbahasan ini, iaitu yang pertama kita amat mengalu-alukan langkah kementerian menubuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997. Dengan pengkorporatan IPT, penubuhan tabung ini akan memberikan satu harapan kepada pelajar-pelajar terutama sekali kepada golongan kurang berada

untuk terus mendapat pembelaan yang sewajarnya, dan akan membolehkan mereka terus berpeluang menimba ilmu pengetahuan setinggi mungkin dalam era ledakan maklumat dan ilmu pengetahuan ini.

Sesiapa pun sudah tentu tidak mahu melihat perkembangan pendidikan generasi pelajar kita terbantut semata-mata di atas alasan tidak cukup wang, lebih-lebih lagi semasa negara sedang menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang cukup baik dan menggalakkan, semasa kita sedang berbicara tentang Multimedia Super Corridor, tentang ledakan teknologi maklumat dan globalisasi, adalah cukup aneh jika masih terdapat kes-kes di mana anak-anak dan generasi muda kita yang terhalang daripada mendapat peluang pendidikan tinggi semata-mata kerana faktor wang. Kerana sebab itulah kita melihat penubuhan perbadanan ini merupakan sesuatu yang cukup positif, timely dan amat dialu-alukan.

Walau bagaimanapun, untuk membolehkan perbadanan ini berfungsi dengan berkesan dan benar-benar berupaya membantu kita mencapai matlamat yang diharapkan, tabung ini mestilah mempunyai kewibawaan dan kekuatan yang meyakinkan, sama ada dari segi pengurusanannya dan juga dari segi kekuatan kewangannya. Oleh itu, seluruh kekuatan sumber yang ada perlu digemblengkan, tidak hanya bergantung kepada sumbangan kerajaan semata-mata. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat dari Pokok Sena yang mengatakan tabung ini mestilah dalam bentuk yang besar dan berupaya. Oleh kerana itu, kita ingin mencadangkan supaya agensi-agensi kerajaan yang telah dikorporatkan ataupun diswastakan seperti TNB, Telekom, Pos, PLUS, IWK dan lain-lain yang telah meraih keuntungan yang besar dan lumayan dapat memberikan sumbangan tahunan tetap kepada tabung ini. Misalannya, beberapa peratus daripada keuntungan bersih tahunannya disumbangkan kepada tabung ini.

Di samping mengucapkan terima kasih di atas komitmen dan sumbangan badan-badan ini terhadap program pendidikan, saya merasakan sumbangan seperti ini amat diperlukan dan sudah tentu tidak akan merugikan mereka, malah akan meningkatkan lagi imej dan keyakinan masyarakat terhadap badan-badan ini.

Saya juga ingin mencadangkan supaya satu program membalas jasa dilancarkan, iaitu mereka yang telah bernasib baik berpeluang mendapat pengajian tinggi di universiti-universiti dalam dan luar negeri hasil pemberian biasiswa, dermasiswa

dan lain-lain bentuk bantuan daripada kerajaan dan lain-lain badan dan kini menjawat jawatan-jawatan yang baik dan selesa dengan pendapatan yang lumayan, sama ada sebagai tokoh politik, tokoh korporat, pegawai-pegawai kerajaan dan lain-lain sektor tampil kemuka untuk membalas budi dan jasa masyarakat dan negara dengan menghulurkan derma seberapa ikhlas kepada tabung ini, sekurangnya sekali seumur hidup sama ada melalui potongan gaji atau menderma secara direct kepada tabung ini.

Tabung ini merupakan satu peluang kepada golongan ini setelah menikmati keperluan pendidikan tinggi dan kedudukan yang selesa dalam masyarakat untuk menghulurkan sumbangan ikhlas bagi membolehkan generasi muda kita yang menghadapi persaingan dan cabaran yang lebih sengit sekarang ini menikmati apa yang pernah kita nikmati semasa mejadi golongan pelajar dahulu. Walaupun jumlah yang kita sumbangkan sedikit, tetapi kesediaan memikul tanggungjawab ini bersama-sama untuk merealisasikan satu matlamat yang murni itulah yang lebih penting dan lebih utama. Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat ini sudah pasti bersedia menyambut saranan ini dan mendahului golongan-golongan lain untuk menghulurkan derma ikhlas mereka kepada tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Pendidikan ini juga bukan sahaja perlu diurus dengan baik dan profesional, malah lebih penting dari itu ianya mesti sensitif terhadap keperluan golongan miskin. Bagi golongan ini masalah kewangan bermula sebaik-baik sahaja mereka menerima tawaran di mana-mana IPT. Ramai di antara mereka yang sememangnya tidak mampu membayar wang pendaftaran, dan terdapat kes-kes di mana tawaran ini ditolak kerana ibu bapa mereka tidak mampu membiayai ongkos pendaftaran tersebut, dan pelajar-pelajar ini lebih suka memilih untuk mencari kerja daripada melanjutkan pelajaran semata-mata kerana ketidakmampuan mereka mengadakan wang secukupnya untuk tujuan tersebut.

Adalah diharapkan pengurusan tabung ini akan mengambil kira masalah-masalah seperti ini supaya penubuhan tabung pendidikan ini akan benar-benar menepati sasarannya. Oleh itu, di samping kita mengharap satu pengurusan yang cekap dan amanah, kita juga berharap proses pinjaman atau bantuan dapat dipermudahkan dan tidak menyulitkan pemohon-pemohon yang amat memerlukan bantuan khususnya kepada golongan miskin ini. Kerana ini sebenarnya objektif dan matlamat penubuhan tabung pendidikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tabung ini juga wajar mengenal pasti keutamaan berdasarkan kepada tuntutan dan keperluan negara sekarang ini. Di samping tidak mengabaikan pelajar-pelajar dari aliran lain, tabung ini perlu memberikan keutamaan khas kepada pelajar-pelajar aliran sains dalam usaha kita mengatasi kekurangan para saintis yang amat diperlukan oleh negara selaras dengan perkembangan sektor industri dan perkembangan teknologi tinggi sekarang ini. Untuk tujuan itu, kita perlu membina satu kekuatan yang genuine, iaitu melahirkan seberapa ramai tenaga profesional khususnya dalam bidang sains dan teknologi tinggi yang terdiri daripada anak Malaysia sendiri, bukan hanya bergantung kepada kekuatan luar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk sampai kepada matlamat ini, kementerian dan pihak pengurusan Tabung Pendidikan Tinggi ini juga wajar membuka peluang kepada golongan separuh profesional dan separuh mahir untuk mendapat peluang second chance melanjutkan pelajaran ke universiti khususnya dalam bidang sains dalam usaha membantu negara mempercepatkan lagi proses menambah bilangan para saintis untuk memenuhi keperluan negara menjelang abad ke-21 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bersama-sama dengan rakan-rakan ahli Dewan yang lain supaya pihak pengurusan tabung ini mempunyai satu mekanisme yang efisien untuk menguruskan urusan pinjaman tabung ini supaya tabung ini akan terus menjadi sumber kewangan yang berkekalan dan on going, dengan izin, untuk menjadi payung yang menaungi para pelajar miskin kita yang berpotensi dan tidak dibebankan dengan hutang-hutang yang tidak dibayar oleh pinjaman-pinjaman dan menghalang pihak lain daripada memanfaatkan tabung ini di masa-masa akan datang.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju dengan kebanyakan Ahli Yang Berhormat bahawa jangan ada diskriminasi dalam pemberian pinjaman. Jika perlu ada diskriminasi, hanyalah di antara golongan berada dengan golongan yang tidak berada. Priority tabung ini hanyalah kepada golongan yang kurang berada kerana inilah sasaran kita sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya mengucapkan terima kasih dan saya ingin menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bukit Mertajam.

4.41 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih diucapkan atas peluang bagi saya mengambil bahagian dalam pebahasan Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas prihatinnya membawa rang undang-undang ini yang akan memberi bantuan dan manfaat kepada pelajar-pelajar IPT atau IPTS di dalam negara dan di luar negeri untuk menghasilkan lebih ramai lagi sumber manusia keperluan zaman Koridor Raya Multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, kita di sini mesti periksa apakah tujuan pendidikan. Tujuan pendidikan adalah menghasilkan pengetahuan, memupuk penyelidikan supaya memperkembangkan pengetahuan manusia. Tetapi yang sangat penting kita tidak boleh lupa adalah memelihara keroohanian dan akhlak manusia. Yang Berhormat dari Tanjong mungkin pandai dari segi pengetahuan, mungkin pandai dari segi jasmani. Tetapi nampaknya beliau selalu bersikap tiada orang dalam matanya ataupun dalam bahasa Cina, dengan izin, *[sambil membaca dalam bahasa Cina]* Beliau tidak langsung tahu mengamalkan cara melayan orang dengan sopan santun ataupun *[sambil membaca dalam bahasa Cina]* seperti dikatakan oleh Confucious.

Tuan Yang di-Pertua, manakala kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cuba terangkan maksudnya.

Dr. Tan Chong Keng: Maksudnya, 'melayan orang dengan sopan santun. *[Sambil membaca dalam bahasa Cina]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sebutan itu salah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Chong Keng: Apakah itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak mengapa, teruskan. *[Ketawa]*

Dr. Tan Chong Keng: Tidak mengapa. Ya, betul.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini kita menghadapi banyak masalah disiplin di sekolah, sama ada di sekolah rendah, menengah ataupun tahap pendidikan tinggi. Saya rasa kerajaan mesti menumpukan perhatian kepada bidang bimbingan dan kaunseling dan juga disiplin supaya kita boleh

hasilkan pelajar-pelajar yang bermutu tinggi dari segi akademik, dari segi jasmani dan juga dari segi akhlak supaya kita tidak menghadapi banyak masalah seperti melepak, dadah, penjenayah dan sebagainya dalam masyarakat ini. Kita sedar bahawa berbilion-bilion ringgit Malaysia dibelanja pada usaha mengatasi masalah dadah ataupun penyalahgunaan dadah dalam negara ini sampai beberapa buah universiti sudah boleh dibina dengan duit ringgit yang dibelanja dalam usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semakin moden, semakin maju masyarakat kita, kita mesti berjaga-jaga, berwaspada supaya unsur-unsur yang buruk daripada kebudayaan barat yang masuk ke dalam masyarakat kita ini melalui konteks fizikal, melalui konteks Internet, melalui konteks kebudayaan, melalui konteks pelancongan dan sebagainya boleh dijaga supaya unsur-unsur yang buruk itu tidak memburukkan generasi muda kita dan mengakibatkan kehilangan sumber manusia yang begitu berharga dan juga kehilangan kewangan kepada negara kita.

Jadi, apabila kita membangunkan industri ataupun Kementerian Pendidikan, kita berjaga-jaga supaya ini tidak merugikan kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita timbangkan pelajar-pelajar untuk diberikan bantuan melalui Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini, saya berharap pertimbangan akan diberikan kepada meritokrasi, kepada keperluan keluarga dan kepada bidang pengajian yang dipilih oleh pelajar supaya kita boleh menghasilkan sumber-sumber manusia yang boleh menepati sasaran-sasaran sumber manusia yang diperlukan oleh negara kita. Kita jangan keluarkan atau hasilkan ramai graduate dalam sesuatu bidang sampai mereka ini tidak boleh mendapat kerja yang sesuai. Kita mesti berjaga-jaga supaya kita boleh memberikan bimbingan kepada pelajar ini untuk memilih kursus-kursus yang boleh menghasilkan sumber manusia yang diperlukan untuk pembangunan negara kita.

Kita juga tidak boleh pandang terhadap bantuan atau pinjaman yang dikeluarkan kepada pelajar-pelajar ini sebagai sejenis pinjaman yang biasa, di mana kita akan cuba mendapat faedah, kerana faedah itu akhirnya adalah nampak sebagai kejayaan pelajar di dalam bidang akademik dan kejayaan pelajar itu menjadi seorang antara sumber manusia yang berguna kepada negara kita. Kita tidak boleh kira faedah yang didapati daripada pelajarannya, kita sudah dapat faedah, apabila kita terima balik seorang graduate dalam bidang kerja yang sesuai. Jadi, saya

cadangkan supaya tidak ada faedah yang dikenakan untuk pinjaman yang diberikan kepada pelajar-pelajar ini kerana faedah sudah nampak dalam bentuk sumber manusia yang begitu penting untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini oleh kerana pembangunan dalam sistem pendidikan kita, kita sudah nampak beberapa perubahan yang cepat. Ada cadangan menubuhkan junior college yang diutarakan oleh Menteri Pendidikan. Ada cadangan mengubah sistem sekolah menengah yang dicadangkan, ada cadangan bahawa kelas-kelas matrikulasi yang begitu memakan belanja dan terlalu bergantung kepada Profesor dan Profesor-profesor Madya di universiti itu akan ditukar menjadi sistem yang lain pun ada diutarakan. Tetapi satu prinsip yang saya rasakan sangat penting kita mesti kajikan, kita mesti cuba selaraskan cara memasuki universiti dengan menyelaraskan satu sistem pra universiti yang sama untuk semua pelajar.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: ...saya minta supaya Dewan kita ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu yang terhormat, dia belum beri jalan lagi.

Dr. Tan Chong Keng: Minta maaf kerana tidak cukup masa.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bukan masalah dia, masalah lain.

Dr. Tan Chong Keng: Ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya minta supaya Dewan kita ini berhenti sekejap...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu, takkan Yang Berhormat tidak tahu peraturan mesyuarat. Yang Berhormat hendak bangkitkan Peraturan Mesyuaratkah atau hendak minta penjelasan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya hendak minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Minta laluan.

Dr. Tan Chong Keng: Maaf tidak boleh kerana....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Itu tertakluk kepada Bukit Mertajam.

Dr. Tan Chong Keng: ...tidak cukup masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Okay, kalau tidak teruskan.

Dr. Tan Chong Keng: Prinsip yang mesti kita pegang itu ialah kita mesti ada satu sistem pra universiti yang selaras supaya semua pelajar tak kira latar belakangnya akan menghadapi peperiksaan yang sama supaya mereka boleh dibandingkan pada skala yang sama untuk kemasukan ke dalam universiti-universiti tempatan.

Saya bercadang supaya satu sistem pra universiti berjadual satu tahun akan dikenakan untuk semua pelajar lepasan SPM daripada semua jenis sekolah supaya mereka boleh mengikuti kursus satu tahun intensif kemudian mereka menghadapi satu jenis peperiksaan yang sama dalam junior college yang diutarakan oleh Menteri Pendidikan. Saya harap dengan sistem itu junior college-junior college akan ditubuhkan di tiap-tiap negeri untuk mengambil pelajar-pelajar yang mengikuti krusus pra universiti dan sekolah-sekolah yang biasa di semua negeri akan hanya menjalankan pendidikan sehingga tahap Tingkatan Lima sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga Lembaga Hasil Dalam negeri boleh menguruskan pengutipan balik bayaran pinjaman oleh pelajar-pelajar selepas mereka sudah mula bekerja dan majikan-majikan akan berkerjasama untuk membayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri mengikut tiap-tiap bulan supaya Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini boleh dikekalkan sebagai satu tabung ruling fund, dengan izin, supaya pelajar-pelajar yang akan datang, akan turut menikmati kemudahan seperti ini. Pada saya oleh kerana kita mesti ada satu sistem galakan untuk pelajar-pelajar itu supaya mereka boleh menunjukkan prestasi akademik yang baik dan sebagainya semasa dalam universiti, kita boleh cadangkan bahawa untuk pelajar-pelajar yang dapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan pra universiti seperti 5A dalam peringkat STPM dan sebagainya boleh ditawarkan biasiswa, oleh kerana tabung ini tidak mengehadkan kita hanya mengeluarkan pinjaman sahaja. Kita mungkin keluarkan biasiswa-biasiswa itu yang berasaskan kecemerlangan, keputusan STPM yang saya katakan 4A atau 5A supaya mereka boleh mengikuti pendidikan universiti dengan bantuan biasiswa daripada kerajaan, khasnya daripada tabung ini.

Satu lagi kemungkinan adalah berasaskan keputusan universiti tahun akhir, kalau dikatakan seorang pelajar itu sudah graduate dengan honours darjah pertama, barangkali pinjaman yang diberi kepada dia itu boleh ditukar menjadi biasiswa dan kita akan kecualikan pembayaran balik sebagai satu jenis galakan kepada seorang pelajar yang sudah pun menunjukkan prestasi yang begitu cemerlang.

Saya harap juga golongan guru-guru, anak-anak guru yang sudah menjadi satu profesion yang penting dalam bidang latihan sumber manusia akan diberikan keutamaan dalam proses pemberian pinjaman pendidikan tinggi sepertimana yang diberikan kepada anak-anak tentera dan polis untuk kemasukan ke universiti tempatan. Saya berasa golongan guru yang bergaji tidak tinggi dan juga sudah mengorbankan banyak masa dan tenaga untuk pendidikan golongan muda negara kita sudah banyak berjasa, banyak menyumbang kepada pembangunan negara kita. Tetapi oleh kerana kos hidup masyarakat kita kian melambung, mereka ini mungkin tidak begitu mampu untuk membayar yuran dan kos hidup anak-anak mereka semasa mengikuti kursus-kursus universiti tempatan ataupun di luar negeri. Oleh itu, saya harap golongan guru-guru ini dapat diberikan keutamaan apabila anak-anak mereka memohon pinjaman ataupun biasiswa di bawah Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini. Saya berharap kalau boleh mereka diberi satu point yang lebih tinggi dalam senarai keutamaan dalam pertimbangan yang akan dibuat oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa gembira apabila saya lihat ada cadangan memperkenalkan satu mata pelajaran pengajian komputer untuk STPM untuk pelajar-pelajar Tingkatan Enam. Mata pelajaran ini dicadangkan akan diambil oleh pelajar-pelajar aliran sastera dan juga aliran sains. Saya rasa ini adalah satu pendekatan yang sesuai dengan haluan kita menuju ke arah zaman Koridor Raya Super Multimedia.

Pengajian komputer itu adalah satu mata pelajaran yang baru dan saya harap Kementerian Pendidikan dapat membantu sekolah-sekolah melengkapkan mereka sendiri dengan komputer-komputer, rangkaian-rangkaian komputer yang cukup dan juga kemudahan canggih seperti Internet dan sebagainya. Tanpa komputer yang mencukupi pihak sekolah-sekolah menengah tidak dapat menjalankan pengajian komputer dengan berkesan dan saya juga ingin bercadang supaya pelajar-pelajar Tingkatan Empat dan Lima akan turut diberikan

pendedahan kepada pengajian komputer melalui aktiviti-aktiviti seperti kelab-kelab komputer ataupun pelajaran-pelajaran yang formal dalam sukatan pelajaran yang dipanggil pengajian komputer untuk Tingkatan Empat dan Lima juga. Apa yang saya cadangkan ialah adakan satu mata pelajaran yang baru yang dikenali sebagai pengajian komputer juga untuk peperiksaan pada peringkat SPM supaya kita boleh menyiapkan pelajar-pelajar Tingkatan Empat dan Lima untuk mengambil ataupun menghadapi cabaran mata pelajaran pengajian komputer pada peringkat STPM.

Jadi, dengan kata-kata itu saya berharaplah Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang ditubuhkan ini boleh memberi bantuan kepada pelajar-pelajar IPT atau IPTS yang memerlukannya dengan cara memberikan pinjaman ataupun biasiswa ataupun bantuan yang lain, tidak kira latar belakang pelajar, tetapi hanya bergantung kepada kecemerlangan pelajar, latar belakang kemampuan kewangan keluarga dan juga jenis kursus yang dipilih oleh pelajar. Dengan itu saya memohon menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997. Sekian, terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

Timbalan menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka.

5.00 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan saya, saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd. Zin bin Haji Abdul Ghani yang baru meninggal dunia pada pukul 4.00 petang tadi. Sebagai seorang wakil rakyat dari Melaka, saya ingin menyampaikan perasaan bahawa pemergian Allahyarham adalah satu kerugian kepada negeri Melaka dan ingin menyampaikan penghargaan ke atas sumbangan yang diberikan selama ini sejak beliau menjadi Ketua Menteri Melaka sejak tahun 1994.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 dan di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada guru-guru dan murid-murid yang berjaya menjadikan keputusan SPM tahun lepas keputusan terbaik yang pernah dicatat dalam sejarah.

Keputusan SPM meningkat bukan sahaja dari segi kuantitatif di mana peratus kelulusan naik daripada 69.7% kepada 67.1% pada tahun 1995 tetapi juga dari segi kualitatif di mana 26 pelajar mencapai keputusan terbaik mendapat 10 A1 berbanding dengan 15 orang pelajar dalam tahun 1995. Akan tetapi keputusan baik ini harus diteruskan supaya pelajar-pelajar pintar kami dapat peluang terbaik untuk menjayakan pembangunan negara dan diri sendiri memandangkan Koridor Multimedia Raya dan era informasi maklumat memerlukan banyak pakar dalam bidang komputer dan maklumat adalah perlu kerajaan mengambil tindakan serius memupuk bakat dan kebolehan mereka.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan bahawa Yang Berhormat Menteri memberikan biasiswa kepada semua pelajar pintar yang mendapat 10A dalam SPM dan penuh 5A dalam STPM. Tidak ada sebab mengapa kerajaan tidak boleh berbuat demikian, kalau kerajaan mampu memberikan biasiswa kepada rakyat warganegara asing daripada Britain - Sufiah Yusof untuk belajar di University Oxford.

Kegagalan kerajaan memberikan biasiswa kepada pelajar pintar tempatan kita tetapi berikan pula kepada rakyat asing akan dilihat sebagai double standard dan berdiskriminasi ke atas rakyat kita sendiri, seperti kata pepatah Melayu 'kera di hutan disusui bayi dalam rumah mati kelaparan'.

Hanya dengan menjaga bakat anak dan warganegara barulah Malaysia boleh membentuk

pakar tempatan untuk menangani cabaran IT dan MSC. Sungguhpun kerajaan berkomited dan berusaha membentuk MSC dengan membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk mendirikan infrastruktur fizikal. MSC hanya berjaya kalau ditemani dengan software atau pekerja berpengetahuan yang terlatih dan mahir dalam maklumat.

Oleh itu, biasiswa boleh diberikan berdasarkan syarat mesti mempunyai kaitan dengan IT dan MSC. Hanya dengan galakan dan insentif ini barulah Malaysia boleh berdikari mengeluarkan pakar tempatan pada masa depan dan tidak semata-mata bergantung kepada pakar-pakar daripada negara asing.

Kejayaan MSC hanya akan diukur dari segi penglibatan dan penyertaan rakyat Malaysia. Kalau MSC dimonopoli oleh rakyat asing, maka MSC sudah gagal akan tetapi kalau MSC dikuasai oleh rakyat Malaysia barulah kita telah berjaya dan boleh bersaing dengan dunia.

Oleh itu, saya harap dan saya rasa kerajaan mestilah mengambil langkah pertama memupuk pakar-pakar IT dengan memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar pintar yang mendapat keputusan cemerlang dalam SPM dan STPM.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia dimaklumkan, bahawa kalau kita hendak sesuatu projek berjaya, kita perlukan satu 'critical mass' dan kritikal mass dalam semua peringkat tetapi dari segi peringkat yang paling penting sekali ialah dari segi pekerja dan kakitangan yang terlatih dan saya rasa hanya kalau kerajaan memberikan galakan dengan ikatan biasiswa dengan pelajaran atau pengajian dalam IT barulah kita boleh membentuk dan memupuk kritikal mass ini supaya sampai satu tahap di mana mereka yang pintar menceburi diri dalam IT supaya dapat membangunkan MSC atau Koridor Raya Multimedia dan memenuhi aspirasi negara menjadi sebuah negara yang maju.

Saya tidak faham mengapa setakat ini kerajaan tidak mahu memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar terampil kita yang mendapat keputusan yang paling cemerlang dalam SPM dan STPM. Kalau tidak, saya risau apabila mereka menuntut di luar negeri, mereka akan terus berkhidmat di luar negeri dan bakat yang mereka ada tidak akan kembali ke negara kita dan inilah, dengan izin, future brain drain, yang kita harus awasi dan memastikan ia tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada pengumuman Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang memberikan biasiswa kepada

pelajar geliga British, Sufiah Yusof yang berumur 12 tahun untuk menampung pengajiannya di University Oxford dalam kursus matematik.

Sungguhpun Sufiah Yusof bukanlah rakyat Malaysia, memandangkan ibunya adalah bekas rakyat Malaysia dan syarat yang diberikan bahawa beliau mesti bekerja di Malaysia kelak, biasiswa ini patut diberikan sebagai pengiktirafan ke atas kebolehan pelajar-pelajar Melayu dalam bidang matematik.

Akan tetapi, saya amat kesal sekali dengan sikap kerajaan mengamalkan double standard ke atas rakyat Malaysia sendiri. Mengapa Kementerian Pendidikan bersifat berdiskriminasi ke atas rakyat kita sendiri dengan tidak memberikan biasiswa kepada pelajar geliga rakyat kita sendiri seperti Low Chang Seong dan Chang Tee Ming? Low Chang Seong menjadi pelajar termuda mendapat ijazah daripada Universiti Singapura dengan usia 16 tahun sahaja dalam tahun 1994. Chang Tee Ming pula terpaksa belajar di University Kornel di New York dalam tahun 1992 kerana tidak dapat cukup wang untuk belajar di University Oxford dan Cambridge, England dalam usia 13 tahun.

Kerajaan Malaysia enggan memberikan Chan Tee Ming biasiswa untuk belajar di Oxford sungguhpun kedua-dua ibu bapanya adalah rakyat Malaysia dan tinggal serta bekerja dalam Malaysia. Mujurlah kedua-dua Chang Tee Ming dan Low Chang Seong berjaya menghabiskan pengajian mereka dengan sokongan kewangan orang ramai dan akan lebih berminat bekerja di luar negeri daripada dalam Malaysia sendiri.

Keengganan kerajaan memberikan galakan dan biasiswa kepada rakyat Malaysia, sebaliknya kepada orang asing adalah tidak lain daripada menganaktirikan rakyat kita sendiri sepertimana yang saya sebut pepatah Melayu 'kera di hutan disusui bayi dalam rumah dibiarkan mati dalam kelaparan'. Sikap double standard dan diskriminasi kerajaan terhadap rakyat kita sendiri mesti dikecam kerana ia mencacatkan usaha negara mencapai Wawasan 2020 menjadi negara maju. Perlu ditegaskan bahawa kejayaan ekonomi negara hanya boleh dicapai oleh rakyat kita sendiri. Kita tidak boleh bergantung kepada orang luar, macam mana kita akan menggalakkan cerdas pandai rakyat Malaysia, kalau kerajaan lebih mementingkan orang asing daripada warganegara Malaysia.

Sungguhpun kita boleh berbangga ke atas kejayaan Sufiah Yusof, kita patut lebih berbangga dan memberikan keutamaan kepada rakyat kita sendiri seperti Chang Tee Ming dan Low Chang

Seong dan juga seorang budak pintar yang berumur 4 tahun boleh membuat matematik dan membaca serta menulis dengan baik. Tetapi, oleh kerana pengabaian pihak Kementerian Pendidikan dan kerajaan, sekarang beliau tidak menghabiskan pengajiannya tetapi sekarang bekerja di pasar sebagai penjual ayam.

Saya rasa ini menunjukkan satu pembaziran bakat yang lagi mendukacitakan, kalau kerajaan hendak menggalakkan golongan cerdik pandai daripada golongan Melayu, budak ini adalah orang Melayu, tetapi mengapa kerajaan tidak mementingkan atau memberikan sebarang biasiswa ke atas budak itu yang sekarang kerana kegagalan pihak kerajaan menjadi seorang penjual ayam.

Saya rasa ini adalah sesuatu yang amat mendukacitakan sekali, bukan sahaja menunjukkan kegagalan dasar pendidikan kerajaan untuk memupuk golongan geliga, pintar dan cerdik pandai, tetapi menunjukkan bahawa pihak kerajaan tidak prihatin langsung dan apabila orang asing kita boleh sanjung tinggi, what is wrong with the system?, dengan izin, kalau bakat daripada negara kita sendiri tidak dihiraukan langsung. Dan di sini saya amat kesal sekali bahawa kerajaan mengadakan satu, short-sighted policy, dengan izin, yang tidak mementingkan langsung masa depan dan kepentingan negara.

Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, mengapa kerajaan boleh memberikan biasiswa, tentu Yang Berhormat Menteri akan menyatakan bahawa kerajaan tidak memberikan biasiswa tetapi biasiswa itu diberikan oleh syarikat swasta tetapi kalau kita lihat keratan surat khabar, Yang Berhormat Menteri sendiri yang membuat pengumuman bahawa Kabinetlah yang membuat keputusan biasiswa diberikan.

Apabila selepas pengumuman dibuat dan disokong saya rasa oleh rakyat Malaysia, tetapi pada masa yang sama meminta biasiswa yang sama diberikan kepada pelajar-pelajar pintar kita, lagu, nada dan rentaknya sudah diubah dan menyatakan biasiswa ini akan diberikan oleh syarikat swasta.

Tetapi, dari segi pokoknya sungguhpun dari segi style telah berubah, tetapi dari segi substansinya masih sama. Substansinya ialah bahawa kerajaan berusaha untuk membolehkan seorang rakyat British, dia bukan rakyat Malaysia, seorang rakyat British mendapat biasiswa, mungkin bukan secara langsung daripada kerajaan tetapi menerusi usaha kerajaan, usaha Yang Berhormat Menteri menerusi biasiswa diberikan oleh syarikat swasta.

Saya rasa itu memang tidak kena pada tempatnya. Dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada satu dasar 'buy British last' sekarang sudah ditukar macam 'buy British first'. Tetapi saya tidak sangka sehingga mengorbankan atau meniadakan hak dan kepentingan rakyat kita sendiri dan ini adalah satu keadaan yang saya rasa tidak boleh diterima.

Kalau kerajaan hendak berikan biasiswa kepada Sofiah Yusof, kita tidak ada halangan tetapi pada masa yang sama kita mesti berikan biasiswa kepada anak-anak kita sendiri, rakyat Malaysia sendiri, mengapa pula kerajaan gagal berbuat demikian? Oleh sebab itu, saya rasa sebagai susulan tunjukkan bahawa kerajaan benar-benar komited dengan memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar terbaik di Malaysia, bukan di luar negeri menerusi sistem pendidikan negara. Selalunya kerajaan pernah menyatakan perasaan bimbang pelajar-pelajar yang menuntut di luar negeri tidak dapat meresapi atau terdedah dengan sistem pendidikan negara tetapi sistem pendidikan asing. Tetapi sekarang pula apabila pelajar-pelajar terbaik menerusi sistem pendidikan tempatan tidak diberikan penekanan yang sewajarnya, tetapi mendewa-dewakan pula yang di luar negeri.

Saya rasa ini memang tidak kena. Tentu sekali bahawa produk daripada sistem pendidikan Barat yang maju adalah bagus, adalah baik, tetapi tidakkah kita hanya hendak, dengan izin, reward hanya orang asing yang pintar tetapi bukan anak tempatan kita yang pintar. Saya harap satu penjelasan boleh diberikan mengapa wujudnya double standard seperti ini. Adalah satu nilai yang salah kalau kita menyokong kejayaan orang asing lebih daripada kejayaan rakyat kita sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya tidak tahu macam mana kita boleh menjayakan MSC kalau kita membiarkan cerdik pandai meninggalkan negara kita tanpa menggalakkan mereka pula. Oleh sebab itu, saya rasa satu dasar harus diadakan untuk memastikan cerdik pandai diberikan prihatin yang sewajarnya.

Tadi Yang Berhormat dari Kepong dan juga semalam ada menyatakan tentang kerisauan pihak kami tentang kenaikan yuran untuk kursus-kursus di universiti tempatan dan bahawa rang undang-undang ini adalah satu usaha untuk menangani masalah ini. Saya ingin mendapat tahu bahawa adalah kerana dengan rang undang-undang ini, ini merupakan satu lampu hijau yang membolehkan

kerajaan membenarkan universiti-universiti pengajian tinggi tempatan menaikkan yuran mereka dua kali ganda, tiga kali ganda atau empat kali ganda kerana dengan adanya rang undang-undang ini Yang Berhormat Menteri saya rasa cakap, oh, kesannya tidak akan besar kerana mereka yang miskin boleh dapat biasiswa atau pinjaman daripada rang undang-undang ini.

Adakah ini merupakan muslihat sebenar dengan adanya rang undang-undang ini sebanyak RM100 juta sahaja yuran di universiti pengajian tempatan boleh dinaikkan dengan sewenang-wenangnya. Saya rasa ini merupakan sesuatu yang amat membimbangkan kerana sungguhpun wang ini ada tetapi setakat RM100 juta bukanlah mencukupi. Kalau kerajaan benar-benar ingin membantu mereka, saya rasa kerajaan harus menimbang untuk menaikkannya kepada RM1 bilion sekurang-kurangnya dan tidak harus menggunakan kesempatan selepas lulusnya rang undang-undang ini menaikkan yuran di universiti kerana kalau hanya mereka yang miskin layak, apa akan jadi kepada mereka yang sederhana miskin ataupun lower middle class? Pada satu bahagian mereka tidak layak untuk mendapat biasiswa, tetapi apabila yuran dinaikkan, mereka pun tidak berapa mampu untuk membayar yuran begitu tinggi yang telah pun dinaikkan. Saya harap pihak kerajaan akan menimbang perkara ini dengan serius.

Akhirnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung, ya.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, quite accurate timing, Tuan Yang di-Pertua.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat jaminan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa rang undang-undang ini akan dilaksanakan dengan adil dan saksama, tidak kira kaum dan agama tetapi hanya berdasarkan latar belakang sosial pelajar tersebut, iaitu kalau kita hendak meluluskan biasiswa atau pinjaman, ia mesti berdasarkan merits and needs, dua kriteria yang penting, iaitu merit dan keperluan (merits and needs). Saya harap bahawa ukuran sedemikian akan dibuat supaya mereka yang cerdik, mereka yang pintar sama ada datang daripada Semenanjung atau Malaysia Timur ataupun dari apa-apa bangsa, kalau mereka miskin, mereka akan mendapat bantuan.

Kita tidak mahu keadaan yang berlaku pada tahun 70-an dan 80-an di mana ada satu survey yang telah dijalankan bahawa pernah biasiswa diberikan kepada

pegawai-pegawai tertinggi kerajaan, kepada orang kaya, kepada duta-duta juga dan ada kajian yang menunjukkan hanya 40% daripada biasiswa yang diberikan dalam tahun 70-an dan 80-an hanya diberikan kepada mereka yang benar-benar miskin, baik petani atau nelayan. Tentulah keadaan sedemikian mungkin berkurangan, tetapi kita tidak mahu distortion atau ketidakadilan yang berlaku pada tahun 70-an dan 80-an bila orang kaya pun mendapat biasiswa tetapi kerana mereka bukanlah datang daripada golongan bumiputera sungguhpun mereka miskin, mereka dinafikan hak untuk meneruskan pengajian mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, nampaknya masa kita tidak banyak. Bolehkah seorang 10 minit? Kita ada 20 minit seorang, jadi diminta seorang 10 minit. Sila, teruskan.

4.20 ptg.

Dr. Yap Yit Thong [Lumut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian di atas pembentangan Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997.

Saya menyokong penuh akta ini oleh sebab ianya satu akta yang begitu berwawasan. Dalam negara yang membangun seperti Australia dan Amerika Syarikat, pelajar-pelajar berusia 16 tahun hingga 22 tahun, 40% hingga 45% adalah berpeluang memasuki universiti menikmati pendidikan tinggi, tetapi di negara kita buat masa kini hanya 18% pelajar ada peluang menikmati pendidikan tinggi. Saya yakin dan percaya akta ini boleh meningkatkan nisbah pelajar di universiti supaya kita boleh mencapai Wawasan 2020.

Dari segi human resource, dengan izin, rangkaian ini menunjukkan kekurangan tenaga manusia seperti kekurangan 50,000 jurutera dan 30,000 doktor dan jururawat pada tahun 2000. Saya mengalu-alukan akta ini kerana ianya boleh mengatasi kekurangan tenaga kerja yang mahir.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa perkara berkenaan akta ini. Saya difahamkan tabung ini yang ditubuhkan dengan wang dari rakyat Malaysia. Saya harap semua anak Malaysia tidak mengambil kira kaum boleh memohon pinjaman pendidikan dari tabung ini untuk menuntut di institusi pendidikan tinggi kerajaan atau swasta di Malaysia. Sehubungan ini, saya berharap pelajar-pelajar dari Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR College) pun layak memohon pinjaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu kriteria-kriteria yang akan digunakan untuk memilih pemohon-pemohon yang berminat mendapat pinjaman tabung ini. Mengikut Fasal 21(2) suaimanfaat (means test) akan digunakan. Saya harap pihak kementerian boleh beri penjelasan berkenaan means test. Sebenarnya faktor-faktor yang patut diberi pertimbangan merangkumi keputusan peperiksaan pelajar, saiz keluarga dan pendapatan keluarga. Soalan seperti keturunan kaum, kemampuan membayar balik tidak harus menjadi kriteria-kriteria untuk memilih pemohon-pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak melihat Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini akan menjadi satu institusi pendidikan yang kuat dan kukuh di mana anak-anak kita boleh meletak harapan dan aspirasi mereka. Untuk pengendalian dan pengurusan yang licin dan tabung ini boleh berjaya, saya rasa faedah yang rendah seperti 2% kena dicaj supaya penyalahgunaan boleh dielakkan. Contohnya pelajar boleh dapat pinjaman ini dan simpan di bank untuk mendapat faedah.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi membayar balik saya ingin tahu bagaimana perbadanan tabung boleh mengawal pelajar-pelajar yang lari terus dari negara kita selepas graduation. Saya bangkitkan soalan ini oleh sebab masalah-masalah seperti ini telah berlaku di negara seperti di New Zealand di mana selepas graduation, pelajar-pelajar terus pergi bekerja di Australia dan tabung pendidikan tidak boleh dapat bayaran balik dari mereka.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja dengan ringkas ucapan saya berkenaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan.

4.26 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membawa rang undang-undang itu mengadakan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Sebelum itu, saya ingin meminta Dewan, kalau boleh dengan izin, untuk kita sama-sama menghadihkan surah al-Fatihah kepada Allahyarham Dato' Seri Haji Mohd. Zin bin Haji Abdul Ghani, Ketua Menteri Melaka yang telah pergi meninggalkan kita. [Yang Berhormat membaca al-Fatihah] Mudah-mudahan Tuhan akan mencucuri rahmat ke atas rohnya

kerana beliau adalah bekas seorang guru yang telah banyak menyumbang bakti kepada anak bangsa dan negara sehinggalah di saat-saat beliau menghembuskan nafas yang akhir untuk menghadiri Ulang Tahun Ke-51 UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini adalah hasil daripada pandangan jauh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan juga yang telah diutarakan di dalam Perhimpunan Agung UMNO tempoh hari kerana kita dapati bahawa dengan penswastan pusat-pusat pengajian tinggi dan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat yang berpendapat rendah, yang berpendapatan sederhana, anak-anak pegawai-pegawai kerajaan dan sebagainya apabila mereka diberi peluang untuk memasuki pusat pengajian tinggi, di saat itu ibu bapa menerima surat itu berasa bangga dan gembira. Di samping itu pula, mereka akan melengung dan memikirkan di manakah mereka hendak mencari wang untuk menghantar anak-anak mereka ini.

Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa tabung ini bukan sekadar memberi biasiswa, tetapi kalau boleh dimasukkan juga wang pendahuluan untuk anak-anak ini membuat persiapan untuk memasuki pusat-pusat pengajian tinggi. Kerana pada hari ini kita dapati bahawa kadang-kadang memang sukar sekali untuk anak-anak ini membuat persediaan yang memakan belanja sekurang-kurangnya, minimumnya saya kira lebih kurang RM1,500 ke RM2,000.

Dahulu pihak MARA ada menganjurkan setelah ahli-ahli Lembaga mengesyorkan, tetapi kerana kesuntukan peruntukan kewangan, saya difahamkan telah dihentikan dan ini menjadi masalah yang besar bagi anak-anak di luar bandar, terutama sekali kepada anak-anak yang ibu bapanya berpendapatan rendah. Tidak usah kata berpendapatan rendah, pegawai-pegawai kerajaan sendiri pun kalau hanya dengan jawatan kerani ataupun pegawai biasa, mereka juga menghadapi masalah. Jadi, di samping kita memberi pinjaman untuk biasiswa, tabung ini juga perlu melihat dari segi memberi pinjaman pendahuluan (advance payment) untuk membuat persiapan, hendak pergi medical check-up, hendak kena yuran pendaftarannya, hendak kena beli kasut, baju dan sebagainya.

Ini perlu kerana kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, orang kampung yang susah ini anak dia kasut kadang-kadang sepasang sahaja untuk pergi

ke sekolah, baju pun satu pasang sahaja. Jadi, bila dapat tawaran ini dia hendak kena beli kain yang lain, kalau di rumah kain carik (terkoyak) sedikit pun tidak apa ataupun baju pun hendak kena elok sedikit dan sebagainya maklumlah masuk universiti. Jadi, yang ini kalau kita tanya wakil rakyat Barisan Nasional, pembangkang orang tidak pergi cari mereka fasal mereka tidak ada apa - wakil rakyat yang merana - mereka kedekut sedikit bukan? Mereka dok ambil lagi ada, macam Kepong, orang masuk pi, tunjuk jarum sahaja RM5, baru tunjuk tidak cukup lagi! Cukup RM20 jadi RM25, bila datang bersyarah - perjuangan!

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang ini amat perlu. Saya mintalah sungguh kepada menteri, jasa baik menteri tolonglah kalau tidak anak-anak nelayan, anak-anak petani, anak-anak buruh, anak-anak pekerja sambilan, macam-macam hak yang miskin ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat surat tawaran ini mereka akan menangis. Satu, menangis gembira emak bapanya, yang kedua dia menangis hendak pergi cari duit di mana. Sasaran dia wakil rakyat, wakil rakyat pun sekarang ini tidak naik apa lagi yang kata hendak naik itu, tidak ada apa lagi. [Ketawa] Kita berharaplah, tidak apalah itu perjuangan. Macam wakil rakyat PPRT ini lagi sengsara, jadi saya minta menteri tolonglah.

Kemudian saya minta tabung ini, saya hendak menyeru kepada semua badan korporat, syarikat-syarikat yang kaya-raya yang untung berjuta-juta ini pastikan sekurang-kurangnya kalaulah mereka tutup kunci kira-kira mereka cuba anjurkan 10% daripada keuntungan bersih itu kepada tabung ini dan minta pihak Kementerian Kewangan mengecualikan mereka ini daripada bayaran cukai. Yang ini Kementerian Kewangan kena fikir, hak ini hendak tolong orang miskin ini. Jadi, kita tengok kadang-kadang keuntungan balance sheet dia sampai RM100 juta, RM200 juta, RM300 juta kemudian publish dalam surat khabar siapa yang untung? Kerajaan tidak apalah bayar cukai tetapi saya hendak cadangkan demi anak bangsa negara kita minta 10% daripada keuntungan itu diberi kepada tabung ini supaya tabung ini dapat beroperasi dengan lebih kemas, lebih besar dan dapat membantu keseluruhan orang-orang kita yang berpendapatan rendah termasuk wakil rakyat, kalau anak dia pergi ke universiti pun, Tuan Yang di-Pertua, bukannya mudah - senyuman dalam tangisan wakil rakyat ini - kadang-kadang bibir mesra jiwa parah [Ketawa]. Kita berjuang untuk bangsa, untuk negara dan tanah air hendak buat macam mana?

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa kalau boleh tabung ini juga

tolonglah kita ambil sedikit hasil daripada kutipan, sumbangan syarikat-syarikat yang berjaya, orang yang ingin hendak beri zakat dan sebagainya dikecualikan daripada cukai, walaupun individu, kalau dia hendak beri kecualikan daripada membayar cukai, jadi, dia mendapat manfaat. Satu lagi kalau bolehlah, saya minta tabung ini juga, bukanlah saya hendak tarik daripada pusat pengajian tinggi, mungkin dia wujud sub-tabung, sub-tabung ini kita gunakan untuk memberi kelas-kelas tambahan (tuition) untuk sekolah-sekolah luar bandar, untuk budak-budak di luar bandar, kelas-kelas komputer di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang wakil rakyat terpaksa mengeluarkan peruntukan untuk membuat kelas tambahan kerana budak-budak luar bandar, dia hendak pergi mengambil kelas tambahan dan sebagainya tidak mampu, tidak kesampaian ibu bapa dia. Begitu juga kelas komputer, macam kawasan saya, saya telah wujud kelas komputer menggunakan peruntukan dan sumbangan kawan-kawan untuk buat kelas komputer supaya anak-anak kampung, nelayan dan anak-anak orang miskin ini tahu hendak main komputer. Apa dia Internet, apa dia macam-macam 'net' dok main sekarang ini, kadang-kadang hak itu pun dia tidak tahu. Dia ingat 'net' ini jala sahaja. Dia kerja hendak pergi tangkap ikan sahaja, bukan yang itu. Jadi, yang ini kasihan.

Walaupun kementerian buat macam-macam tetapi yang ini kita kena pastikan dan saya juga ingin mencadangkan supaya jangan adalah penjamin untuk tabung ini. Kalau ada penjamin, masalah, Tuan Yang di-Pertua. Fasal apa? Orang kampung ini siapalah hendak jadi penjamin? Dia pergi ke laut sehari boleh dapat RM15 ataupun RM20, kalau kena musim tengkujuh itu bawa balik jala sahaja dengan perahu, pergi makan angin. Jadi, hendak cari guarentor, hendak cari penjamin, dia hendak cari di mana? Sekarang ini kita minta supaya kalau hendak juga penjamin suruh emak dan bapa dia menjadi penjamin, kalau anak itu tidak bayar tidak lama takkan dia sanggup hendak tengok emak bapa dia bankrupt, takkan dia sanggup hendak tengok emak bapa dia pergi mahkamah. Tetapi jangan kita minta penjamin daripada orang luar ataupun daripada wakil rakyat - merana, kita merana - bila mereka belajar dan berjaya mereka tidak bayar, kita yang menanggung.

Jadi, sebolehnya kalau tidak ada penjamin pun tidak apa. Syarat, kita trace dia bekerja di mana dan sebagainya. Yang ini mustahak kerana maklumlah zaman sekarang ini siapa yang hendak

berani 'sua tengkok' hendak jadi penjamin? Budak-budak ini kadang-kadang hak baik sedikit tak apalah, hak tidak baik itu dia bekerja-bekerja dia tuang, ghaib, lepas itu dia boleh datang hantar kad jemputan dia kata dia hendak menikah, yang hutang tidak bayar ini? Datang hantar kad jemputan dia hendak menikah, suruh kita pergi, itu hak pinjaman biasiswa yang tidak berbayar? Jadi, kita yang sakit.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya hendak gulung sedikit Tuan Yang di-Pertua? Boleh ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Boleh.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta, kalau boleh! Ini kalau boleh jasa baik Perdana Menteri lah ya! Biarlah borang-borang ini disahkan oleh wakil rakyat Barisan Nasional. [Ketawa] di column bawah itu bubuh wakil rakyat. Wakil rakyat dia kenal kampung itu, macam saya beritahu anak Pak II ini saya tahu dah, Pak II ini anak berapa, isteri berapa cucu berapa, saya tahulah. Khabar anak Pak Man ini saya tahu dah berapa-berapa dan sekurang-kurangnya, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu latar belakang dan mereka ini berterima kasih kepada kerajaan. Ini budak-budak ini dia kena berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional, tabung ini kerajaan buat, Kerajaan Barisan Nasional buat. Ini mereka pergi belajar, Tuan Yang di-Pertua, bila balik tak sempat dapat certificate lagi sudah tunjuk perasaan, perangai 'loklak' tidak tentu arah ini fasal apa? Kita dok suap mereka makan ini, tahu-tahu gigit jari adakah patut? Jadi, saya mintalah ya? Ini dok dengar Yang Berhormat dari Kubang Kerian inilah, bagi semangat-semangat, puak ini naik angin, bukan ada kena mengena dengan kita ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta wakil rakyat Barisan Nasional mengesahkan bahawa budak ini layak menerima. Dia orang miskin dan sebagainya, dan sebagainya. Kalau tidak budak-budak ini tidak rasa terima kasih.....

Tuan Yunof Edward Marinking: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tuan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan, saya tidak ada sentuh Tuan pun, hendak bangun buat apa? [Ketawa] Saya tidak kacau pun [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Okaylah, okaylah.

Tuan Yunof Edward Marinking: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada sahabat saya dari Yan. Kalaulah borang itu perlu disahkan oleh wakil rakyat Barisan Nasional, adakah perlu juga anak-anak yang diberi pinjaman itu mesti disahkan sebagai penyokong Barisan Nasional?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tadi ialah kita bagi tidak kiralah asalkan dia rakyat Malaysia yang berkelayakan, berkelulusan kita bagi, cuma sekadar kita hendak memperingati mereka supaya mereka faham dan untuk mengucapkan terima kasih. Ini adalah Kerajaan Barisan Nasional, jadi kita bantu mereka sekurang-kurangnya bila besar besok dia tidak maki hamun kerajaan. Dia tahu terima kasih, ini kerajaan tolong dia pendidikan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, biasiswa ambil, nikmat dapat, subsidi sapu, elaun sapu, hentam kerajaan. Mana ada, jenis manusia Tuan Yang di-Pertua? Kucing pun dia tahu hormat ibu bapa dia. Binatang pun dia tahu sayang emak bapa dia, ini kalau kita manusia tidak tahu hendak membalas dan mengenang budi ini, jenis apa manusia, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya harap tabung ini untuk memberi kesedaran kepada rakyat bahawa kerajaan ini memang kasihan. Kita buat institusi pengajian tinggi, naikan sedikit yuran tidak apa fasal hendak jaga guru-guru dan sebagainya, hendak jaga pensyarah-pensyarah, menaikkan taraf pusat pengajian tinggi. Kerajaan bawa keluar, dulu, bila naik yang ini, Tuan Yang di-Pertua, PAS kata apa? Kerajaan zalim. Naikkan ini, orang Melayu tidak boleh pergi dah, orang kampung tidak boleh masuk universiti dah, kita kata nanti sat, Menteri kami Menteri Pendidikan itu cerdik, kalau tidak Perdana Menteri tidak bubuh dia tang itu. [Ketawa] Kita buat tabung, ini PAS balik dia hendak kata apa pula? Hendak kata apa pula? Oh, hendak kata tabung ini apa pula? Hendak beri kerana UMNO, tidak! Bagi kepada rakyat Malaysia, rakyat yang miskin, rakyat yang perlukan bantuan.

Yang kita mahu hari ini ialah supaya rakyat dan anak-anak ini mengenang budi, Tuan Yang di-Pertua. Bangsa Melayu yang beragama Islam ini budi ini begitu bererti. Jadi, kalau boleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian bersyarah nanti, sokong tabung ini. Sokong! Kalau boleh saya hendak sumbang sebulan elaun saya masuk ke dalam tabung inilah sebagai simpati saya kepada ini. [Tepuk] Insya-Allah, saya akan masuk, hendak beri banyak tidak upaya. [Ketawa] Setakat sebulan itu okaylah. Semua elaun saya termasuk elaun FAMA, elaun sebulan saya akan masukkan ke dalam

tabung ini demi untuk hendak menyeru kepada kawan-kawan saya yang lain pun buat sama termasuk parti pembangkang, termasuk Kepong, awat kepala pun tidak nampak fasal tabung? *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Menteri minta jawab.

5.41 ptg.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang mewujudkan sebuah perbadanan untuk mengendalikan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

Amatlah jelas sekali bahawa hasrat dan cadangan kerajaan ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat, malah wakil-wakil rakyat dari parti pembangkang pun menyokong penubuhan Tabung Pendidikan Nasional ini lebih-lebih lagi Ahli Yang Berhormat dari Tuaran menyokong kuat. *[Tepuk]* Terima kasih. Satu petanda yang baik. Yang lain itu pun sokong tetapi mungkin berbeza dari segi detailnya sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini bertujuan untuk memberi peluang pendidikan tinggi yang seluas-luasnya. Maka, bersesuaian dengan prinsip pendemokrasian pendidikan dan keadilan sosial, maka kerajaan mewujudkan tabung ini supaya tidak ada seorang pun di kalangan pelajar warganegara yang mendapat tempat di universiti awam di negara kita yang tidak mampu ke-universiti semata-mata kerana ia seorang pelajar yang miskin. Maka, dengan terlaksananya tabung ini, maka rata-rata pelajar dari golongan yang miskin dan juga dari golongan berpendapatan pertengahan ataupun dengan izin, middle class akan memperolehi peluang pinjaman ini untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat universiti.

Tuan Yang di-Pertua, tabung ini nampaknya memberi kelegaan, bukan sahaja kepada pelajar-pelajar miskin tetapi kelegaan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dalam perbincangan sejak semalam dan hari ini ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang membuat pengakuan bahawa dia adalah Ahli Yang Berhormat PPRT. Jadi, bukan

sahaja Ahli Yang Berhormat PPRT tetapi Ahli Yang Berhormat lain juga akan mendapat kelegaan sebab kita tidak akan meminta supaya Ahli Yang Berhormat menjadi penjamin kepada tabung ini dan saya harap Ahli Yang Berhormat janganlah menyorong kepala untuk menjadi penjamin kepada tabung ini.

Saya harap Ahli Yang Berhormat janganlah menyorong kepala untuk menjadi penjamin kepada tabung ini. Sebab tabung ini kita akan beri kemudahan dan keselesaan yang sebanyak mungkin dari segi syarat-syarat yang akan ditentukan. Saya hendak katakan tidak ada penjamin sama sekali mungkin sukar, tetapi penjamin itu syarat sahaja. Kita tidak akan menetapkan syarat yang sangat ketat umpamanya hendak cari D.O. ataupun pegawai kumpulan A jadi penjamin dan sebagainya, itu akan menyusahkan orang-orang kampung. Jadi, kita akan mengenakan syarat yang paling ringan berbanding dengan skim-skim yang lain. Dan dengan ini, kita percaya bahawa lebih ramai lagi pelajar-pelajar dari golongan yang miskin akan dapat peluang tanpa berada dalam keadaan susah, serba salah, terpaksa hendak ketuk rumah wakil rakyat tengah malam bila dekat hendak masuk universiti dan sebagainya. Inilah kita akan menggunakan pendekatan supaya tabung ini dikendalikan dengan syarat-syarat yang paling mudah, paling membantu pelajar-pelajar dan bukan hendak menyusahkan pelajar-pelajar kita. Ini semangat dan pendekatan yang kita akan amalkan.

Dari segi saiz tabung ini, banyak Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menyarankan supaya jangan sekadar RM100 juta sahaja, tetapi tabung ini seharusnya lebih besar. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mencadangkan RM500 juta. Ikut cadangan kerajaan bukan RM500 juta, tetapi jauh lebih besar daripada itu. *[Tepuk]* Cita-cita kita ialah supaya tabung ini akan merupakan sebuah institusi kewangan yang sangat kukuh akan membolehkan pinjaman dikeluarkan kepada sebanyak mungkin pelajar, dan dengan ini maka saiz tabung itu akan diperbesarkan lagi, dan kerajaan menetapkan cuma RM100 juta untuk tahun ini sahaja. Tahun depan kita akan tokok tambah lagi dengan peruntukan yang jauh lebih besar. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, tabung ini kita akan perolehi daripada punca kerajaan. Itu merupakan punca utama. Kita juga membuka tabung ini kepada badan-badan korporat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap banyak menyarankan - Yang Berhormat dari Ledang, dari Yan supaya badan-badan korporat yang memperolehi keuntungan yang

besar membuat sumbangan, dan Ahli-ahli Yang Berhormat memohon supaya Kementerian Kewangan mempertimbangkan pengecualian cukai kepada badan-badan korporat yang membuat sumbangan kepada tabung ini. Cadangan itu kita akan kemukakan untuk pertimbangan Kementerian Kewangan selanjutnya. Saya juga mengambil kira Ahli Yang Berhormat dari Yan hendak membuat sumbangan sebulan elaanynya untuk Tabung Pendidikan Nasional.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Menyampuk]

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tiga bulan? Kita tunggu, mungkin Ahli Yang Berhormat dari Kepong hendak buat sumbangan. Tetapi bila sebut sumbangan ini, dia lagi menggelonsor turun ke bawah, [Ketawa] hampir tak nampak. Bila saya berdiri baru saya nampak Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Bila saya duduk, saya tidak nampak.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengurusan Tabung Pendidikan ini, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dan juga Ahli Yang Berhormat yang lain telah memberi pandangan supaya pihak yang dilantik itu nanti akan mengendalikan tabung ini dengan amanah, dengan cekap, dengan membuat keputusan yang bijak dari segi pelaburan dan sebagainya. Oleh sebab tabung ini adalah sebuah tabung amanah rakyat yang begitu penting dan bermakna sekali, kerajaan akan memberi penelitian yang sebaik mungkin, terutama sekali dari segi perlantikan anggota-anggota ini nanti, kita akan pilih daripada mereka yang mempunyai track rekod yang baik. Insya-Allah, kita akan pastikan bahawa perjalanan tabung ini menepati matlamatnya, tidak ada penyelewengan dan tidak ada pembaziran. Kalau pentadbiran tabung ini pun kita tidak mahu para pegawai yang mengendalikan tabung ini memilih gaya hidup yang mewah, pejabat besar dan sebagainya, tetapi kita hendak mengamalkan sikap kesederhanaan supaya yang diutamakan ialah para pelajar, dan bukanlah keselesaan pegawai-pegawai yang mengendalikan tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, tabung ini juga akan membuka satu dimensi baru, kerana kita hendakkan konsep pembiayaan pendidikan ini merupakan tanggungjawab bersama bukan sahaja di hala kepada kerajaan sahaja mencari sumber kewangan. Tetapi bagaimana kita hendak membudayakan nilai dan sikap untuk menabung bagi kepentingan masa depan kita sendiri. Saya fikir konsep ini amat menarik. Saya percaya kita boleh memasarkan dan

kita boleh menjualkan konsep ini di kalangan rakyat Malaysia supaya mereka mampu sanggup menabung untuk masa depan mereka sendiri. Ini bukan untuk kepentingan orang lain, tetapi kita melihat dari segi kepentingan mereka sendiri.

Jadi, sebab itu kita akan gabungkan dengan konsep unit trust dan insurans. Jadi, kalau sesuatu berlaku kepada bapa mereka, pada punca rezeki mereka, keluarga mereka, skim insurans itu akan memberi perlindungan. Kalau dari segi unit trust, maknanya pendapatan mereka jauh lebih besar daripada skim yang terdapat sekarang ini, walaupun institusi berpuluh-puluh institusi kewangan sudah ada skim penabungan untuk pelajar, tetapi kadar faedah yang diberikan cuma 6%-7% sahaja. Saya fikir itu tidak memadai. Kita patut ada skim yang memberi pulangan mungkin dalam setahun, dalam 12% dan sebagainya supaya ini akan memberi satu galakan yang besar, satu punca yang amat besar. Sebenarnya bila Yang Berhormat dari Kepong sebut tadi memang kita sudah fikirkan, kalau seorang pelajar, kita ada 4.5 juta pelajar, kalau setiap minggu katalah RM1.00 maknanya kita sudah boleh mengumpul RM4.5 juta setiap minggu sebagai satu punca yang besar untuk mengendalikan, mengisi Tabung Pendidikan ini, tetapi dana ini ialah untuk kepentingan mereka sendiri. Jadi, inilah konsep membudayakan sifat suka menabung ini sebagai satu amalan, sebagai satu budaya, sebagai satu darah daging kepada rakyat Malaysia supaya menyokong dasar kerajaan pada peringkat mikro, walaupun kadar penabungan negara kita sudah pada tahap 38% antara yang tertinggi di dunia, tetapi kita masih mampu lagi untuk mempertingkatkan kadar penabungan negara ini, dan salah daripada caranya ialah apabila kita menggerakkan simpanan dan penabungan di bawah konsep insurans dan konsep unit trust yang bakal akan dikendalikan ataupun diperkenalkan oleh Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat banyak juga yang bangkit tentang soal bayaran balik. Bagaimana kita hendak pastikan tabung ini bagi mereka yang meminjam dapat bayar balik dengan baik, dengan ikut jadual, mengelak dari masalah dan sebagainya yang dihadapi oleh tabung-tabung yang lain, umpamanya MARA disebutkan dan sebagainya. Sebab itulah kita memperkenalkan satu cara dan kaedah yang agak berbeza dengan tabung-tabung yang ada sekarang ini. Tabung-tabung JPA, MARA dan sebagainya tidak ada peruntukan dalam undang-undang yang mewajibkan. Malah diletakkan sebagai satu

kesalahan, kalau majikan sama ada kerajaan mahupun majikan swasta, kalau mereka tidak memotong bayaran balik untuk disalurkan kepada tabung merupakan satu kesalahan dan mereka boleh didenda dan boleh dikenakan penjara umpamanya mengikut undang-undang ini, kalau mereka tidak mengikut perintah yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi, dengan langkah ini, maka saya kira insya-Allah, mungkin lebih 90% daripada masalah bayaran balik tidak akan timbul. Sebab Lembaga Hasil Dalam Negeri akan dilantik oleh perbadanan ini, dan Lembaga Hasil Dalam Negeri akan menggunakan peruntukan ini memohon setiap majikan sama ada kerajaan mahupun swasta supaya memotong dengan izin, at source pendapatan pelajar berkenaan bila pelajar berkenaan bekerja. Pendapatan mereka itu akan dipotong at source supaya pemotongan itu disalurkan kepada membiayai pinjaman daripada tabung ini, dan kadar bayar balik itu kita akan tentukan kaedah yang tidak akan membebaskan mereka yang berkenaan ataupun pihak yang berkenaan. Kalau gaji lebih tinggi, tinggilah bayaran balik, kalau gajinya rendah, rendahlah bayaran balik, dan kita akan ada perkiraan,....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:flexibility, dari segi bayaran balik nanti.

Dr. Tan Seng Giaw: Mengenai sumbangan, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Susah sedikit, kita mesti beri pendidikan dahulu. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya nampaknya dalam rang undang-undang ini, dalam hujah Yang Berhormat tadi tidak termasuk pinjaman-pinjaman yang keluar negara untuk bekerja di negara-negara lain. Memang ada satu golongan yang tidak dapat bayar pinjaman ini. Apakah tindakan yang akan diambil, kerana pengalaman di Australia misalnya, orang-orang luar daripada Australia yang dapat pinjaman pendidikan tetapi tidak bayar balik kerana mereka keluar daripada Australia?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya ingat Yang Berhormat hendak membuat sumbangan pendapatan seminggu daripada kliniknya untuk tabung ini, tetapi tidak juga. Barangkali kemudian agaknya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Bakhil. *[Ketawa]*

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sebenarnya saya hendak menyentuh bab itu, tetapi Ahli Yang Berhormat tidak sabar. Saya bercakap tentang masalah 90% yang dijangka tidak akan timbul. Yang kita kira kita akan menghadapi masalah ialah kalau sekiranya mereka keluar negara. Saya kira perkara bilangan mereka yang keluar negara tidak banyak, sebab kita akan memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar di universiti tempatan, bukan universiti di luar negara. Jadi, kalau universiti luar negara mungkin mereka melihat peluang di luar negara, mereka ada interaksi dengan bakal majikan multinational umpamanya di luar negara. Tetapi kalau di dalam negara sebahagian besar daripada mereka akan kekal di Malaysia. Jadi, saya kira ini tidak akan timbul masalah yang besar. Lagi pun kita akan melantik Lembaga Hasil Dalam Negeri, dan Lembaga Hasil Dalam Negeri memang mempunyai rangkaian pengkomputerannya yang meluas hubungannya, networkingnya, jadi pihak tertentu ini boleh mencari untuk dibayar dan sebagainya, ada usaha-usaha yang boleh kita lakukan, walaupun dia bekerja dengan multinational di luar negara pun, kebanyakan multinational nanti akan ada pejabat di Malaysia. Sebahagian besar daripada multinational akan beroperasi di dalam kawasan MSC umpamanya, kita ada networking.

Jadi, era globalisasi ini, dunia tidak bersempadan ini, peluang untuk kita bekerjasama dengan badan-badan lain agak terbuka lebih luas lagi berbanding dengan masa-masa yang lalu. Jadi, kita rasa optimis bahawa masalah yang dihadapi oleh tabung-tabung lain insya-Allah tidak akan berbangkit sebab kita sudah belajar dari segi pengalaman kita pada masa-masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tabung ini telah dimasukkan peruntukan supaya kita melantik panel peguam dalam Fasal 35 sepertimana Yang Berhormat dari Tanjong Karang bertanya sama ada perbadanan ini boleh melantik panel peguam. Jawapannya, memang boleh untuk kes sivil. Tetapi untuk mengambil tindakan pendakwaan sudah difikirkan oleh kerajaan. Oleh kerana pendakwaan ini melibatkan kes berbentuk jenayah, maka lebih baik kerja ini dibuat oleh pihak Peguam Negara dan pendakwaraya. Jadi, itulah pembahagian dan kalau ia melibatkan kes di mahkamah yang bersifat jenayah, maka Peguam Negara akan mengambil alih, tetapi kalau bentuk sivil sahaja kita boleh menggunakan panel peguam.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi bayaran balik tabung ini kita tentukan tempoh masanya 15 tahun untuk pelajar sains dan 10 tahun untuk pelajar

matlamatnya bukan semata-mata memberi peluang untuk pelajar-pelajar mendapat pinjaman, tetapi juga untuk kerajaan memperkembangkan bidang, misalnya bidang penyelidikan di dalam apa segi sekalipun. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita menghadkan tujuan tabung ini untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar untuk membiayai pelajaran mereka di peringkat universiti dalam ijazah pertama. Mungkin kemudian untuk ijazah lanjutan, tetapi kita tidak akan masuk dalam bidang penyelidikan dan sebagainya sebab ada tabung yang lain, yang boleh membiayai keperluan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah itu hasrat kita dari segi tujuan kesudahannya supaya tabung ini merupakan satu tabung yang besar, memberi impak yang cukup bermakna kepada perkembangan negara. Saya hendak mengambil masa yang singkat untuk menjelaskan beberapa perkara walaupun tidak secara langsung dengan tujuan tabung ini, tetapi telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya, Ahli Yang Berhormat dari Kepong sekali lagi hilang punca, sebab dia sebut 'pengkorporatan' dia kata 'pendekatan komersial'. 'Pengkorporatan' bukan 'pendekatan komersial' - pengkorporatan cuma dari segi pengendalian ataupun sistem governen universiti sahaja - bukan ala komersial, sebab tanggungjawab sosial kerajaan masih berterusan dalam zaman pengkorporatan. Jadi, kalau hendak ertinya pengkorporatan sama seperti komersial, itu adalah menunjukkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak faham maksud kerajaan.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tak payah bangun Yang Berhormat, saya boleh jelaskan - tidak payah bangun. Jadi, apabila kita melaksanakan pengkorporatan, tidak ada 'udang di sebalik batu'. Saya tidak hendak macam Ahli Yang Berhormat dari Kepong dia cakap pun baik caranya, lembut juga. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini penuh dengan 'cynicism' - terlalu cynical dalam memikirkan bahawa tabung ini seolah-olah dibuat kerana ada sesuatu 'udang di sebalik batu'. Maknanya kita akan menaikkan kadar yuran universiti begitu tinggi sekali bila kita mengkorporatkan universiti. Sekali lagi ini satu gambaran yang tidak betul dan saya boleh memberi jaminan sekali lagi bila universiti dikorporatkan, yuran akan ditentukan pada kadar

yang tidak membebankan rakyat, bukan sebab ada tabung ini, tetapi kadar yuran itu akan ditentukan pada kadar yang memberi keselesaan. Kalau ada kenaikan pun, kenaikannya berperingkat-peringkat secara minimum, tidak menyusahkan rakyat. Jadi, sebab itulah Kerajaan Barisan Nasional, insya-Allah akan kembali berkuasa, kerana kita sensitif kepada kehendak rakyat.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tidak apa duduk.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga banyak sangat hendak mendapat modal politik disebabkan keputusan kita memberi biasiswa kepada pelajar Sofia. Sebenarnya kita memberi ini, kerana kita hendak gunakan Sofia ini. Sofia ini bukan dapat cara mudah, dia akan kita kehendaki dia pergi ke sekolah-sekolah kita untuk memberi syarahan kepada pelajar-pelajar kita, membuat tunjuk ajar pada pelajar-pelajar kita. Jadi, ada tugas yang diberikan, bukan kita beri macam itu sahaja. Lagi pun, kita sudah memutuskan supaya Syarikat Sime Darby yang memberi. Jadi, kalau ada pelajar pintar yang lain akan datang, kita boleh timbang, mungkin ada badan lain hendak beri, mungkin ada YTL hendak beri apa salahnya? Tidak usahlah besarkan seolah-olah kerajaan ini double standard dan sebagainya. Ini kita bertujuan yang baik, tetapi Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak mencari modal politik yang murah sekali lagi. Jadi, lebih baik dan lebih cepat Yang Berhormat dari Kepong mengambil alih Penolong Setiausaha Agung, lebih baik saya kira. Kita akan sokong sebenarnya.....boo! Setuju ya?

Beberapa Ahli: Setuju.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Semua setuju.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia takut! Dia takut!

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tetapi dia takut, senyum pun tidak berani, punya takut pada Setiausaha Agung.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau sebut tentang - jangan kita hilang dari segi idealisme kita, memang tujuan kita ke arah itu, tetapi ini merupakan prosesnya, satu demi satu, sebab kita hendak ubah sistem.

Saya selalu menegaskan bahawa reformasi pendidikan akan hanya berjaya kalau merupakan perubahan sistemik, dia tidak boleh satu sahaja, dia

sastera. Ini bukan kita hendak mengabaikan bidang sastera seperti yang didakwa oleh Kepong. Yang Berhormat dari Kepong ini dia hilang punca sekali lagi. Sebenarnya kita bukan hendak mengabaikan sastera, tetapi kita hendak perseimbangan yang lebih baik di antara sains dan teknologi dan sastera, sebab perseimbangannya agak berat pada sastera sekarang ini. Jadi, kita hendak menjurus kepada ratio 60%-40%, oleh itu yang 40% itu sudah cukup dari segi keperluan kita, pelajar-pelajar yang graduate, yang lulus dalam bidang sastera dan sosial-sains. Oleh itu, janganlah kita hendak tutup Fakulti Sejarah atau Fakulti Falsafah - tidak, cuma kita hendak tentukan jumlahnya seimbang mengikut ratio 60%-40%, sebab kalau kita hendak sebuah masyarakat yang berteras sains dan teknologi, maka kita mesti tentukan bahawa penajaan pelajar kita daripada universiti juga mencerminkan hakikat sedemikian. Jadi, barulah kita dapat masyarakat yang berteraskan dan berbudaya sains dan teknologi. Yang Berhormat dari Kepong setuju ya?

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tidak payah bangun, kalau tidak.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Relax - relax.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tidak mempertikaikan kita mesti menekankan budaya sains dan teknologi, cuma saya memberi amaran.....

Beberapa Ahli: Boo!

Seorang Ahli: Merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Amaran bahawa....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa kuasa ada?

Dr. Tan Seng Giaw:dengan trend sekarang, dalam masa 10, 20 atau 30 tahun akan datang kita akan dapat satu keanehan di mana kelulusan sains lebih ramai daripada kelulusan sastera - itu satu kemungkinan. Saya memberi amaran itu, kerana saya tidak mahu masalah ini timbul. Saya setuju dengan perimbangan dan kita mesti ada satu perseimbangan - itu tidak boleh dielakkan. Cuma semasa membuat dasar itu kita mesti fikir dengan lebih panjang implikasi dan consequencynya.

Seorang Ahli: Merapu!

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ya, kita sudah fikir panjang. Kita tidak perlu amaran dari Kepong sebenar. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Beri donation dahulu!

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dari segi bayaran balik, saya sudah sebut 10 tahun, 15 tahun. 15 tahun untuk pelajar sains dan bidang kursus tertentu itu kita akan kemas kinikan dari masa ke masa, kita boleh buat adjustment dari masa ke semasa.

Dari segi faedah yang dikenakan dan ini kita akan sesuaikan juga dengan prinsip Islam, faedahnya lebih kurang 4%, tetapi ini untuk menjelaskan kos pentadbiran sahaja, 4% ini boleh disesuaikan oleh kerajaan mengikut keadaan. Jadi, bukanlah tujuan kita untuk mendapatkan keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira kalau mengikut perkiraan kita, kalau tabung ini menjadi lebih besar dan jumlah pinjaman kita dikeluarkan meningkat, bilangan graduate bertambah dan kalau proses bayaran balik berjalan lancar, satu masa nanti bayaran balik dan bayaran keluar daripada tabung ini dapat diseimbangkan - saya yakin. Jadi, satu masa nanti menjadi satu punca, satu dana yang besar dan boleh dibiayai, tidak payah sumbangan lagi, self generating, dengan izin. Ini adalah matlamat kerajaan, satu hari nanti mungkin dalam masa 10 tahun atau 15 tahun boleh jadi self generating fund dan kita ada satu punca dana yang besar untuk pembangunan negara kita. Inilah cita-cita kita, aspirasi kita dengan kewujudan tabung ataupun dana pendidikan nasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil sedikit masa sahaja lagi untuk menjelaskan. Walaupun sebenarnya saya sudah habis dari segi tabung ini.....

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tuaran bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai skop pelaburan yang akan ditumpukan di dalam perkembangan pelajaran memang banyak skop yang boleh kita laburkan dan saya tidak khuatir mengenai sekuriti, oleh kerana saya cukup yakin bahawa kerajaan telah mengambil kira segalanya itu. Apa yang saya ingin tanya adakah kerajaan bercadang untuk menumpukan segala aktiviti itu daripada skop aktiviti bidang pelajaran sahaja dan tidak akan menyimpang kepada lain-lain aktiviti ekonomi supaya tabung ini akan betul-betul mencapai kepada

keseluruhan sistem itu mesti diubah, dipersesuaikan dengan kehendak sezaman dan kehendak masa akan datang. Kita akan tentukan umpamanya Tuan Yang di-Pertua, supaya universiti tempatan lebih kompetitif, sebab itu kita akan mengendalikan satu survey yang kita akan buat tiap-tiap tahun menentukan keupayaan setiap fakulti dan jabatan universiti.

Mungkin kita akan ambil pakar-pakar dari luar negara untuk membantu kita, jadi, kita akan melihat dari segi kebolehan dia mengajar, kita akan melihat dari segi keupayaan dia membuat penyelidikan, kita akan melihat dari segi kurikulumnya, kita akan melihat dari segi sumbangannya kepada masyarakat.

Jadi, ini tidak pernah dibuat, universiti tempatan tidak pernah dinilai secara objektif tetapi dalam sedikit masa lagi semua universiti awam akan dinilai keberkesannya. Jadi, dengan ini kita harap suasana yang lebih dinamik akan wujud.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kalau Yang Berhormat boleh melaksanakan rancangan ini dengan baik, saya bersetuju. Kita mesti menilai dengan betul ke satu langkah ke arah yang betul. Walau bagaimanapun, apakah dari segi prinsip dan dasarnya peranan Senate, peranan organisasi yang lain di dalam universitinya, adakah Senate ini akan dibubarkan atau ditukar corak dan sebagainya supaya kita boleh cocok dengan arus aliran moden ataupun Senate dan organisasi-organisasi seumpama ini akan dikekalkan dan fungsinya akan dikekalkan dan musyawarah atau perbincangan akan diadakan. Ha, itulah!

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini dia tidak mengikut perkembangan, macam mana hendak jadi bakal Setiausaha Agung, saya pun tak tahulah. [Ketawa] Senate tidak akan bubar, cuma saiznya dikurangkan, sebab Universiti Malaya punya Senate, bilangannya 300 lebih, macam mana hendak buat keputusan, 300 orang hendak buat keputusan, bukan senang. Ini ahli akademik hendak buat keputusan lebih susah daripada ahli politik hendak buat keputusan.

Jadi, kita kurangkan bilangannya, tetapi fungsinya tidak berubah, fungsinya tetap kekal. Jadi, kita tidak lari daripada idealisme ini, sebab kita hendak objektif pendidikan, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah hendakkan seorang yang lulus dari segi akademik sahaja tetapi yang kita hendak beri,

dengan izin, ialah, wholesome education, maknanya kita mesti melihat dari segi keilmuannya, kita mesti melihat dari segi kemahiran dia berfikir, kita mesti melihat dari segi personalitinya, kita mesti melihat dari segi daya kepimpinannya, kita mesti melihat pengetahuan amnya dan sebagainya.

Inilah matlamatnya yang kita akan menjurus ke arah itu tetapi prosesnya berperingkat-peringkat dan prosesnya bukan sahaja di universiti tetapi di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, sebab sistem kita terlalu sangat berasas kepada peperiksaan, terlalu sangat berasas kepada 'road learning', penghafalan dan budaya kita, kita terlalu pasif, kita bergantung kepada guru. Di sekolah kita bergantung kepada guru, di universiti kita bergantung kepada pensyarah. Apa yang pensyarah sampaikan kepada kita, itu yang kita keluarkan semasa peperiksaan, tidak lebih daripada itu.

Jadi, ini kita hendak ubah, inilah perubahan yang kesudahan matlamat reformasi pendidikan kita. Jadi, saya hendak menegaskan bahawa kualiti pelajar kita, kualiti generasi akan datang adalah sentiasa di dalam pertimbangan kerajaan dan kita tidak akan lari daripada matlamat ini, cuma ini merupakan satu proses.

Tuan Yang di-Pertua, tabung ini merupakan satu perubahan yang amat besar kerana selama ini kita lihat dari segi keadilan umpamanya mungkin ramai pelajar bukan bumiputera merasakan mereka tidak ada punca, tak dapat punca kalau masuk universiti. Tetapi dengan tabung ini, universiti awam kita pastikan tidak kira bumiputera atau bukan bumiputera asalkan dia layak, dia akan diberi pinjaman di bawah tabung ini. [Tepuk]

Dan means test itu kita akan tentukan, mestilah ada cut of pointnya, tentulah kalau dia ada tiga, empat buah kereta di rumah, bukan kereta kecil tetapi kalau dia ada kereta Mercedes dua, tiga buah, takkan dia patut dapat pinjaman daripada tabung, saya tak fikir dia patut. Jadi, kita mesti ada cut of pointnya, dengan izin.

Tetapi setiap kakitangan kerajaan daripada Ketua Setiausaha Negara sampai kepada Peon, kakitangan kerajaan, dia boleh dapat pinjaman. [Tepuk] Termasuk guru-guru dan anak-anak guru sekali pun boleh dan anak-anak wakil rakyat pun boleh. [Ketawa][Tepuk] Melainkan dia sudah ada Mercedes 600 di rumahnya, itu lainlah. [Ketawa]

Kalau wakil rakyat PPRT dan wakil rakyat biasa boleh dapat.

Dr. Tan Chong Keng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Mertajam bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri Pendidikan berikan keutamaan kepada golongan anak-anak guru-guru kerana jasa dan sumbangan mendidik golongan belia yang dijalankan oleh guru-guru itu, jadi, saya mahu utamakan mereka. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, tak payah buat keutamaan. Tabung ini cukup besar. Jadi, guru boleh dapat, anak guru boleh dapat, anak tentera boleh dapat, anak polis boleh dapat, anak pegawai boleh dapat, anak peon boleh dapat, anak wakil rakyat pun boleh dapat.

Seorang Ahli: Alhamdulillah!

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Jadi, semua kita rangkumkan sekali di bawah tabung ini, insya-Allah, semua dapat. Cuma pada peringkat ini kita tentukan di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), hak yang swasta kerana penyertaan bumiputera cuma 5%, kita hadkan untuk bumiputera terlebih dahulu. Selepas itu kita lihat perkembangan bagaimana, sebab ini yang saya marah kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini, dia sibuk sangat fasal maritokrasi society, pada hal yang kita hendak utamakan ialah kepentingan semua golongan dalam negara kita. *[Tepuk]*

Dia tidak ambil kira semua golongan, dia tidak ambil kira hak petani di Tumpat, hak nelayan di Batang Lupar, hak ini dia tidak masuk kira, bila disebut maritokrasi society, kita mengambil kira semua golongan. Kita berdiri di atas prinsip keadilan sosial. *[Tepuk]*

Jadi, sebab itulah, Ahli Yang Berhormat dari Kepong pun dia bersetuju sebenarnya.

Seorang Ahli: Tetapi takut!

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Cuma dia takut! *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun.

Seorang Ahli: Merapu sahaja!

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sila duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia tidak beri jalan.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya tidak beri jalan, saya faham, saya faham! Kita hendak dia jadi Setiausaha Agung, jadi, jangan usik dia.

Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan dengan terlulusnya tabung ini akan membuka satu era baru, akan memberi impak yang besar kepada perkembangan sistem pendidikan negara, akan menjurus kepada pendidikan bertaraf dunia, insya-Allah dan akan mewujudkan suatu dana yang akan memberi kesan yang amat positif kepada perkembangan negara dan akhirnya akan membantu kita mencapai impian dan wawasan negara kita. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-rundang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) **mempengerusikan Jawatankuasa**].*

Fasal 1 hingga 57 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LETRIK SABAH (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lepas, kerajaan telah membuat keputusan supaya badan-badan berkanun tertentu kerajaan diswastakan. Wajarnya dengan keputusan tersebut tibalah giliran Lembaga Letrik Sabah (LLS) diswastakan. LLS telah ditubuhkan pada tahun 1983 sebagai satu daripada badan berkanun Kerajaan Persekutuan melalui suatu akta iaitu Akta Lembaga Letrik Sabah 1983.

Walau bagaimanapun, di bawah akta tersebut tidak terdapat peruntukan yang membolehkan sebahagian atau kesemua aset Lembaga Letrik Sabah dipindahmilik atau diswastakan kepada pihak lain bagi membolehkan tindakan tersebut dilaksanakan. Akta Lembaga Letrik Sabah tahun 1983 perlu dipinda terlebih dahulu sepertimana yang ternyata di dalam Fasal 2 rang undang-undang ini.

Oleh yang demikian, rang undang-undang bagi Akta Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997 yang dicadangkan ini adalah bertujuan membolehkan Lembaga Letrik Sabah diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 3 Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 dengan memasukkan subseksyen baru 1A yang memberi kuasa kepada LLS dengan kelulusan menteri untuk menswastakan atau memindahmilik atau melepaskan kesemua atau mana-mana aktiviti aset dan liabilitinya.

Fasal 3 memasukkan bahagian baru 10 yang mengandungi peruntukan bagi penubuhan LLS dan kesan pembubaran itu berikutan daripada pelaksanaan kuasa yang diberi di bawah Fasal 2.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan matlamat program penswastakan kerajaan, objektif utama penswastakan LLS adalah untuk meningkatkan tahap kecekapan pengurusan LLS iaitu sebagai sebuah agensi yang terlibat secara langsung dalam menyediakan kemudahan asas bekalan elektrik kepada rakyat di seluruh negeri Sabah.

Adalah menjadi hasrat semua pihak terutama kerajaan untuk menjadikan LLS lebih efisien, cost effective dan mengutamakan perkhidmatan berorientasikan pengguna. Adalah diharapkan juga supaya apabila LLS diswastakan kelak, kualiti bekalan elektrik akan dapat dipertingkatkan sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat berkembang di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Tanjong.

5.28 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah supaya boleh menswastakan LLS. Satu soalan utama untuk rakyat Sabah ialah sama ada penswastakan LLS akan mengakibatkan membawakan satu perkhidmatan yang lebih baik daripada segi pembekalan electricity steady supply, pembekalan yang steady dan juga daripada segi harga yang berpatutan. Kalau mengikut apa yang berlaku di Semenanjung selepas penswastakan Tenaga Nasional Berhad. Sangat jelas bahawa perkhidmatan Tenaga Nasional Berhad lebih teruk daripada perkhidmatan sebelum penswastakan semasa kita ada LLN semasa itu kedudukannya sebagai satu badan utiliti sangat ada reputasi yang tinggi di dunia tetapi apabila dalam peringkat Tenaga Nasional Berhad, reputasi Tenaga Nasional Berhad sebagai satu syarikat utiliti sudah terjunam. Bukan sahaja ada kerap kali berlaku power failure, ada nationwide power failure dan ada kerap kali power breakdown, baru-baru ini angkanya ialah 100,000 kali untuk tahun lepas. Itulah boleh dikatakan satu goodyear. Satu bad year ialah lebih daripada 400,000 kali power interruption.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Juga daripada segi harga, baru-baru ini Tenaga Nasional ada dapat kelulusan dari pihak kerajaan untuk menaikkan tarif tanpa sebab-sebab yang munasabah, khasnya hari semalam kita dapat laporan berita bahawa, dengan izin, Tenaga Nasional announces has reported a 31% raised in unaudited group pre-tax profit to RM695 million for the half year ended 28th. February 1997 compared to the previous corresponding period and this was achieved on the back of 26% increased in turn-over to RM4.68 billion from RM3.72 billion previously dan sebab-sebab di mana national utility company boleh dapat 30% increased in operating profit to RM626 million ialah antara lain to tariff adjustment effective 1st. March 1996. Dianggarkan, dengan izin, the company said that the operating profit of the group and company is expected to improved in the second half of the year in view of the expected higher turn-over from sales

of electricity and the higher tariff adjustment effective 1st. May baru-baru ini. Tetapi 2-3 minggu dahulu Tenaga Nasional kata bahawa mengalami kerugian yang besar.

Sekarang apabila kenaikan tarif diluluskan, kita ada angka bahawa dapat keuntungan lebih besar daripada corresponding period. Sebelum naik, satu cerita yang begitu pitiable malah masa itu, 2-3 minggu dahulu Chief Executive Tenaga Nasional kata international credit rating untuk Tenaga ialah sudah turun. Sebab itu perlu kenaikan tarif, pengguna-pengguna perlu untuk bayar tarif yang lebih tinggi supaya di masa depan mereka tidak perlu bayar tarif yang lebih tinggi. Apa logik ini?

Tetapi apa yang mustahak ialah sebenarnya bukan benar bahawa international credit rating Tenaga Nasional begitu teruk sehingga tidak boleh dapat pinjaman di pasaran antarabangsa. Oleh kerana 2 minggu dahulu kita dapati lagi satu laporan bahawa Tenaga Nasional sudah berjaya untuk mendapat dua crunches yankee bonds RM2 billion; satu, dengan izin, US\$500 million of non-callable 10 years notes and US\$300 million of 10 years securities with the five years put option ialah RM2 bilion - sangat senang. Tetapi itulah selepas cerita yang begitu pitiable, rugilah, menghadapi kerugian kalau tidak naik tarif.

Ini tidak memberi kepercayaan bahawa apabila LLS diswastakan, keadaan akan lebih baik bahawa adalah lebih akauntabiliti daripada segi prestasi syarikat yang diswastakan bahawa ada lebih akauntabiliti sebelum satu kenaikan tarif dibuat bahawa ada lebih akauntabiliti mengenai bagaimana syarikat utiliti itu akan bertanggungjawab kepada pengguna-pengguna daripada semua aspek perkhidmatan. Inilah satu contoh yang baik bahawa kalau Tenaga Nasional tidak begitu puas hati mengenai segi akauntabiliti, bagaimana rakyat di negeri Sabah boleh ada keyakinan bahawa dengan penswastakan LLS mereka akan dapat satu perkhidmatan yang lebih baik.

Akhirnya apa yang berlaku ialah apabila satu utiliti ini diswastakan, pengguna perlu memikul beban yang lebih berat seperti Tenaga Nasional. Sebab mengapa pengguna-pengguna perlu membayar tarif yang tinggi ialah oleh kerana kos jualan electricity oleh Independent Power Producers (IPP) kepada Tenaga Nasional yang tinggi daripada 11.8 sen per unit ialah Genting Sanyan Power Sdn. Bhd. kepada 15.5 sen per unit ialah Yeoh Teong Lay Power Generation Sdn. Bhd.. Yeoh Teong Lay dalam prospektusnya sudah sebut,

dalam tahun lalu Yeoh Teong Lay penjualan electricity kepada Tenaga Nasional ialah RM1.2 bilion. keuntungan ialah lebih daripada RM700 juta.

Dengan kenaikan tarif bererti IPP boleh teruskan mendapat keuntungan yang begitu unconscionable oleh kerana begitu besar. Dengan kenaikan tarif.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta berucap berkenaan dengan rang undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya buat contoh bahawa apa yang berlaku di Tenaga Nasional, penswastakan tidak akan berlaku dalam LLS.....

Tuan Yang di-Pertua: Yalah.

Tuan Lim Kit Siang: Ini contoh yang sangat spesifik oleh kerana inilah apa yang berlaku dan.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya gulungkan perkara ini. Itulah akhirnya kenaikan tarif ialah, pertama, IPP terus boleh buat keuntungan yang unconscionable. Kedua, bahawa Tenaga Nasional boleh dapat keuntungan yang lebih tinggi. Kedua-dua dapat keuntungan atas pengorbanan pengguna-pengguna. Adakah ini akan berlaku di Sabah? Oleh kerana kita boleh lihat sampai sekarang kualiti perkhidmatan LLS kepada pengguna-pengguna lebih teruk berbanding dengan perkhidmatan LLN, masa LLN perkhidmatannya lebih baik, selepas penswastakan lebih teruk. Sekarang LLS sebelum penswastakan, perkhidmatan sungguh teruk. Saya percaya ahli-ahli Parlimen daripada Sabah boleh bersetuju, sama ada Barisan Nasional atau bukan Barisan Nasional, oleh kerana inilah kenyataan selalu dalam bandar-bandar utama di Sabah, Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahat Datu, Kudat kerap kali berlaku power failure. Dan bukan luar biasa, ada 10 kali power failure dalam satu hari untuk satu tempat, bukan jarang berlaku, tetapi selalu berlaku. Kerosakan kepada komputer, kepada software, kepada hardware, kepada semua sistem, saya rasa satu kerugian yang sangat-sangat tinggi.

Dalam akhir tahun lalu, di Sandakan ada power failure dalam masa 48 jam. Adakah LLS cuba untuk menyambut tuntutan pengguna-pengguna di Sabah bahawa ganti rugi perlu dibuat, sekurang-kurangnya Tenaga Nasional ada buat ganti rugi untuk power breakdown pada bulan Ogos tahun lalu sungguhpun sangat kecil. Dan untuk power breakdown negeri Pulau Pinang pada tahun 1995, tetapi itu mungkin untuk dapat satu PR exercise supaya boleh dapat kenaikan tarif. Inilah semua tarik balik, semua

return balik. Tetapi dalam negeri Sabah bila LLS akan buat ganti rugi kepada pengguna-pengguna di Sabah mengenai begitu banyak kali power breakdown dan power breakdown yang sangat panjang, 10 kali dalam satu hari, mengakibatkan kerugian beratus ribu ringgit.

Adakah dengan penswastan, kenapa tidak ada peruntukan yang jelas dalam rang undang-undang ini bahawa apabila berlaku power breakdown semacam ini yang sangat jelas ialah atas kecuaihan (negligence) pihak LLS bahawa LLS perlu secara undang-undang bayar ganti rugi. Apa yang ada dalam Semenanjung (Peninsular) sama dengan apa yang ada dalam LLS bahawa tanggungjawab undang-undang ialah kalau boleh dibuktikan bahawa syarikat utiliti adalah cuai. Inilah burden of prove yang sangat berat, yang sangat tidak adil yang dikenakan kepada pengguna-pengguna.

Kenapa pengguna-pengguna perlu untuk buktikan bahawa sama ada Tenaga Nasional tidak cuai atau LLS apabila diswastakan tidak cuai? Honours of prove patutlah di atas syarikat utiliti apabila ada power breakdown. Tanggungjawab atau kewajipan undang-undang ialah syarikat utiliti perlu bayar ganti rugi selain daripada syarikat utiliti boleh membuktikan ia tidak cuai, reverse the burden of prove, honours of prove. Itulah baru berpatutan kepada pengguna-pengguna. Kita mahu satu rang undang-undang yang consumer friendly di mana untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna dan bukan semacam ini. Inilah consumer unfriendly, consumer hostile sebenarnya.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jawapan yang jelas khasnya mengenai isu ganti rugi kepada pengguna-pengguna di Sabah oleh kerana selalu putus bekalan elektrik, oleh kerana Ketua Menteri Sabah, Yeong Teck Lee dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah melahirkan sangat kesal kerap kali berlaku putus bekalan elektrik dan patut ada compensation. Bilalah compensation kepada pengguna-pengguna di Sabah oleh LLS akan dibuat dan cara, jenis dan masa? Dan apakah jaminan safeguard yang ada supaya di masa depan dalam masa penswastan pengguna-pengguna di Sabah akan dapat satu layanan yang lebih adil? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tawau.

6.43 ptg.

Puan Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, lamakah, panjangkah ucapan Yang Berhormat?

Puan Chua Soon Bui: Tidak panjang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997 yang sedang dibentang dalam Dewan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah bekalan elektrik di Sabah telah banyak kali saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini. Ini kerana masalah ini telah mula dirasakan sejak 15 tahun yang lepas di mana gangguan bekalan elektrik yang terlalu kerap berterusan telah menjejaskan aktiviti-aktiviti ekonomi negeri Sabah seperti operasi pengilangan, perbankan, kehilangan nyawa akibat kebakaran, kehilangan masa produktif termasuk masa belajar anak-anak di sekolah dan di rumah serta bermacam lagi kesan sampingan yang lain. Semua kesan negatif akibat gangguan elektrik ini telah mendatangkan kerugian yang amat besar kepada negara khususnya di Sabah.

Perlulah kita ingat bahawa kerugian-kerugian yang saya sebutkan tadi tidak boleh digantikan dengan wang ringgit. Begitu juga kita tidak mungkin dapat mengejar balik masa produktif yang telah kita bazirkan tanpa bekalan tenaga. Pendek kata, masyarakat Sabah telah banyak mengalami kehidupan yang gelap, bekerja dalam gelap. Kalau ini berterusan, saya tidak boleh nampak bagaimana kita boleh mengalami kemajuan dalam keadaan bergelap. Mujurlah masyarakat Sabah tidaklah terlalu agresif untuk menyalahkan pihak Lembaga Letrik Sabah apabila perkhidmatannya tergendala kerana mereka nampaknya telah biasa dengan gangguan-gangguan bekalan elektrik. Setakat ini walaupun bekalan elektrik di daerah tertentu umpamanya Tawau telah memperlihatkan usaha positif bagi mengatasi kelemahannya tetapi daerah-daerah seperti Kota Kinabalu, Sandakan, lahat Datu dan Kudat masih menghadapi masalah gangguan bekalan elektrik tiap-tiap hari yang seolah-olah tiada penyelesaiannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sudah cukuplah penderitaan yang dialami oleh para pengguna tenaga elektrik kita di Sabah. Kita tidak lagi dapat membenarkan gangguan ini terus berlanjutan ketika Sabah sedang mengejar masa untuk mencapai pembangunan selaras dengan Wawasan 2020. Walaupun pindaan ini sepatutnya sudah lama dibuat tetapi lebih baik daripada tidak ada langsung. Saya harap dengan lulusnya pindaan ini, beberapa langkah

dapat diteliti bagi memastikan agar bekalan tenaga elektrik di Sabah dan mungkin di tempat-tempat lain dapat diperkemas dan ditingkatkan prestasinya untuk memberi perkhidmatan yang sebaiknya kepada para pengguna.

Ada beberapa isu saya ingin bangkitkan bagi mewujudkan satu transformasi yang baik ke atas bekalan tenaga elektrik di Sabah sama ada dengan penswastaaan atau cara lain. Antaranya ialah, penswastaaan adalah salah satu pilihan bagi mewujudkan bekalan elektrik yang lebih baik. Melalui pengalaman serta pemerhatian kita cara penswastaaan akan memberi kesan yang positif dan jika kita mahu menarik pelabur-pelabur luar negeri untuk melabur di Sabah kita tidak mempunyai pilihan selain daripada menstabilkan bekalan tenaga elektrik untuk menjana apa juga keperluan tenaga untuk tujuan perniagaan. Tanpa bekalan elektrik yang menyakinkan para pelabur tidak akan membuat pelaburan mereka. Kita juga mesti sedar bahawa para pelabur mempunyai banyak pilihan untuk membuat pelaburan di rantau ini.

Saya juga ingin menyatakan prihatin saya apabila nanti Lembaga Letrik Sabah diswastakan, kalaulah ini berlaku, kita harap kos yang tinggi tidak akan membebankan para pengguna di Sabah dengan syarikat yang berkenaan mungkin akan mengenakan kadar bayaran yang tinggi. Ini kerana penggunaan yang berkenaan dikenakan bayaran 20% lebih tinggi di kawasan industri dan kediaman. Ini perlu diberi pertimbangan lebih awal agar proses penswastaaan tidak akan menjadi satu hukuman kepada para penduduk luar bandar yang rata-rata masih dalam keadaan yang berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan adanya kemungkinan penswastaaan atau penstrukturan semula Lembaga Letrik Sabah, keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik akan bertambah. Peralatan serta mesin janakuasa yang lama perlulah diganti kepada yang baru untuk menjamin bekalan yang berterusan. Penswastaaan Lembaga Letrik Sabah tidak seharusnya ditumpukan kepada bekalan elektrik semata-mata, sebaliknya ianya harus tertumpu juga kepada 'synchronisation' dan penggantian alat-alat transformer dan delivery lines, dengan izin, yang mudah di 'treat off' oleh burung yang hinggap padanya. Lebih-lebih lagi ianya dipasang deep installation atau tanam di bawah.

Saya fikir adalah agak janggal apabila projek Bakun iaitu satu projek raksasa sedang dilaksanakan merupakan mercu tanda yang hebat kepada industri

penyediaan tenaga kita di Sabah masih lagi akan terus menerima perkhidmatan daripada mesin-mesin yang lama yang mana tidak lagi mampu untuk bertahan dan memenuhi keperluan para pengguna yang semakin bertambah. Sudah tentu langkah drastik perlu dilakukan untuk mengubah keadaan yang semakin teruk ini. Sekiranya penswastaaan menjadi kenyataan, salah satu kaedah yang saya fikir boleh memberikan masalah kepada para pengguna di Sabah ialah dengan adanya geran daripada Kerajaan Persekutuan terutama subsidi ke atas pembelian mesin-mesin janakuasa yang baru dan kalau boleh kita minta menghapus hutang-hutang lama yang masih lagi ditentukan oleh Lembaga Letrik Sabah terutama daripada pihak berkuasa tempatan (local authority) bagi penggunaan lampu-lampu bagi jalan-jalan awam dan sebagainya. Dengan adanya langkah-langkah ini ia akan memudahkan penswastaaan atau penstrukturan semula Lembaga Letrik Sabah kepada satu entiti perniagaan yang lebih efisien dan berkredibiliti. Ianya tidak akan menjadi bebanan yang terlalu berat oleh rakyat Sabah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir apa juga langkah yang boleh meningkatkan kemampuan Lembaga Letrik Sabah memberi perkhidmatan kepada para penggunanya adalah satu langkah yang baik. Gangguan-gangguan elektrik yang berlaku di Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan dan hampir semua pekan kecil di Sabah, sedikit sebanyak telah menjejaskan nama baik Kerajaan Barisan Nasional Negeri dan Persekutuan. Hal-hal kewangan untuk pembelian peralatan baru serta penyenggaraan telah menyebabkan rakyat mempunyai impression yang kurang baik terhadap kerajaan. Oleh sebab itu tidak menghairankan isu ini telah dijadikan salah satu isu politik murahan yang cuba mempengaruhi masyarakat untuk menafikan kebaikan-kebaikan serta usaha-usaha positif Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Lembaga Letrik Sabah dibiarkan tanpa pengubahsuaian dan pembaikan dari segi kualiti dan pengurusan, saya fikir Lembaga Letrik Sabah akan menjadi satu badan yang akan menghadapi masalah yang lebih besar dan juga menyebabkan kesusahan kepada pengguna di seluruh negeri Sabah. Kos yang semakin tinggi bukan sahaja akan menjejaskan Lembaga Letrik Sabah tetapi juga mungkin menyebabkan kegagalan Lembaga untuk menyediakan perkhidmatan yang diharapkan. Saya juga ingin menyentuh bahawa jika kuasa diberi kepada menteri untuk menswasta atau dengan apa-apa cara lain untuk memindahkan atau melupus mana-mana aset atau liabilitinya

ke atas Lembaga Letrik Sabah, saya yakin kuasa ini akan dapat dipergunakan sebaik-baiknya dengan mengambil kira segala segi termasuklah dari segi keadilan serta tanggungjawab sosial sebelum apa-apa keputusan dapat dibuat.

Walau bagaimanapun, saya fikir kemampuan pihak pengurusan Lembaga Letrik Sabah sama ada sekarang atau pada masa akan datang perlu dipertingkatkan dengan memasukkan kakitangan yang lebih profesional untuk mengendalikan industri tenaga ini. Saya berpendapat antara sebab kepada kelemahan-kelemahan yang ada dalam Lembaga Letrik Sabah sekarang bukanlah semata-mata kerana peralatan yang sudah ketinggalan zaman tetapi mungkin juga daripada ketidakcekapan para pengendalinya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berjayaanya penswastan Lembaga Letrik Sabah, saya berharap pampasan dapat diberi kepada para pengguna elektrik yang telah menanggung segala kesulitan hidup akibat gangguan bekalan elektrik di Sabah dalam lima belas tahun kebelakangan ini. Di samping itu, pengguna juga dikenakan 20% hingga 30% lebih tinggi dalam bayaran bil elektrik mereka akibat gangguan bekalan elektrik yang berterusan selama enam hingga lapan belas jam setiap hari. Oleh yang demikian, tuntutan pampasan dari pengguna patut diberi pertimbangan yang sewajarnya sepertimana yang dialami oleh pengguna-pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia bersabit dengan nasional blackout pada bulan Ogos tahun lalu.

Saya selaku wakil rakyat dari Sabah telah berulang kali membangkitkan isu ini di Dewan yang mulia ini tetapi masalah gangguan bekalan elektrik tetap berlaku sehingga apa yang orang Sabah harapkan iaitu "Sabah Everyday Bright" (SEB) pada ringkasnya, terus merupakan sebuah impian semata-mata. Dengan mengambil kira perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Akta Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Libaran, minta jangan panjangkan Yang Berhormat. Kesemua apa yang telah pun dibangkitkan, rungutan-rungutan itu nampaknya telah pun dibangkitkan, apa lagi hendak tambah sila tambahlah.

6.56 ptg.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua

kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah. Seperti apa yang dikatakan tadi oleh wakil rakyat dari Tawau, saya tidak ingin menekankan dengan lebih detail, cuma saya ingin menyatakan rasa kecewa saya kepada ahli lembaga, pengerusi Lembaga Letrik Sabah yang tidak peka dengan masalah gangguan elektrik di negeri Sabah ini. I am very disappointed, dengan izin, kerana masalah ini berlarutan lima belas tahun lamanya. Tidak ada satu inisiatif yang boleh membanggakan selama kita mengambil balik tampuk kerajaan dengan hanya announcement IPP dan sebagainya dan tidak ada follow-up langsung terhadap masalah gangguan elektrik yang berlaku di negeri Sabah ini.

Lebih mengecewakan saya apabila saya dimaklumkan oleh Ketua Menteri saya bahawa masalah gangguan elektrik ini berlaku disebabkan seekor anjing bermain-main di kawasan generator lalu termasuk ke dalam enjin dan mati dan rakyat Sabah dalam gelap gelita. Yang menghairankan saya mengapakah anjing ini boleh masuk ke dalam kawasan yang dilarang dan antara sebab lain yang saya telah dimaklumkan lagi ialah berkenaan dengan pokok-pokok pisang yang ditanam di kawasan sekitar Lembaga Letrik Sandakan di mana kawasan saya terletak.

Justeru itu, saya berpendapat tidaklah adil kerana kecuaiannya beberapa pegawai Lembaga Letrik Sabah, 1.8 juta rakyat Sabah menderita selama 15 tahun. Saya berharap dengan ikhlas di sini menyatakan bahawa Pengerusi Ahli Lembaga yang mungkin ada yang hadir di sini, pengurus-pengurus, pegawai-pegawai serta kakitangan Lembaga Letrik Sabah mesti menunaikan tanggungjawab mereka dengan penuh amanah dan dedikasi. Saya berharap bahawa Timbalan Menteri walaupun I'm disappointed, the minister is not here, dengan izin, dapatlah melawat dan memberikan motivasi kepada kakitangan SEB ini agar mereka lebih bertanggungjawab. I wish to know, saya ingin tahu juga berapa kalikah dalam setahun menteri, timbalan menteri, Pengerusi daripada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini melawat negeri Sabah dan menghayati masalah letrik di Sabah serta tindakan yang diambil.

Saya berpendapat sekiranya mereka tidak dapat menunaikan tanggungjawab mereka, Pengerusi, Ahli Lembaga, Pengurus Besar, engineers dan sebagainya sepatutnya mereka meletak jawatan, bagi kepada rakyat Malaysia, ramai lagi rakyat Malaysia yang boleh menunaikan tanggungjawab ini. Masalah ini berlarutan, berterus-terusan. Sebarang tindakan yang positif walau apa pun alasannya, Lembaga

Letrik Sabah tidak berlaku adil kepada pelanggannya selama ini. Pelanggan domestik, terutama rakyat kecil menderita kerana ketidakcekapan, sikap sambil lewa, dan selain daripada itu, kekerapan bergelap. We have been patient, dengan izin, selama 15 tahun. Terus-terang sampai hari ini, SEB tidak boleh berbangga tentang layanannya terhadap pelanggannya. Apabila kita balik kawasan, peranan wakil rakyat dipersoalkan, kerajaan dipersoalkan oleh pengguna. Tetapi Pengerusi, Ahli Lembaga, pegawai-pegawai besar masih tersenyum kerana mereka mendapat gaji yang lumayan. Yang menjadi mangsa ialah Kerajaan Barisan Nasional Sabah. This is the fact. Ini adalah kenyataan yang harus diambil kira oleh pemimpin ataupun menteri dan timbalan tersebut. Saya tahu Timbalan Menteri selalu datang ke Sabah. I appreciate your action, but they must be more follow up.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan penswastan ini kerana berpendapat kesengsaraan yang dihadapi oleh penduduk negeri Sabah selama 15 tahun kebelakangan ini mudah-mudahan dapat diatasi. Bagaimana dalam merangka dasar penswastan Lembaga Letrik Sabah ini kerajaan harus mengambil kira beberapa faktor. Antara faktor-faktor itu ialah tarif pembayaran elektrik yang dikenakan kepada pengguna-pengguna, dengan izin, own consumers tidak harus dinaikkan daripada kadar yang dikenakan sekarang. Malahan tarif tersebut wajar diturunkan kerana bayaran elektrik yang dikenakan oleh Lembaga Letrik Sabah, dengan layanan yang buruk terhadap penduduk negeri tersebut lebih tinggi berbanding dengan yang dipraktikkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung. Malahan pula, penduduk di Sabah tidak pernah diberi rebate oleh Lembaga Letrik Sabah.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri kerana beliau mengatakan bahawa rebate pastinya akan diadakan. Saya berharap bahawa Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dapat mempercepatkan soal ini, jangan tangguh-tangguh lagi. Sekiranya tarif pembayaran elektrik ini dinaikkan selapas penswastan, yang akan membebankan penduduk berpendapatan rendah, khususnya mereka yang tinggal di luar bandar yang mana mempunyai tanggungan yang ramai. Begitu juga tarif kepada pengguna-pengguna industri, kadarnya harus juga diturunkan, oleh kerana Kerajaan Negeri Sabah masih ketinggalan selama 15 tahun dari segi perindustrian berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung. Satu daripada kaedah untuk mempercepatkan pertumbuhan industri ialah

dengan menggunakan tarif yang rendah kepada pengguna-pengguna industri. Insentif ini juga dapat menarik pelabur-pelabur untuk melabur di kawasan perindustrian seperti Taman Perindustrian Kota Kinabalu, Seguntur di Sandakan dan di kawasan-kawasan di sebelah Pantai Timur Sabah seperti Tawau dan Lahad Datu.

Kita tidak dapat memanggil pelabur kalau dalam satu hari 10 kali mati lampu. Kalau tidak mati di Batu 4, di Sandakan, ia mati di Batu 8. Kalau tidak mati di Batu 8, ia mati di Batu Sapi. Kalau tidak mati di Batu Sapi, ia mati di Batu 12. Bagaimana kita ingin menarik pelaburan, bagaimana kita ingin memajukan negeri Sabah if the basic infrastructure is not done yet. Selain itu, pastikan kakitangan Lembaga Letrik Sabah tidak kehilangan pekerjaan apabila lembaga tersebut diwastakan. Sebaliknya, mereka ini hendaklah ditawarkan dengan ganjaran yang lebih menarik daripada mereka terima dewasa ini supaya mereka dapat bekerja dengan lebih efisien, lebih produktiviti untuk menghasilkan kerjaya yang lebih baik supaya kita dapat sama-sama mengatasi masalah ini.

Penduduk negeri Sabah dan kerajaan negeri juga harus diberikan keutamaan untuk memiliki saham majoriti dalam penswastan ini. Ini untuk memastikan tenaga elektrik di negeri tersebut kekal dikuasai oleh penduduk tempatan dan kerajaan negeri. Rasionalnya kepada pendapat ini ialah perkhidmatan tenaga seperti juga perkhidmatan pos dan pembekalan air merupakan perkhidmatan keperluan. Justeru itu, perkhidmatan ini amat penting dikekalkan majoritinya kepada penduduk tempatan untuk mengelakkan daripada berlaku sebarang ketidakadilan dihadapi penduduk tempatan di masa akan datang, terutamanya semasa darurat, tahun negara mengalami kelembapan ekonomi yang teruk. Tambahan pula beberapa janakuasa swasta IPP power plan telah pun diluluskan di negeri Sabah. Dalam jangka panjang pemilik-pemilik janakuasa tersebut akan mengaut keuntungan yang besar dan berkekalan kerana jumlah penduduk kian meningkat dan keperluan tenaga kian bertambah.

Adalah harapan saya agar penswastan memberi manfaat kepada rakyat Sabah, bukan soal bottom line yang menjadi pertimbangan utama, tetapi soal social obligation dan fairness terhadap rakyat Sabah yang kecewa tentang layanan buruk Lembaga Letrik Sabah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran. Minta berucap 10 minit, Yang Berhormat.

7.09 mlm.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Mungkin ada banyak yang saya ingin bangkit, Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya akan cuba bagaimana pun.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bangkit untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997. Jelas terbayang bahawa tujuan utama untuk membentangkan rang undang-undang ini ialah untuk penswastan ataupun sekali gus pemansuhan Lembaga Letrik Sabah nanti.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat Tawau dan juga dari Libaran, 15 tahun negeri Sabah telah menderita kerana bekalan elektrik yang tidak menentu. Jelaslah dalam ucapan ini kenapa Sabah begitu mundur dari segi perindustrian ataupun lain-lain sektor pembangunan. Kita semua faham bahawa di dalam dunia moden ini, dua faktor yang boleh menjadi catalyst ataupun pemangkin untuk pembangunan iaitu pertama bekalan elektrik yang berterusan, dan kedua pembayarannya murah. Tetapi di Sabah bukan sahaja pembekalannya selalu putus, tetapi bayarannya amat tinggi. Kita difahamkan bahawa perkara ini berlaku kerana beberapa faktor, iaitu pertama, walaupun pihak pengurusan lembaga letrik mempunyai rancangan jangka masa panjang untuk mengatasi masalah ini. Tetapi pihak Kerajaan Persekutuan, walaupun telah diberikan Lembaga Letrik Sabah kepada Kerajaan Persekutuan sejak 15 tahun yang lalu, tidak begitu supportive financially.

Justeru itu, pihak pengurusan lembaga tidak dapat menjalankan apa juga yang dirancang. Dalam konteks ini, saya berpendapat adalah tidak wajar kalau hanya pihak pengurusan sahaja yang dipersalahkan. Pihak Kerajaan Persekutuan juga bertanggungjawab di dalam kegagalan ini. Sekarang kita akan menswastakan Lembaga Letrik Sabah, dan kalau inilah pilihan Kerajaan Persekutuan untuk melepaskan tanggungjawabnya untuk membangunkan negeri Sabah, maka saya tidak keberatan untuk menyokong akta ini. Tetapi saya minta jaminan daripada kementerian dan khususnya daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri agar beberapa faktor hendaklah diambil kira sebelum pemansuhan ataupun pembubaran LLS ini dilakukan.

Yang pertama, kebajikan kakitangan LLS yang sedia ada janganlah diabaikan. Jangan nanti mereka

seperti ayam kehilangan ibu nanti, kebajikan anak-anak mereka tidak akan terjamin, dan mereka akan diabaikan bila penswastan ataupun pembubaran LLS kelak. Yang kedua, ialah pihak kementerian haruslah memberi jaminan bahawa bekalan elektrik yang akan disediakan oleh pihak syarikat yang mengambilalih tugas LLS ini nanti adalah lebih murah daripada bayaran yang dikenakan pada saat ini dan juga benar-benar memenuhi kehendak rakyat negeri Sabah.

Dalam konteks ini, inginlah saya membangkitkan bahawa pada tahun 1994, Kerajaan Persekutuan telah memberi jaminan bahawa negeri Sabah tidak akan ketinggalan di dalam bekalan elektrik nanti. Tetapi seperti yang diujahkan oleh sahabat-sahabat saya tadi ini telah berlaku. Saya ingin memberi tahu bahawa rakyat negeri Sabah tidak akan melupakan ini. Kalau setelah diswastakan nanti ini akan berlaku juga, maka saya rasa rakyat Sabah akan sangat-sangat kecewa. Saya juga menyokong saranan yang dikemukakan oleh sahabat-sahabat dari Sabah supaya rebate diberikan kepada rakyat Sabah bukan sahaja akhir-akhir ini, tetapi haruslah dipertimbangkan sejak 15 tahun yang lalu supaya dibayar pampasan atas segala kerugian yang dialami.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya penswastan di sini hendaklah dengan secara adil. Saya bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh sahabat saya dari Libaran supaya pemilikan saham di dalam syarikat yang diswastakan untuk mengambilalih tugas LLS ini hendaklah tidak mengetepikan kehendak rakyat Sabah dan juga Kerajaan Negeri Sabah. Kita tahu bahawa Kerajaan Negeri Sabah mempunyai kepentingan yang tidak boleh dinilai di dalam memastikan bahawa bekalan elektrik Sabah yang benar-benar mencukupi dan murah akan tercapai. Kerajaan Negeri Sabah telah kecewa selama 15 tahun di dalam pengambilan alih LLS oleh Kerajaan Persekutuan. Saya berharap supaya perkara ini tidak akan berulang di dalam kekecewaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta gulung, Yang Berhormat.

Yunof Edward Maringking: Ada beberapa lagi perkara, saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Kekecewaan ini tidak akan berulang lagi.

Satu lagi perkara ialah mengenai hutang Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah atas

pampasan yang dijanjikan berhubung dengan penyerahan LLS sejak 15 tahun yang lalu, yang saya difahamkan hingga sekarang belum lagi dijelaskan. Saya harap perkara ini akan dijelaskan sebelum LLS dibubarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara yang amat penting bagi rakyat negeri Sabah sesudah LLS ini dibubarkan nanti. Saya harap pihak kementerian akan mengambil kira keadaan bekalan elektrik di negeri Sabah yang sedang dibuat sekarang ini. Saya berpendapat bahawa di negeri Sabah hanya antara 40% dan 45 % sahaja yang mendapat bekalan elektrik dan yang kebanyakannya di luar bandar tidak mendapat bekalan elektrik. Mereka mengharapkan bantuan kerajaan untuk mendapat bekalan elektrik dan saya difahamkan bahawa selepas LLS ini nanti diswastakan Kerajaan Persekutuan hanya bertanggungjawab selama 5 tahun untuk membiayai bekalan elektrik di luar bandar. Selepas itu mekanisme untuk membekalkan elektrik di luar bandar belum lagi ditentukan. Jadi, saya mintalah jaminan dari pihak kementerian supaya luar bandar tidak akan diabaikan oleh pihak kerajaan ataupun syarikat yang akan mengambil alih tugas LLS ini nanti. Oleh kerana kalau ini berlaku, maka pihak Barisan Nasional yang telah berjanji menerangi negeri Sabah dalam masa pilihan raya 1994 yang lalu jelas tidak menunaikan janji.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang kedua, saya ingin sentuh ialah mengenai peranan IPP nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya ada satu perkara lagi. Saya minta izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya akan gulung selepas ini, Tuan Yang di-Pertua.

Sudah banyak IPP yang telah diberi lesen di Sabah untuk menjana kuasa, jadi apakah peranan mereka ini kelak, sama ada mereka digabungkan atau tidak dan pada pendapat saya pembubaran LLS itu bukanlah satu penyelesaian untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan elektrik di negeri Sabah. Yang penting ialah komitmen daripada pihak Kerajaan Persekutuan untuk benar-benar berhasrat untuk membantu negeri Sabah di dalam bekalan elektrik. Jadi, saya harap dengan lulusnya

akta ini nanti, pihak kementerian tidak akan tergesa-gesa untuk membubar LLS, haruslah berhati-hati juga di dalam cara penswastan supaya hanya mereka yang benar-benar berkepakaran diberi peluang. Untuk maksud ini open tender dan dengan cara ketelusan (transparency) hendaklah dijalankan untuk memastikan bahawa hanya mereka yang benar-benar mempunyai kepakaran dan pengalaman akan mendapat peluang untuk menjanakan kuasa elektrik di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:masa sudah cukup.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya akan gulung. Dengan kata-kata yang demikian, saya ingin mengulangi bahawa kalaulah cadangan untuk menswastakan LLS itu satu penyelesaian, saya tidak keberatan untuk menyokongnya, tetapi haruslah dijalankan dengan cara yang betul dan bukan 'taking the Sabahan for granted', dengan izin. Dengan kata-kata demikian, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Parit Sulong, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

7.20 mlm.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang bertujuan untuk menswastakan perkhidmatan bekalan tenaga atau electricity di negeri Sabah.

Saya telah mendengar dengan penuh minat cetusan-cetusan rasa sahabat-sahabat mengenai kekecewaan mereka terhadap tidak cekapnya perkhidmatan tenaga dan perkhidmatan pembekalan elektrik di negeri Sabah sejak 15 tahun yang lalu. Dalam hal ini saya mengambil masa yang singkat iaitu sekiranya pihak yang berkepakaran dan berpengalaman sebagaimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Tuaran adalah pihak yang harus diberi pertimbangan di dalam penswastan. Sekiranya rakyat Sabah juga memerlukan satu pihak yang memang telah mempunyai satu rekod yang agak cemerlang untuk mengendalikan perkhidmatan tenaga elektrik di Sabah, saya harap kita terpaksa meluaskan sedikit pandangan kita bahawa Sabah adalah sebahagian dari Malaysia.

Jadi, dengan itu saya mencadangkan semoga tenaga elektrik ataupun Tenaga Nasional Berhad (TNB) dipertimbangkan sebagai salah satu pihak yang akan mengendalikan konsortium pembekal dan pengurus tenaga di Sabah setelah penswastaan kelak. Saya membuat cadangan supaya rakyat Sabah dapat membebaskan sedikit sentimen kesabahan demi kebaikan seluruh rakyat.

Saya dapat makluman bahawa memang ada syarikat-syarikat anak Sabah sendiri, yang telah pun sedang dalam pertimbangan untuk menerima concession pengendalian dan juga pembekalan tenaga elektrik di Sabah sekarang ini. Walau bagaimanapun, pada waktu yang sama, saya harap Tenaga Nasional Berhad dipertimbangkan untuk sama-sama memainkan peranan supaya pihak Tenaga Nasional Berhad dapat berkongsi pengalamannya, dapat berkongsi kan kepakaran, dapat berkongsi kan rekod yang cemerlang dalam konteks membekalkan tenaga elektrik kepada Sabah supaya dapat menjaga kewibawaan Barisan Nasional, supaya Kerajaan Barisan Nasional tidak dipersenda-sendakan dan rakyat negeri Sabah khususnya dapat kefahaman yang sedalam-dalamnya bahawa pembubaran Lembaga Elektrik Sabah bukan satu rupa bentuk melepaskan tanggungjawab supaya tidak bertanggungjawab kepada rakyat Sabah. Ini penting oleh kerana tadi sahabat dari Tuaran mengatakan, seolah-olah Kerajaan Barisan Nasional hendak melepaskan tanggungjawab daripada membekalkan elektrik secara cekap, secara adil, secara tanpa problem dan sebagainya. Jadi saya harap perkara ini dipertimbangkan dan saya yakin Kementerian Kewangan yang akan mempunyai golden share di dalam concession penswastaan ini kelak akan juga sama-sama mempertimbangkan supaya input Tenaga Nasional Berhad itu dapat dihadirkan di Sabah bersama-sama dengan local content di Sabah, supaya penjelmaan penswastaan ini merupakan satu yang lebih bagus daripada LLS yang problemnya telah dirintihkan, diluahkan oleh sahabat-sahabat saya dari Sabah tadi. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7.22 mlm

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya hendak merakamkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Tawau, Libaran, Tuaran dan Parit Sulong yang telah mengambil bahagian

dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997 yang sudi memberi teguran dan pandangan yang membina.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan penswastaan agensi-agensi kerajaan adalah untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti di dalam sektor-sektor tertentu termasuk bekalan elektrik. Melalui program penswastaan adalah menjadi hasrat kerajaan supaya perkhidmatan bekalan elektrik akan lebih baik kerana syarikat swasta mempunyai kepakaran efisiensi dan modal yang besar untuk pelaburan bagi meningkatkan keupayaan penjagaan, penghantaran dan pengagihan bekalan elektrik khususnya di Sabah.

Berhubung dengan gangguan elektrik yang sering kali berlaku di negeri Sabah, ini dinyatakan bahawa gangguan berpunca dari sistem penjanaan, penghantaran dan pengagihan Lembaga Letrik Sabah yang telah lama dan sudah selalu dan sering mengalami kerosakan. Adalah diharapkan bahawa dengan membawa ataupun kemasukan pihak swasta yang akan mengambil alih Lembaga Letrik Sabah akan melabur lebih banyak untuk meningkatkan kecekapan bekalan elektrik kelak.

Mengenai bayaran pampasan kepada pengguna-pengguna akibat gangguan bekalan elektrik, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa Kementerian saya dan kerajaan telah bersetuju supaya Lembaga Letrik Sabah membayar rebet kepada seluruh pengguna-pengguna Lembaga Letrik Sabah. Bayaran tersebut adalah bukan sebagai ganti rugi, tetapi adalah sebagai satu 'good will cashier'. Bayaran akan dibuat sebanyak 10% secara pelarasan bil elektrik mulai bulan Jun dan Julai tahun ini juga. Jumlah bayaran adalah sebanyak RM3.2 juta untuk 235,000 pengguna di seluruh Sabah. Kerajaan Persekutuan amat bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan ganti rugi tidak didapati dalam Akta Lembaga Letrik Sabah ini. Saya dengan sukacitanya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Rang Undang-undang ini sekadar memberi kuasa kepada LLS dengan kelulusan Menteri untuk menswastakan aktiviti dan apabila kesemua aktiviti dan liabiliti telah diswastakan atau dipindah milik atau dilupuskan, LLS akan terbubar dan LLS akan termansuh dengan akta dan selepas itu Akta Bekalan Elektrik 1990 akan terpakai kepada syarikat utiliti yang mengambilalih aktiviti LLS. Peruntukan ganti rugi seperti yang terdapat dalam Akta Bekalan

Elektrik 1990 ini akan terpakai di negeri Sabah selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat khususnya dari negeri Sabah telah menyentuh beberapa masalah yang dihadapi oleh rakyat di negeri Sabah. Kerajaan Persekutuan khususnya selepas 1994 telah dan sedang melaksanakan beberapa projek besar di mana saya sudah banyak kali membangkitkan dan memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Kesemua projek yang sedang dan akan dilaksanakan ini, peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah adalah sejumlah RM538.68 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sahaja dan selepas ini memang sudah banyak peruntukan telah dikeluarkan.

Saya sendiri telah meneliti keadaan bekalan elektrik di negeri Sabah dan selepas beberapa projek telah pun dilaksanakan khususnya di Tawau, keadaan telah bertambah baik dan saya memohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari negeri Sabah supaya bersabar sedikit kerana projek-projek baru ini tidak boleh disiapkan sekelip mata sahaja. Ia akan mengambil masa dan saya tertarik juga kepada kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Libaran mengenai ahli-ahli lembaga, Yang Berhormat menteri dan saya sendiri kerana supaya memberikan perhatian yang lebih serius kepada keadaan bekalan elektrik di negeri Sabah.

Lembaga Pengarah tidak berdiam diri tentang masalah bekalan elektrik di Sabah, lembaga yang diketuai oleh KSU kementerian saya memang bekerja begitu kuat untuk meneliti dan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah yang telah wujud begitu lama ini. Misalan kata, Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan di setiap bulan termasuk diadakan di negeri Sabah dan saya sendiri telah banyak kali pergi ke situ dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas Dewan bersidang pada permulaan bulan Julai, saya sendiri akan mengadakan lawatan ke Sandakan termasuk Libaran supaya saya hendak memastikan bahawa ada dua, tiga projek yang telah pun dirancang ini dapat dijalankan mengikut jadual. Saya memang sudah ada jadual untuk melawat Sandakan, untuk memastikan semuanya ini akan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, isu

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya, Libaran bangun.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat. Saya memang yakin dan saya tahu Yang Berhormat telah melawat, tetapi selepas Yang Berhormat melawat, masalah elektrik di Sandakan ini kerap kali kembali lagi seperti dahulu dan apabila kita berjumpa dengan engineers dan sebagainya meminta briefing, mereka tidak memberi satu reason yang logik seperti yang saya katakan tadi dalam ucapan saya.

Saya cuma tahu bahawa saya cuma merayu supaya the efficiency itu ditingkatkan dan yang saya ingin nyatakan di sini bahawa 'the visit that you make' apabila Yang Berhormat melawat baru-baru di bulan Julai itu, baru-baru ini sahaja, 'about three weeks ago', masalah itu timbul kembali. 'The question is how efficient is efficiency?' Ini yang saya persoalkan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya belum pernah melawat Sandakan untuk meninjau projek-projek yang ada kaitan dengan bekalan elektrik, saya pernah melawat ke beberapa tempat kecuali Sandakan di mana saya akan mengadakan lawatan pada bulan Julai ini dan saya pastikan apa yang telah pun dirancang ini dapat dijalankan mengikut jadual.

Mengenai tarif elektrik yang sedia ada di negeri Sabah ini

Tuan Yunof Edward Maringking: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tuan bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri berpindah kepada perkara yang lain, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa generator yang digunakan ataupun dikirim ke negeri Sabah itu adalah generator second hand dan ini bukan sahaja tidak efisien tetapi menyebabkan kos pengeluaran 'electricity' itu tinggi dan kalau inilah yang menyebabkan perkara ini, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perkara ini seharusnya telah ditangani lebih awal.

Dan juga pada saat ini kita diberitahu bahawa hidro di Pangi, Tenom tidak berfungsi dan ia hanya akan dapat diperbaiki menjelang penghujung bulan Ogos ini dan justeru itu kita akan mengalami masalah yang begitu serius hingga sekarang ini. Kalau Yang Berhormat sedar tentang perkara ini, apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini oleh kerana dua, tiga bulan lagi yang akan datang

itu adalah satu jangka masa yang panjang untuk Sabah menderita.

Jadi, saya minta penjelasan apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi perkara ini?

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau dikatakan semua set generator yang dihantar ke negeri Sabah ini adalah generator second hand, ini tidak benar dan masalah yang ditimbulkan oleh kejadian di Hidro Pangi ini memang pihak LLS telah mengambil tindakan yang begitu segera untuk memperbaikinya dan saya diberitahu oleh pegawai bahawa kita tidak payah tunggu sampai bulan Ogos untuk semua ini diperbaiki.

Saya diberitahu bahawa kita akan memperbaiki, memulih set yang pertama pada bulan Jun sahaja dan saya harap pada bulan Jun ini keadaan akan dapat dipulihkan.

Tentang tarif, saya juga hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tarif yang sedia ada di negeri Sabah ini sebenarnya tidak tinggi kalau dibandingkan khususnya dengan negeri Sarawak dan juga Semenanjung, kalau mereka yang menggunakan domestik sampai 160 unit, ia akan sekadar dengan TNB dan lepas itu ia akan lebih murah, ini untuk domestik. Dan sektor subsidi memang ada di negeri Sabah. Di Sarawak dan Semenanjung, pihak kerajaan tidak memberikan subsidi kepada pengguna dan di negeri Sabah, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap unit yang dipakai oleh pengguna pihak kerajaan memberi lebih tiga sen sebagai subsidi kepada negeri Sabah. Ini tidak termasuk 'financial cost', setiap unit yang diberikan, yang dipakai kita akan memberikan subsidi sebanyak tiga sen dan untuk ini pihak kerajaan melalui kementerian saya adalah memberikan tidak kurang daripada RM35 million setahun untuk subsidi kepada para pengguna di negeri Sabah. Ini saya hendak memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan tarif ini merupakan satu isu yang lain dengan penswastan ini.

Saya berpendapat bahawa tarif ini harus membayangkan kos 'generation' dan 'transmission' dan pembahagian, pengagihan. Setakat ini tarif di negeri Sabah memang tidak membayangkan kos pengeluaran elektrik, kerana subsidi yang diberikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Tentang kebajikan kakitangan LLS, setakat ini kita ada seramai 2,226 orang kakitangan yang masih bekerja dengan LLS dan di bahagikan kepada beberapa kategori dan saya memberikan jaminan kepada Dewan yang mulia ini kesemua kebajikan mereka akan dijaga selepas

penswastan ikut praktis penswastan yang kita amalkan selama ini.

Saya sangat tertarik kepada apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat saudara saya dari Parit Sulong tentang cadangan beliau supaya satu pihak yang cukup berpengalaman, cukup kepakaran supaya diberikan tugas untuk mengetuai satu konsortium untuk mengambil alih LLS ini dan pihak yang dicadangkan ialah TNB. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini kita telah menerima lebih daripada 10 syarikat telah pun menunjukkan minat untuk mengambil alih LLS ini dan antaranya memang ada dari negeri Sabah.

Saya bersetuju sangat dengan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong untuk memastikan keadaan bekalan elektrik di Sabah ini bertambah baik, konsortium ini harus diketuai oleh satu pihak yang cukup berkewibawaan, cukup berpengalaman dan cukup kepakaran dalam perkara ini. Dan pada masa yang sama saya bersetuju juga dalam perkara ini kepentingan negeri Sabah harus dijaga juga. Maka saya memberi jaminan bahawa cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong ini dapat dipertimbangkan dengan seseriusnya supaya TNB diberikan pertimbangan untuk mengetuai satu konsortium dan pada masa yang sama kepentingan negeri Sabah haruslah dijaga juga.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, apa pun yang bentuk konsortium yang diadakan, sama ada ia daripada satu organisasi yang penuh berwibawa dan tanggungjawab, yang penting bagi rakyat Sabah ialah masalah lampu itu jangan selalu mati. Itu yang lebih penting, this is the point that I want to make accross to you. Yang penting ialah, jangan lagi masalah ini berulang kembali, we do not want it happen again. Ini terlalu kerap, jangan sampai penswastan ini dijadikan bahan ketawa oleh rakyat Sabah.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Libaran. Itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudah habis menjawab?

Dato' Chan Kong Choy: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-rundang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*].

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.45 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 1997 yang bertujuan untuk meminda seksyen 2, 6, 7, 9, 20, 30, Jadual Kedua dan Ketiga, Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 1995 (Akta 533).

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada penguatkuasaan Akta LHDNM ini pada 1 Mac 1996 juga semua pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) melainkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dan mana-mana pegawai yang tidak membuat opsyen untuk berkhidmat dengan LHDNM bertukar status dari pegawai awam kepada Pegawai LHDNM. Di bawah Akta LHDNM 1995 yang sedia ada, Pengerusi Eksekutif LHDNM tidak mempunyai kuasa untuk melihat mana-mana fail berkaitan dengan pembayar cukai ataupun memutuskan supaya penyiataan dijalankan oleh mana-mana pihak di mana perkara ini terletak di bawah bidang kuasa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, di dalam pengurusan harian sekarang, Pengerusi Eksekutif LHDNM masih terus melaksanakan tugas-tugas ini.

Memandangkan perkara ini adalah di luar bidang kuasa beliau dan bertentangan dengan peruntukan undang-undang, maka dikhuatiri tindakan-tindakan yang diambil oleh penguatkuasa eksekutif ini akan dipertikaikan oleh pembayar cukai atau pihak-pihak yang berkenaan. Dengan demikian, bagi memastikan urusan pungutan cukai yang efisien terus dilaksanakan serta untuk mengelakkan sebarang pencegahan dengan peruntukan undang-undang

yang sedia ada maka Akta LHDNM 1995 (Akta 533) perlulah dipinda.

Pindaan yang dibuat kepada seksyen 2, 6, 7, 9, 20, 30, Jadual Kedua dan Ketiga, Akta LHDNM 1995 (Akta 533) adalah bertujuan untuk membolehkan Ketua Setiausaha Perbendaharaan berdasarkan jawatannya menjadi Pengerusi Bukan Eksekutif LHDNM bagi menggantikan pengerusi eksekutif yang ada sekarang di samping mengadakan peruntukan bagi perantikan seorang Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga yang juga merupakan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri yang akan bertanggungjawab bagi pentadbiran harian Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Mersing.

7.49 mlm.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan kepada Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah jabatan kerajaan yang pertama dilembagakan. Walaupun akta penubuhan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah diwartakan pada Februari 1995 dan berkuatkuasa pada 1 Mac 1996, terdapat beberapa perkara pokok yang belum sempurna dari segi fungsi dan kuasa-kuasanya. Ini mengakibatkan kekeliruan dan kesamaran dalam pentadbiran pungutan cukai negara.

Orang ramai menjadi bingung dengan wujudnya Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dan pada masa yang sama wujud Pengerusi Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kedua-duanya menguatkuasakan pungutan hasil cukai. Di akhbar pernah disuarakan kenapa perlu Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mengeluarkan risalah panduan kepada pembayar cukai dan dalam sampul surat

yang sama, Pengerusi Eksekutif LHDN mengepik surat penerangan di belakang borang return cukai pendapatan? Dengan berlakunya perkara begini, nampak semacam ada dua ketua menerajui sebuah organisasi pungutan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, jika tujuannya sama, kenapa tidak diselaraskan hal ini supaya rakyat pembayar cukai tidak jadi keliru. Justeru itu, langkah kerajaan meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan memansuhkan jawatan Pengerusi Eksekutif dan memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik Ketua Pegawai Eksekutif yang juga akan menjadi Ketua Pengarah adalah langkah yang amat tepat sekali.

Pemansuhan jawatan Pengerusi Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri dapat mengelakkan kekeliruan sepertimana contoh yang saya sebutkan sebentar tadi. Kuasa yang sedia ada, yang diberi kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 kesemuanya melibatkan pentadbiran harian iaitu urusan menaksir dan memungut cukai. Jika Ketua Pengarah Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah juga Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, maka segala pertindihan kuasa dan kekeliruan dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, syabas diucapkan kepada kerajaan kerana sedar tentang masalah ini dan mengambil tindakan segera untuk membuat pembetulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya langkah kerajaan melembagakan Jabatan Hasil Dalam Negeri, antaranya, memberi ruang kepada kerajaan untuk mempertingkatkan kebajikan pegawai termasuklah memberi skim gaji yang lebih baik. Ini sekali gus dapat mengurangkan pengaliran keluar pegawai-pegawai penaksir yang berpengalaman. Malangnya masih ramai pegawai yang berhenti dan menyuarakan hasrat untuk berhenti dan memasuki bidang lain.

Saya berasa sedih apabila diberitahu terdapat pegawai-pegawai di peringkat Profesional dan Pengurusan yang tidak pernah merasa kenaikan pangkat walaupun sudah berkhidmat dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri dan LHDN selama 15 hingga 20 tahun dan ada sesetengahnya memiliki Ijazah Kedua. Saya berharap pihak berkenaan dapat memberi perhatian kepada perkara ini dan sentiasa mempertingkatkan kebajikan kakitangannya.

Perkara ini adalah penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengikut pengalaman saya semasa bertugas di Jabatan Hasil Dalam Negeri dahulu, undang-undang cukai sama ada cukai pendapatan, cukai

petroleum, duti setem, cukai keuntungan harta tanah dan cukai langsung yang lain melibatkan pengetahuan teknikal iaitu pengetahuan undang-undang dan juga pengetahuan perakaunan yang mendalam dan tidak mungkin dipelajari apatah lagi menjadi mahir dalam tempoh yang singkat.

Seseorang pegawai penaksir perlu menjalani latihan dalam bidang undang-undang cukai dan perakaunan antara 5 hingga 8 tahun sebelum beliau dapat mengaudit atau menaksir sesuatu borang return cukai pendapatan syarikat. Setelah banyak wang dan tenaga digunakan untuk melatih pegawai-pegawai ini, kita tidak mahu melihat mereka keluar dari perkhidmatan cukai dan memasuki bidang lain.

Saya percaya jika ada prospek yang baik di Lembaga Hasil Dalam Negeri, pengaliran keluar pegawai-pegawai yang berkecualan dan berpengalaman tidak akan berlaku dan kalau adapun bilangannya tidaklah membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diingat bahawa selain dari Akta Cukai Pendapatan 1967, Jabatan Hasil Dalam Negeri juga diamanahkan untuk mentadbir Akta Petroleum, Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Duti Sewa Filem Cinematograph 1965 dan beberapa akta lain berkaitan dengan cukai langsung.

Penubuhan Lembaga Hasil Dalam Negeri bertujuan menjadi ejen memungut cukai untuk kerajaan dan sekali gus mengurangkan beban mengurus kepada kerajaan. Kita mengucapkan syabas kepada LHDN di atas usaha memberi kemudahan kepada pembayar cukai untuk menjelaskan tanggungan cukai melalui Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Kemudahan ini dimanfaatkan oleh rakyat di bandar, terutama Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya ingin bertanya pihak kementerian, apakah kesannya sejak kemudahan membayar cukai melalui bank ini dilaksanakan dan berapa ramaikah pembayar cukai yang menggunakan kemudahan tersebut?

Sehubungan dengan bayaran cukai pendapatan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak LHDN di atas cadangannya untuk membolehkan bayaran cukai dibuat di pejabat cawangannya di seluruh negara. Oleh kerana pejabat cawangan LHDN Tuan Yang di-Pertua, cuma terdapat di bandar-bandar tertentu dan bukan semua bandar kecil terdapat perkhidmatan bank.

Saya ingin mengesyorkan supaya bayaran kepada LHDN boleh dibuat di mana-mana Pejabat Pos Malaysia Berhad. Antara rasional syor saya ini ialah:

- (i) pejabat pos terdapat di merata tempat di seluruh negara, termasuk bandar-bandar kecil; dan
- (ii) rakyat jelata lebih kerap dan lebih selesa berurusan di pejabat pos seperti membayar bil air dan api (elektrik).

Bagi meningkatkan pematuhan cukai dan seterusnya prestasi Lembaga Hasil Dalam Negeri, saya percaya kemudahan dan keselesaan harus diberi kepada pembayar cukai dengan apa jua cara pun. Dalam hal ini, menjadikan pejabat pos sebagai saluran untuk menjelaskan cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah cara yang amat sesuai dan patut dilaksanakan. Pos Malaysia Berhad pula haruslah menerima tugas ini sebagai satu khidmat sosial dan tidak mementingkan sangat tentang habuannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang menjadi tanda tanya kepada orang ramai ialah tentang duti setem. Di daerah di mana tidak ada pejabat cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri, rakyat membayar duti setem untuk sesuatu dokumen di pejabat daerah kerana sudah kebiasaan rakyat tidak tahu atau tidak sedar bahawa duti setem ini sebenarnya di bawah bidang kuasa Lembaga Hasil Dalam Negeri. Di daerah di mana ada pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri, sesuatu instrument boleh disetamkan di pejabat itu, tetapi yang menjadi soalnya kenapakah instrument yang sama, duti setem yang dikenakan oleh pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak sama dengan caj yang dikenakan oleh pejabat daerah?

Apa yang penting ialah mengikut undang-undang, sesuatu dokumen perlu dimatikan setem secukupnya untuk menjadikannya dokumen yang sah dan boleh diterima pakai di mahkamah. Sekiranya duti setem terkurang bayar, maka pihak yang terlibat menanggung risiko. Bagi orang ramai, terutama rakyat luar bandar, perkara ini kurang diambil berat. Apa yang mustahak kepada mereka ialah dokumen mereka dimatikan setem, berapa - tak jadi soal, lebih rendah lagi baik.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga kepentingan orang ramai dan juga kepentingan hasil negara, saya ingin mengesyorkan di daerah yang tidak ada Lembaga Hasil Dalam Negeri kaunter duti setem di pejabat daerah dikekalkan dan dikendalikan oleh pegawai yang

terlatih dalam bidang duti setem. Saya yakin pihak INTAN boleh menyelaraskan latihan berkenaan dengan kerjasama Akademi Pencukaian Negara Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dengan latihan yang secukupnya pegawai-pegawai yang bertugas di pejabat daerah akan mampu membuat taksiran duti setem yang tepat dan betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atas kejayaannya menyediakan perkhidmatan homepage dan 'income tax infoline'. Ini membuktikan Lembaga Hasil Dalam Negeri juga tidak ketinggalan dalam penggunaan teknologi maklumat. Bagi menambah kepada perkhidmatan ini, saya menyarankan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengusahakan supaya ia 'on-line' dengan pejabat pencen di Jabatan Perkhidmatan Awam, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain bagi tujuan memproses kelulusan pencen seseorang pekerja yang bersara tetap. Sekiranya pihak-pihak ini dihubungkan secara 'on-line', maka masa yang diambil untuk memproses kertas persaraan seseorang pekerja akan lebih cepat. Banyak juga rungutan yang saya terima daripada guru-guru dan pegawai kerajaan dalam perkhidmatan lain tentang pencen dan ganjaran yang lambat diterima. Kadang-kadang bersara sudah enam bulan masih lagi menunggu bayaran ganjaran dan pencen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Ya. Perkhidmatan Lembaga Hasil Dalam Negeri berhubung dengan pekerja-pekerja yang akan bersara secara kekal boleh diberi dengan cekap dan cepat sekiranya pihak-pihak yang terlibat dihubungkan secara 'on-line'.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu tadi, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong. Selepas ini kementerian menjawab.

8.02 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri berusaha untuk menyelaraskan jawatan-jawatan di dalam LHDNM - satu perbuatan yang perlu untuk elakkan daripada kekeliruan dan masalah undang-undang yang timbul kerana tidak ada penyelarasan sebelum ini.

rekodnya di dalam komputer dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengkaji masalah ini kerana menurut seksyen 117 Akta Pendapatan 1967, kerahsiaan mestilah terjamin, mestilah terpelihara.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebab kita hendak bincangkan mengenai keberkesanan, kecekapan selepas penyelarasan pegawai-pegawai yang tertinggi, maka kita mestilah sebutkan beberapa contoh untuk dikaji oleh pihak kementerian, Tuan Yang di-Pertua.

Salah-satunya kita mesti menjaga kerahsiaan semua maklumat pembayar cukai dan apabila kita lantikkan syarikat swasta untuk mengemaskinikan rekod-rekodnya saya berharap tidak akan bocor maklumat-maklumat pembayar cukai kerana ini sangat penting dan juga Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga mencadangkan untuk di 'centralise' kan kutipannya. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaiman ini dapat di 'centralise' kan, bermakna akan diberikan kuasa kepada agen-agen ataupun syarikat-syarikat untuk mengutip cukai bagi pihaknya sebab sekarang dibuat di Ibu Pejabat di Jalan Duta dan apakah kaedah yang diwujudkan untuk di 'centralisation' ini kerana ini memang semua pembayar cukai hendak mengetahui apakah yang dibuat oleh pihak Lembaga untuk menjaga kepentingan pembayar cukai kerana kita membayar RM26 bilion. Memang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah lebih ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Hm?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah lebih.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah lebihkah? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian jawab.

8.15 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Mersing dan Kepong kerana telah memberi pandangan yang membina tentang Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 1997.

Mengenai masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Mersing tentang wujudnya

Pengerusi Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri yang menimbulkan banyak kekeliruan dalam masyarakat kita. Dan terima kasih juga saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Mersing kerana telah memberi sokongan atas pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa penubuhan Lembaga Hasil Dalam Negeri, telah diputuskan sebenarnya supaya Pegawai Eksekutif LHDN tidak diberi kuasa statutory. Sebaliknya, kuasa statutory dikekalkan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri yang juga akan mengawal selia perjalanan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Akan tetapi peraturan ini tidak dapat begitu kondusif untuk kelicinan pentadbiran Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi, kerajaan telah memutuskan supaya dapat untuk melicinkan pentadbiran, maka Ketua Pengarah ataupun chief executive officer (CEO) LHDN hendaklah diberi kuasa statutory supaya masalah operasi harian dapat diselesaikan dengan segera. Maka dengan adanya pindaan yang dicadangkan supaya LHDN ini ialah untuk memberi kuasa statutory kepada CEO dengan menjadikan CEO LHDN Ketua Pengarah HDN. Dengan pindaan ini CEO bukan sahaja mempunyai kuasa pentadbiran ke atas LHDN, tetapi juga mempunyai kuasa Ketua Pengarah HDN mengikut Akta Cukai Pendapatan. Untuk memastikan kepentingan kerajaan tidak terjejas, Pengerusi LHDN ialah Ketua Setiausaha Perbendaharaan, dan pindaan Akta Cukai Pendapatan ialah untuk menjadikan jawatan Ketua Pengarah bukan jawatan awam, iaitu public officer. Ini adalah untuk membolehkan Menteri Kewangan CEO, LHDN bukan sahaja dari Perkhidmatan Awam sahaja.

Tentang bilangan pegawai dan juga kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan kemudahan bagi pegawai dalam lembaga ini, sukacita saya maklumkan pegawai yang menerima option untuk memasuki Lembaga Hasil Dalam Negeri setakat ini ialah 5,797 orang, pegawai yang menolak 384, dan pegawai yang bersara terus 52 orang. Maka dengan angka-angka sedemikian, gambaran seperti yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mersing itu mungkin tidak begitu tepat sekali, oleh kerana pegawai yang menerima option itu masih menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat perkhidmatan dan kemudahan yang digunakan dalam perkhidmatan LHDN itu....

Tuan Zainal Abidin bin Osman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Mersing bangun.

Dato' Wong See Wah: Biar saya habis dahulu, Yang Berhormat. Jadi, masih terus diguna pakai, dan Lembaga Hasil Dalam Negeri belum lagi mengadakan syarat-syarat perkhidmatan yang tersendiri walaupun cadangan untuk menjadikan KWSP sebagai satu modal untuk dicontohi. Tetapi setakat ini masih digunakan syarat dan perkhidmatan dan kemudahan itu seperti yang sedia ada dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya maksudkan tadi ialah bukannya kenaikan pangkat ataupun kenaikan gaji daripada pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri kepada pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Yang saya maksudkan ialah kenaikan pangkat. Katakan dia dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri, misalnya kategori time scale. Daripada time scale dia pergi kepada senior time scale, itu yang saya maksudkan. Bukan dia beralih daripada jabatan kepada lembaga. Sekian, terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pergerakan gaji Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak lagi mengamalkan sistem pergerakan gaji yang digunakan pakai di dalam perkhidmatan kerajaan, mengikut Sistem Saraan Baru. Malahan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah menetapkan pergerakan gaji pekerjaannya seperti berikut, iaitu 7% dengan jenis pergerakan prestasi melintang, kuota yang digunakan 2% dan bilangan yang terlibat itu ialah 118 orang dan 6% melintang untuk jenis pergerakan dan menegak untuk prestasi 3% kuota dan 181 yang terlibat. Terdapat 5% dan 4% masing-masing untuk melintang dan mendatar, juga untuk jenis pergerakan, dan mendatar bagi prestasi, dan kuota yang sedia ada ialah 95% dan bilangan pegawai terlibat itu ialah 5,408 orang.

Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang dimaksudkan oleh rakan saya tadi, apa yang saya faham mengenai permasalahan 'eksesais' untuk kenaikan pangkat. Beliau ingin tahu apakah di dalam Perkhidmatan JHDN tidak ada kenaikan pangkat berlaku. Apabila mereka ditawarkan masuk ke lembaga, kedudukan mereka masih sama. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi ialah skim gaji ataupun pergerakan gaji SSB. Apakah apabila SSB ini

diimplementasikan, tidak ada proses kenaikan pangkat berlaku? Kenaikan pangkat ini biasanya kalau dalam Perkhidmatan Awam, daripada M3 ke M2, ataupun M1. Kenaikan pangkat mengikut kesesuaian, merit dan kelayakan mereka berdasarkan tahun-tahun yang ditentukan. Misal kata lima tahun buat exercise sekali untuk temuduga dan kenaikan pangkat, apakah ini berlaku ataupun tidak di dalam proses peralihan perkhidmatan ini? Terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, setakat ini syarat-syarat kemudahan dan perkhidmatan itu masih kekal sama digunakan seperti yang sedia ada dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri pada masa dahulu. Walau bagaimanapun, modal KWSP dikaji dan kalau ada cadangan untuk mewujudkan satu syarat ataupun untuk kemudahan untuk perkhidmatan ini, mungkin adalah berasaskan kepada modal KWSP dan segala tambahan ataupun perubahan itu adalah berasaskan dari modal KWSP. Itu pun termasuk juga untuk naik pangkat ataupun kemudahan ataupun naik gaji tambahan increament dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tentang refund, pulang balik. Sukacita saya maklumkan iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong iaitu sedang mengkemaskinikan kemasukan KEDA berhubung bayaran bulanan melalui potongan cukai berjadual. Jadi, apabila exercise ini selesai kedudukan akaun, pembayar cukai dapat dipastikan pada masa yang singkat akan mempercepatkan proses bayaran balik. Tentang borang-borang diperlukan masa ini untuk kita memohon pembayaran balik itu, adalah untuk membuktikan oleh kerana komputer itu masih dalam keadaan yang tidak begitu kemaskini, jadi data-data tidak dapat diperolehi untuk memastikan ketetapan angka-angka yang terlibat itu. Maka bukti-bukti untuk membuktikan bayaran ataupun angka-angka tertentu itu perlu dipastikan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan. Itulah mengapa setakat masa kini prosedur yang digunakan itu adalah diperlukan.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Wong See Wah:sebelum komputer ataupun sistem masukkan data itu dapat dikemaskinikan, proses yang sedia itu akan digunakan dan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan?

Dato' Wong See Wah: Tidak payahlah. LHDN bercadang untuk membayar cukai yang terlebih dipungut tanpa pembayar cukai perlu membuat permohonan kemudian. Seperti yang saya katakan, kalau dapat exercise ini dikemaskinikan pada masa kemudian, jadi pembayar cukai itu kalau telah membayar cukai berlebihan tanpa mereka membuat permohonan, LHDN akan membayar balik cukai yang berkenaan. Apabila notis taksiran dikeluarkan kepada seorang pembayar cukai, kedudukan amaunnya akan ditentukan. Sekiranya terdapat kredit, lebihan itu akan dikembalikan. Sekiranya cukai terhutang, kalau ada yang hutang, bayaran bulanan akan diteruskan dari kedudukan akan ditentukan semula di tahun berikutnya apabila notis taksiran untuk tahun itu dikeluarkan.

Mengenai kerahsiaan, walaupun setakat ini kerja-kerja untuk mengemaskinikan data komputer itu diuruskan oleh pihak swasta, sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu pergerakan ataupun exercise ini adalah dijalankan bagi bawah kawalselia ataupun di bawah peruntukan-peruntukan yang sedia ada dan di Dewan ini diberi jaminan iaitu segala tindakan dan peruntukan telah diambil untuk menjamin kerahsiaan satu-satu pembayar cukai itu masih dapat dikekalkan.

Tentang beberapakah ramai pembayar cukai yang menggunakan perkhidmatan bank. Dukacita saya maklumkan setakat ini tidak dapat saya memberikan statistik oleh kerana ini adalah satu perkara yang baru dan belum dapat kita mengesani sama ada ini adalah memberi kesan yang baik ataupun telah mendapat sambutan daripada pihak pembayar cukai. Tetapi pada pandangan pihak LHDN ini adalah salah satu perkhidmatan yang memudahkan pembayar cukai untuk membayar cukai di mana-mana satu bank. Cadangan supaya pembayar cukai membayarnya melalui fax Pejabat Pos. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini bank Bumiputra tidak mengenakan bayaran untuk memberi perkhidmatan ini daripada pihak LHDN. Manakala Pejabat Pos mengenakan bayaran untuk perkhidmatan ini. Saya percaya kalau kita teruskan rundingan dengan Pejabat Pos, dan haraplah mendapat kita capaian satu terma yang dapat dipersetujui oleh semua pihak dan mungkin perkhidmatan untuk mengutip bayaran cukai itu dapat dilakukan di semua Pejabat Pos.

Kenapa duti setem yang dikenakan oleh pegawai daerah berbeza dengan yang dikenakan oleh LHDN

dan cadangan juga supaya kakitangan pejabat daerah dilatih dalam undang-undang duti setem.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Hasil Dalam Negeri sememangnya memberi latihan kepada kakitangan di pejabat daerah. Di samping itu LHDN juga akan memperkenalkan kaunter bergerak secara beransur-ansur di semua tempat di Malaysia. Apakah bezanya konsep discentralisation yang akan dilakukan?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang pungutan cukai adalah dibuat oleh cawangan pengarah dan dengan adanya discentralisation, maka semua cawangan LHDN akan dapat memberi perkhidmatan kaunter bayaran di semua tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini sahajalah dan segala teguran serta persoalan yang telah ditimbulkan di mana yang sempat saya jawab dan kalau terdapat mana-mana yang tertinggal saya harap pegawai kita akan dapat mengambil kira dan tindakan susulan akan diambil. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.34 m.m.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1997 bertujuan untuk meminda seksyen 134 Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), berikutan dari penguatkuasaan Akta

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ini pada 1hb. Mac, 1996 semua pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) melainkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dan mana-mana pegawai yang tidak membuat opsyen untuk berkhidmat LHDNM bertukar status daripada pegawai awam kepada pegawai LHDNM.

Berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk melihat mana-mana fail berkaitan dengan pembayar cukai ataupun memutuskan supaya penyiasatan dijalankan oleh mana-mana pihak. Kuasa ini kekal dan tidak boleh diturunkan kuasa kepada Pengerusi Eksekutif LHDNM. Walau bagaimanapun, di dalam pengurusan harian sekarang Pengerusi Eksekutif LHDNM masih terus melaksanakan tugas-tugas ini memandangkan perkara ini adalah di luar bidang kuasa pegawai eksekutif LHDNM dan bertentangan dengan peruntukan undang-undang, maka dikhuatiri tindakan-tindakan yang diambil oleh Pengerusi Eksekutif LHDNM ini akan dipertikaikan oleh pembayar cukai ataupun pihak-pihak yang berkaitan. Dengan demikian, bagi mengelakkan pengurusan sistem yang sedia ada menimbulkan percanggahan dan tidak menjurus kepada satu sistem pungutan cukai yang efisien, maka peruntukan di dalam Akta Cukai Pendapatan 1997 (Akta 43) perlulah dipinda.

Pindaan yang dibuat pada seksyen 134 Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) adalah bertujuan mengadakan peruntukan bagi perlington Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang juga merupakan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri selaras dengan pindaan yang dibuat ke atas LHDNM 1995 (Akta 533). Pindaan ini juga bertujuan mengadakan perlington bagi Timbalan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Pengarah Hasil Dalam Negeri Sabah dan Sarawak, Penolong Pengarah Kanan dan Penolong Pengarah Hasil Dalam Negeri dari kalangan pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. ...

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta

Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, sila Kepong.

8.38 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan ini, maka Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga sekarang menjadi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, juga tambahan kepada timbalannya. Dua timbalan ditambahkan serta Pengarah Hasil Dalam Negeri Sabah dan Sarawak, Penolong Ketua Pengarah, Penolong Kanan Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini kita nampak susunan pegawai-pegawai di dalam lembaga itu sudah lengkap, sudah baik dan kita berharap perkhidmatan pun akan dipertingkatkan. Di sini saya hendak bangkitkan dua perkara sebagai tugas-tugas yang dijalankan oleh pegawai-pegawai kanan yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini, terutamanya Ketua Pengarah.

Yang pertama mengenai carta pembayar cukai tax payers charter. Apabila kita pergi ke pejabat Lembaga susah hendak kita tengok tax payer charter, sebenarnya memang perlu dipaparkan supaya semua pembayar cukai dapat mengetahui apakah hak-hak pembayar cukai termasuk Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bising sangat, mereka mungkin tidak mengetahui apakah hak-haknya di dalam carta - di dalam piagam. Memang tidak tahu, tanyalah Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada peratusan yang mengetahui termasuk Parit yang Sulong. Tax payer charter - itu penting, misalnya di dalam charter atau piagam ini kalau pihak lembaga salah kutip, kutip dengan lebih, dia terpaksa membayar balik dalam tempoh 3 bulan, walhal

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa berjalan ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu. Kutipan.....

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua di sebelah sini.....

Seorang Ahli: Gulung! Gulung! Gulung!

Dr. Tan Seng Giaw: Di situ bukan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Walhal dengan kejadian di mana salah kutipan dilakukan melalui STDnya, mengambil masa berbulan-bulan tidak dibayar balik. Ini tidak mengikut piagam pembayar cukai, mungkin sebab itulah tidak dipaparkan dengan terang, dengan nyata charter ini di pejabat Lembaga. Saya harap keadaan ini dapat diperbaiki dan bukan sahaja diperbaiki, tetapi carta....

Seorang Ahli: Bila pergi tengok.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, susah kita hendak tolong Ahli-ahli Yang Berhormat pun susah sedikit. Mereka tahu ada carta, sekarang kita beri dia tahu bisung pula! Saya bercadang supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tunjukkan carta ini kepada Ahli-ahli Parlimen supaya mereka dapat mengetahui isi kandungan carta ini.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Pokok Sena.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Point of order 35(1),....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Seseorang yang berucap mesti tengok Speaker. [Ketawa] 35(1)!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya akan habis 8.45 malam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, janji ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan habiskan. Saya memang timbang rasa kepada semua orang. Masalah yang kedua bukan sahaja carta, tetapi tax agent. Berapakah bilangan tax agent yang ada di Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana tax agent, saya pun menggunakan tax agent dan saya rasa semua tax agent, mungkin 1,000 atau mungkin lebih 1,000 yang ada di Malaysia ini mempunyai etika yang baik, mempunyai standard yang baik. Saya akan bantu dan kita sama-sama boleh balik dengan selesaikan rang undang-undang ini - satu dua minit akan selesai, ada tiga minit lagi, tidak payah sambung, kerana masalah ini serupa sahaja dengan rang undang-undang yang lepas dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:saya hendak gulung Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai tax agent yang ada di Malaysia. Apakah prinsip-prinsip yang diperlukan untuk memastikan semua tax agent yang ada di Malaysia adalah benar-benar profesional, yang dapat menjalankan tugas dengan baik. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, minta jawapan.

8.43 mlm.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya tidak ada apa-apa hendak tambah kecuali ada soalan yang spesifik tentang angka, saya akan jawab secara bertulis. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebhagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam